

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA  
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor  
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.  
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mohd Zahari bin Md Azahar, DPMT.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
YBM Tengku Seri Bijaya Diraja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

**TIDAK HADIR**

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman  
WAKIL KOTA PUTERA

**PUKUL 9.30 PAGI**

Setiausaha Dewan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

**DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN TERENGGANU**

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

YANG BERTITAH DATO' YANG DI-PERTUA: Menjunjung Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu disebabkan oleh situasi wabak COVID-19 yang melanda negeri kita khususnya dan amnya di seluruh negara maka menurut Perkara 37 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah memperkenankan Perutusan Titah Ucapan Baginda dibaca oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Dipersilakan Setiausaha menyerahkan Perutusan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

*[Setiausaha Menyerahkan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar]*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membaca Perutusan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Di sini saya akan membacakan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Watiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud al-Mukhtafi Billah Shah, Sultan dan Yang di-Pertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan Takluknya di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidak dapat berangkat pada persidangan ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. *Alhamdulillah*, Beta bersyukur kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan limpah dan rahmat-Nya dalam pandemik ini kita masih lagi diberi kesihatan yang baik. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ dan sekalian ahli keluarga, para sahabat serta seluruh umat Baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan kehendak dan izin-Nya jua, Beta dianugerahkan kesihatan yang berterusan untuk melaksanakan amanah bagi menaungi dan memayungi negeri tercinta ini. Beta juga menzahirkan kesyukuran kerana seluruh rakyat negeri ini dapat menikmati keharmonian, keselamatan dan keamanan secara berterusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Perpaduan yang utuh merupakan kekuatan dan sebab kecemerlangan sesebuah tamadun. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Ali Imran ayat 103 yang bermaksud:-

*"berpegang teguhlah kamu seluruhnya dengan tali Allah dan janganlah Kamu berpecah belah".*

Islam merupakan agama rasmi Persekutuan yang semestinya menjadi pegangan dan petunjuk dalam melaksanakan amanah yang diberikan rakyat. Hormatilah prinsip Demokrasi Raja Berperlembagaan yang menjadi asas pembentukan Negara Malaysia. Justeru itu, suka Beta mengingatkan kita semua agar terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dengan mengetepikan perbezaan pendapat dan parti politik agar kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pandemik COVID-19 merupakan masalah utama dunia ketika ini. Ia merupakan krisis kesihatan global yang telah mengubah kehidupan normal manusia kepada cara kehidupan baharu (*new norm*). Kehidupan dan aktiviti harian rakyat kini terikat dengan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa sekali gus memberi kesan langsung kepada ekonomi dan sosial masyarakat.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan 18 Mac 2020, penularan pandemik COVID-19 terus berlaku dan menunjukkan peningkatan yang membimbangkan dalam negara termasuk Negeri Terengganu.

Bilangan kes baharu harian seluruh negara terus meningkat melebihi 20,000 dan jumlah kematian harian terus melonjak kepada lebih 150 orang. Negeri Terengganu juga terus menunjukkan *trend* peningkatan kes positif yang tinggi sejak pengisytiharan PKP 3.0 berbanding PKP 1.0 dan 2.0. Buat masa sekarang juga bilangan Pusat Kuarantin (QS) dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) juga semakin meningkat selari dengan peningkatan kes baharu. Beta difahamkan enam buah Pusat Kuarantin telah dibuka di seluruh Negeri Terengganu yang mampu memuatkan seramai 2,967 orang dan tujuh buah Pusat Kuarantin

dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dengan kapasiti 3,139 buah katil. Stadium Negeri juga telah dikenalpasti sebagai PKRC terbaru bagi penyediaan katil kategori yang memerlukan perhatian khas hospital memandangkan lokasi Stadium Negeri berhampiran dengan Hospital Sultanah Nur Zahirah. Kesan daripada penularan pandemik COVID-19 ini juga menjejaskan kehidupan rakyat terutamanya dari segi ekonomi. Perkara ini telah ditimbang oleh pihak Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah diperkenalkan Kerajaan merupakan salah satu kaedah untuk mengawal pandemik. Pada ketika ini, Program Vaksinasi merupakan kaedah terbaik untuk melindungi rakyat daripada COVID-19. Ianya diberikan secara percuma kepada semua warganegara dan bukan warganegara yang disalurkan melalui Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang ditetapkan oleh Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) Negeri dan Persekutuan.

Beta dimaklumkan, di Negeri Terengganu lebih 80.2% daripada masyarakat telah mendaftar untuk menerima vaksin, dan 15 buah PPV telah dibuka di seluruh negeri dan pelbagai program *Outreach* telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum bahawa CITF Persekutuan juga menghadapi kekangan sumber vaksin di peringkat global, menyebabkan kadar penerimaan stok vaksin di Negeri Terengganu sedikit terganggu. Beta berharap perkara ini dapat diselaraskan sebaik mungkin supaya usaha ini akan dapat membantu Negeri Terengganu mencapai *Herd Immunity* atau Imuniti Berkelompok di hujung tahun ini atau sebelum Monsun Timur Laut melanda. Oleh itu, suka Beta menyeru seluruh rakyat Terengganu supaya meningkatkan usaha untuk mendaftar sebagai penerima vaksin menerusi aplikasi MySejahtera, kaunter pendaftaran vaksin di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta dan lain-lain yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Diharapkan kadar pendaftaran untuk mendapatkan vaksin dan kadar vaksinasi dapat dipertingkatkan secepat mungkin bagi mengawal penularan wabak COVID-19 ini.

Justeru itu, Beta juga berharap tindakan lebih tegas diambil dalam memastikan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi supaya penularan kes baharu dapat diatasi dalam keadaan sektor ekonomi



dibuka. Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan CITF Negeri Terengganu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu, semua barisan hadapan dan sukarelawan yang bertungkus-lumus melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam membantu memerangi COVID-19 ini dan pengurusan program vaksin Negeri Terengganu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta sedar pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi meringankan beban rakyat. Inisiatif Kerajaan Negeri yang telah bermula sejak PKP 1.0, di mana sebanyak RM16.29 juta telah diperuntukkan melalui program Bantuan Pakej Rangsangan Terengganu Cakna. Bagi PKP 2.0 pula, sebanyak RM19 juta telah diperuntukkan melalui Program Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu (BERKAT). Manakala bagi PKP 3.0 Kerajaan Negeri meneruskan lagi program BERKAT dengan jumlah peruntukan RM6.4 juta.

Antara inisiatif tersebut adalah pengecualian bayaran sewa premis milik Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, pemberian moratorium kepada peminjam Pinjaman Pelajaran Yayasan Terengganu yang berpendapatan RM2,500.00 dan ke bawah turut diberikan secara automatik. Pada awal tahun 2021, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM268,000.00 kepada 536 buah Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi membantu pihak sekolah dalam menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk pembukaan sesi persekolahan baharu. Di samping itu juga, pemberian 1,600 buah tablet turut diagihkan kepada murid yang miskin serta kemudahan *top-up* RM100.00 kepada murid yang keluarga berpendapatan kurang daripada RM2,500.00.

Bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat yang berpendapatan rendah di negeri ini, Program Kad Sejahtera Terengganu Fasa 2 diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM5 juta disediakan bagi memberi akses perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Terengganu yang berpendapatan rendah ke klinik-klinik panel yang berdaftar di Negeri Terengganu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Secara umumnya, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 mengalami penyusutan berbanding tahun 2019. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Nasional pada tahun 2020 menyusut 5.6% berbanding peningkatan 4.4% pada tahun sebelumnya, di mana semua sektor ekonomi merekodkan pertumbuhan negatif. Pandemik COVID-19 ternyata telah memberi impak secara langsung kepada hampir kebanyakan aktiviti ekonomi negara. Pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan untuk mencegah penularan wabak COVID-19 yang telah mendorong kepada penutupan sementara sebahagian sektor ekonomi. Negeri Terengganu turut terkesan dengan penyusutan KDNK negatif 5.7% berbanding 3.3% pada tahun 2019. Kadar pengangguran negeri juga meningkat kepada 4.1% berbanding 3.5% pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, Indeks Pelopor (IP) pada April 2021, prestasi ekonomi Malaysia dijangka menggalakkan sekiranya pandemik mereda, sejajar dengan pengukuhan permintaan global apabila kelonggaran ekonomi telah dilaksanakan oleh beberapa negara. Dalam hal ini, Beta menyeru supaya Kerajaan Negeri merangka dan bersedia melaksanakan pelbagai strategi pemulihan yang berkesan dan komprehensif bagi memulihkan ekonomi negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sejumlah RM2.01 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan dan pengurusan negeri bagi tahun 2021. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM635.32 juta telah diperuntukkan bagi membiayai projek-projek pembangunan manakala selebihnya iaitu RM1.375 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus.

Beta berharap dalam belanjawan tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan Negeri memberikan fokus kepada perbelanjaan untuk pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negeri. Projek-projek pembangunan perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan kemampuan pertumbuhan ekonomi dan keperluan jangka masa panjang. Semua perbelanjaan secara *one-off* perlu diteliti semula

berdasarkan kedudukan dan komitmen kewangan semasa Kerajaan Negeri. Beta menyambut baik usaha Kerajaan Negeri meningkatkan fasiliti pengeluaran air bersih supaya gangguan bekalan air terutama di musim perayaan dapat dielakkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Melihat kepada kepentingan-kepentingan menyediakan sumber makanan yang mencukupi kini, Beta menyeru supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius dalam usaha membangunkan sektor pertanian ke satu tahap yang lebih tinggi. Ini memandangkan sektor pertanian menjanjikan pulangan ekonomi yang berbaloi jika dilaksanakan dengan kaedah yang tepat.

Beta dimaklumkan Tahun Pertanian 2021 sedang berjalan lancar, sejumlah RM25.3 juta iaitu peningkatan empat kali ganda telah diperuntukkan berbanding tahun 2020 yang melibatkan pelaksanaan 72 program dan 33 projek pertanian. Di antara program utama yang telah dilaksanakan adalah insentif pengeluaran beras MyGAP, penanaman Melon Manis Terengganu di Rantau Abang dan Projek Melabuh Unjam Dan Tukun di Perairan Terengganu. Beta juga menyambut baik perancangan Kerajaan Negeri yang telah mengisytiharkan Daerah Setiu sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu.

Beta mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya memperolehi peruntukan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi memperkasa sektor pertanian Negeri Terengganu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada aktiviti rantaian pertanian sekali gus menambah beban warga tani. Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan beberapa bantuan bagi petani, penternak dan nelayan sebagaimana berikut:

- a) Bantuan *one-off* COVID-19 sebanyak RM500.00 seorang kepada warga tani yang menyara hidup dengan hasil pertanian, penternakan dan perikanan serta rantaian industri makanan;

- b) Bantuan mekanisasi, peralatan dan input pertanian sebanyak RM1 juta kepada warga tani; dan
- c) Bantuan peralatan kepada nelayan zon A (Nelayan Pantai) sebanyak RM300,000.00.

Beta berharap program dan insentif kepada petani, penternak, nelayan dapat diteruskan dengan penambahbaikan pada masa akan datang.

Sektor IKS merupakan di antara sektor yang terkesan daripada PKP yang dikuatkuasakan. Ramai peniaga pasar tani, pasar malam, pengusaha restoran dan lain-lain yang kehilangan punca pendapatan, ramai yang terpaksa gulung tikar dan menganggur kerana tiada kemampuan kewangan untuk terus bertahan.

Oleh itu, Beta menyarankan agar Kerajaan Negeri terus membantu golongan ini daripada pelbagai sudut seperti bantuan sokongan kewangan, kemudahan premis perniagaan dan lain-lain yang berkaitan agar mereka dapat terus bertahan dan menjalankan perniagaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta difahamkan sektor pelaburan dan perindustrian di Negeri Terengganu masih berdaya saing dan mampan biarpun negara dilanda pandemik COVID-19. Berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, pencapaian pelaburan Negeri Terengganu bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 198% iaitu RM1.91 bilion berbanding tahun 2019 sebanyak RM638.8 juta.

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran ekonomi akibat wabak COVID-19, Kerajaan Negeri perlu berusaha mengembleng pelbagai inisiatif untuk menarik pelaburan baharu dengan kolaborasi pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (Terengganu Inc), Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan lain-lain.

Beta menyambut baik usaha Kerajaan Negeri meneroka bidang Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy*) seperti solar, air dan udara bagi pengekalan kelestarian alam sekitar. Beberapa projek telah dikenal pasti melalui Program Loji Janakuasa Solar Berskala Besar (LSS) di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) dijangka memberi manfaat besar kepada Kerajaan Negeri melalui pendapatan dengan mencapai 20% kapasiti campuran Tenaga Boleh Baharu (TBB) menjelang 2025. Pada tahun 2020, terdapat dua syarikat telah mengambil bahagian dalam sesi bidaan Program LSS dengan perolehan kouta 100 megawatt setiap satu yang dianggarkan melibatkan pelaburan RM800 juta. Diharapkan Kerajaan Negeri terus meneroka bidang ini berdasarkan kekayaan sumber alam sedia ada tanpa menjejaskan ekosistem alam semulajadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Negeri Terengganu merupakan negeri yang terkenal dengan pantai dan pulau-pulau yang cantik dan terpelihara. Pelbagai anugerah pelancongan telah diraih seperti Anugerah Ikon Pelancongan Baharu Terbaik melalui Jambatan Angkat (*Drawbridge*), Program Pelancongan Paling Popular melalui aktiviti mencandat sotong dan sebagainya. Malah pada tahun 2020 juga, Kampung Budaya Terengganu (KBT) di Muzium Negeri Terengganu berkonsepkan muzium hidup dijadikan produk pelancongan terbaharu mula beroperasi. Pengwujudan Kampung Budaya Terengganu ternyata memberi impak yang positif terutama dalam menarik kunjungan pelancong ke Negeri Terengganu Darul Iman. Pada tahun 2021, Terengganu bakal memiliki satu lagi daya tarikan pelancongan yang baharu apabila jambatan ikonik di Pulau Poh, Tasik Kenyir mula dibuka. Jambatan dengan jalan empat lorong sepanjang 133 meter ini dibina dengan bermotifkan kepala bangau.

Industri pelancongan merupakan sektor di antara yang terkesan akibat COVID-19. Oleh itu, Beta menyarankan agar Kerajaan Negeri meneruskan usaha membantu penggiat dan pengusaha sektor ini terutama sektor hospitaliti agar terus dapat bertahan dalam mengharungi waktu sukar ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pembangunan Kompleks Pentadbiran Bandar Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus dijangka beroperasi pada Februari 2022. Beta yakin pembangunan Bandar Baharu Kuala Nerus ini mampu menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi kawasan sekitar khususnya sektor perindustrian, komersial dan perumahan.

Pembangunan pesat dapat dilihat di Muara Utara dan Selatan Kuala Terengganu City Centre (KTCC). Pelbagai pembangunan komersial dan infrastruktur telah dirancang di kawasan itu. Suka Beta menyarankan agar pembangunan infrastruktur dan komersial di kawasan tersebut dirancang dan dilaksanakan dengan sebaiknya agar masalah kesesakan Lalulintas dan pemuliharaan alam sekitar terus terpelihara supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Beta difahamkan, Kerajaan Negeri sedang giat memenuhi salah satu keperluan asas rakyat iaitu perumahan. Sehingga tahun 2020, Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan 4 projek pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah peruntukan Negeri dengan jumlah unit keseluruhan 710 unit. Bagi tahun 2021, terdapat dua projek baharu yang akan dilaksanakan yang melibatkan pertambahan 400 unit. Kerajaan Negeri turut mengadakan usahasama dengan Kerajaan Persekutuan, melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di mana pada tahun ini, pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Besut sebanyak 450 unit akan dimulakan pada bulan Oktober ini. Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan turut dijalankan iaitu melibatkan pembinaan 50 unit rumah di setiap tapak di daerah Besut, Setiu dan Kemaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah membangunkan Sistem Pengumpulan Profil Rakyat Negeri Terengganu yang dikenali sebagai PRT20. Sistem ini dibina untuk membantu Kerajaan Negeri dalam membuat keputusan yang tepat bagi pemberian bantuan secara sistematik kepada rakyat dan golongan sasaran.

Dalam usaha memartabatkan Pendidikan Islam di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) telah menubuhkan Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) dan Sekolah Menengah

Islam Darul Iman (SMIDI). Bagi melengkapkan hasrat tersebut, Beta juga dimaklumkan Kerajaan Negeri akan menaiktaraf Kolej Al-Quran Terengganu (KQT) menjadi sebuah kolej universiti yang akan membuka peluang kepada rakyat Negeri Terengganu mengikuti pengajian di peringkat pengajian tinggi yang setaraf dengan kolej universiti mahupun universiti yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Negeri Terengganu terus konsisten dalam pencapaian cemerlang dalam peperiksaan awam. Beta ingin menzahirkan ucapan tahniah atas kejayaan luar biasa Negeri Terengganu dalam peperiksaan awam khasnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2020. Negeri Terengganu adalah satu-satunya negeri yang melepasi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 dan ini merupakan kali ketiga berturut-turut Negeri Terengganu mengungguli STPM kebangsaan.

Beta ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan kejayaan cemerlang dan gemilang dalam bidang pendidikan terutamanya kepada pihak Kerajaan Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu dan Yayasan Terengganu.

Beta melahirkan rasa bangga dengan kejayaan Dato' Mohd Azizulhasni Awang, yang telah membuat pencapaian terbaiknya di pentas Olimpik Tokyo 2020 dengan memenangi pingat perak. Kejayaan ini bukan sahaja menjadi milik peribadi *The Pocket Rocketman* tetapi turut dikongsi oleh seluruh rakyat Malaysia dan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Tahniah Beta ucapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Setiap tahun Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan membelanjakan jutaan ringgit untuk pembangunan masjid di seluruh negeri. Sehingga kini, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) telah merekodkan sejumlah 508 buah masjid dan 1,550 buah surau telah siap dibina di seluruh negeri. Negeri Terengganu terkenal dengan masjid yang indah dan menarik. Sungguhpun begitu, suka Beta ingin mengingatkan agar fungsi dan peranan masjid terus dijaga dan diperkukuhkan serta dipelihara, bukan sahaja daripada sudut fizikal malah pengisiannya hendaklah menjurus kepada syariat Islam yang sebenar.

Suka Beta menyarankan agar fungsi masjid turut difokuskan kepada pengukuhan perpaduan, memperkasa ekonomi umat dan sumber rujukan masyarakat ke arah kehidupan masyarakat yang lebih harmoni.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Di sebalik musibah itu, pada hakikatnya datang dari perbuatan tidak baik manusia itu sendiri. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* menerusi Surah Ar-Rum ayat 41 yang bermaksud:

*"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)"*

Beta berharap Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Memanda Beta, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar akan terus komited, berusaha memartabatkan lagi Agama Islam dan umat Islam di negeri ini. Usaha ini perlu dilakukan menerusi gerak kerja profesional, yang berupaya menangkis sebarang fitnah dan tuduhan jahat, sekali gus membuktikan kemampuan sebenar sistem Islam sebagai Ad-Din.

Adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mencorakkan Negeri Terengganu ke arah sebuah negeri yang Maju, Berkat dan Sejahtera. Oleh yang demikian, sepanjang sidang ini berlangsung, berbahas dan berhujahlah secara rasional dan ilmiah atas perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan dan manfaat bersama. Beta juga ingin mengingatkan supaya peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri terus dipatuhi dan dipertahankan. Beta yakin negeri dan rakyat akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup, sekiranya sikap hormat-menghormati dan mematuhi undang-undang dijadikan dasar utama.

Akhirnya, Beta berdoa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Menteri Besar bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, serta dengan kerjasama padu daripada jentera pentadbiran awam, akan mendapat petunjuk dan bimbingan



Ilahi bagi menyempurnakan tanggungjawab dan amanah, secara adil lagi saksama, jujur lagi ikhlas, amanah lagi berintegriti.

Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Dengan lafaz suci *Bismillahirrahmanirrahim*, Beta dengan sukacitanya merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Keempat Belas, Tahun 2021.

Selamat Bersidang. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sekianlah sahaja Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 10.30 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.08 PAGI

**PUKUL 10.30 PAGI**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-pertua Dewan.

**UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah*, marilah sama-sama kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana masih diberi peluang untuk kita mengadakan persidangan buat kali pertama pada tahun ini iaitu Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Ke-14 dalam suasana kita masih berperang menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini bagi merafak sembah dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia al-Watiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah di atas limpah perkenan Tuanku menyampaikan titah ucapan kepada persidangan kita yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebelum rehat tadi. Semoga segala input daripada titah Tuanku mendapat perhatian serius dari kita semua sebagai panduan dalam membangunkan Negeri Terengganu yang kita cintai ini.

Perjuangan kita melawan COVID-19 ini adalah perjuangan yang berterusan dan sesudah memakan masa hampir dua tahun di mana kita masih belum menang

lagi. Tidak sedikit jiwa yang telah terkorban, kesihatan dan pendidikan yang terjejas, ekonomi yang menguncup dan mereka yang hilang mata pencarian serta sekatan aktiviti sosial. Walau bagaimanapun kehidupan mesti diteruskan dan kita harus menyesuaikan diri dengan norma-norma baru. Bahkan, mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), virus ini buat masa ini hampir mustahil dihapuskan dan manusia perlu bersedia menyesuaikan diri untuk hidup bersama virus ini iaitu pada fasa 'endemik' dan inilah fasa baru yang telah diambil perjalanan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kita juga tidak lupa untuk mengambil kesempatan persidangan ini bagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sebagai *frontliners* yang banyak berkorban menghadapi cabaran pandemik ini. *Jazakumullahu Khairal Jaza'*. Apapun yang kita lakukan dalam menghadapi ujian ini, sebagai umat Islam sudah tentu kita perlu kembali menghayati apa yang disebutkan dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

*"Hai orang-orang yang beriman, jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu, sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."*

*(Surah Al-Baqarah: 153).*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

*Alhamdulillah* kita berada dalam Dewan persidangan pada kali ini dalam suasana baru dari segi kemudahan sebahagian infrastrukturnya, sesuai dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 sebagaimana yang digarabkan dalam Pelan Induk Kerajaan Digital Pintar Terengganu 2021-2030. Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri besar kerana meluluskan peruntukan bagi menambah baik kemudahan yang ada dalam dewan ini iaitu dari sistem analog kepada digital yang mampu meningkatkan kualiti audio visual dalam Dewan persidangan kita dengan lebih selesa, *insya-Allah*.

Pada 9 Ogos 2021 baru-baru ini, suatu persidangan Speaker-speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia telah diadakan secara atas talian di mana Dewan Undangan Negeri Pahang menjadi tuan rumah. Antara resolusi yang dicapai adalah berkenaan usaha-usaha memberdaya institusi badan

legislatif Dewan Undangan Negeri sebagai institusi semak dan imbang secara lebih efektif bagi mengukuhkan sistem demokrasi berparlimen di negara kita. Sudah tentu, perkara penting seumpama ini perlu diperhalusi dan mendapat pandangan dari pelbagai pihak dengan semangat musyawarah. Turut dibincangkan juga kertas kerja dari Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengenai pengurusan persidangan ketika pandemik COVID-19 dan kertas kerja mengenai konsep dan amalan demokrasi dalam konteks Perlembagaan Persekutuan oleh Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Abd Aziz, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya sedar bahawa badan legislatif kita telah lama tidak bersidang tetapi ini bukan disengajakan. Kali terakhir persidangan kita ialah pada bulan November tahun lepas yang melibatkan pembentangan Bajet 2021. Hal ini dapat kita fahami bersama kerana masalah pandemik COVID-19 dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dan penggantungan Dewan Undangan Negeri akibat perintah darurat yang baru sahaja berakhir pada 1 Ogos yang lalu. Saya yakin banyak perkara dan isu-isu yang ingin diketengahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Persidangan kita selama tiga hari ini juga sudah tentu mengambilkira suasana ancaman COVID-19. Hanya Ahli Dewan Undangan Negeri dan *Ex-officio* Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sahaja yang terlibat sementara ketua-ketua jabatan sama ada di peringkat negeri atau persekutuan walaupun tidak berada dalam Dewan ini, mereka diminta mengikutinya secara atas talian yang mana persidangan disiarkan secara langsung. Kita boleh tengok di skrin sekarang ini, mereka berada di pejabat masing-masing. Saya juga terpaksa memendekkan masa persidangan kepada lebih kurang pukul 1.00 tengah hari saja setiap hari atas nasihat dari Majlis Keselamatan Negara dan Negeri. Ini bermakna tidak ada persidangan pada sebelah petang.

Saya memohon maaf sekiranya peraturan-peraturan dan SOP yang ditetapkan bagi menghadiri sidang pada kali ini dan sewaktu sidang berjalan agak ketat menyebabkan Ahli-ahli Yang Berhormat merasa tidak selesa. Keputusan dibuat umpamanya mewajibkan setiap Ahli-ahli Yang Berhormat menjalani *swab test* sebelum persidangan dan setiap hari perlu membuat *saliva test* secara sendiri

serta mereka yang bergejala tidak dibenarkan masuk adalah untuk memastikan keselamatan kita bersama, insya-Allah.

Perang pandemik menuntut idea,  
Sama berfikir bukan berkelahi,  
Sidang dibuka Yang Berhormat bersedia,  
Moga bermanfaat rakyat menanti

Saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat mengambil peluang persidangan ini untuk sama-sama berbahas secara sihat dan fokus kepada kebajikan rakyat. Usah kita pertikaikan perkara-perkara picisan yang menyebabkan perbalahan sesama sendiri kerana dalam era pandemik seperti ini, setiap wakil rakyat perlu bersatu, berganding bahu demi kemaslahatan rakyat. Dalam menguruskan kepentingan politik dan kehidupan bermasyarakat, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sentiasa memberi peluang yang terbaik untuk kita manfaatkan dan jangan sekali-kali dipersiapkan. Kita boleh berbeza pendapat dalam perkara-perkara cabang (*furu'*) tetapi atas nama kita sebagai umat islam tidak ada apa-apa alasan lagi untuk kita tidak boleh bersatu dan bermuafakat dalam perkara-perkara dasar (*Usul*) demi kepentingan masa depan agama kita, bangsa kita dan survival generasi yang akan datang.

Akhirnya saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat sekalian supaya sentiasa mematuhi Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan (*Standing Rules and Orders*) Negeri sepanjang 3 hari persidangan kita berjalan. Oleh kerana kita telah lama berada dalam Dewan ini, tidak perlulah saya mengulangi peraturan-peraturan yang asas dalam *Standing Orders* seperti Perkara 46 terutama cerai (xiii) dan (xx), Perkara 47 - fasal 1 dan 4 dan Perkara 47(A) dan juga Perkara 48. Marilah sekali lagi kita berdoa semoga persidangan kita berjalan lancar dan mendapat barakah dan rahmat dari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Sekian selamat bersidang,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

## **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Laporan Tahunan dan Kewangan Tahun 2019  
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu  
(D.U.N. Bil.1/2021)
2. Laporan Tahunan Tahun 2019 Majlis Agama Islam Dan  
Adat Melayu Terengganu  
(D.U.N Bil.2/ 2021)
3. Penyata Kewangan Bagi Tahun 2019 Majlis Agama  
Islam Dan Adat Melayu Terengganu  
(D.U.N Bil.3/2021)
4. Penyata Kewangan Bagi Tahun 2019 Lembaga Tabung  
Amanah Warisan Negeri Terengganu  
(D.U.N Bil.4/ 2021)
5. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri Satu  
Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat  
Kerajaan Negeri Terengganu  
(D.U.N Bil.5/ 2021)
6. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Mengenai  
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri  
Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Agensi Negeri  
Terengganu  
(D.U.N Bil.6/ 2021)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi menghormati Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang baru dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tadi dan memberi peluang Ahli-ahli Berhormat menelitinya untuk membuat perbincangan, saya tangguhkan persidangan Dewan sehingga ke esok hari, Selasa 14 September 2021 jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita tangguhkan dengan membaca tasbeeh kaffarah dan surah al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA  
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah  
WAKIL WAKAF MEMPELAM



Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor  
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawī bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.  
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mohd Zahari bin Md Azahar, DPMT.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
YBM Tengku Seri Bijaya Diraja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

**TIDAK HADIR**

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman  
WAKIL KOTA PUTERA

**PUKUL 9.30 PAGI**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula dan untuk mendapat keberkatan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* marilah kita mulakan majlis kita persidangan kita dengan membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis.
- (2) Soalan-soalan Lisan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Yang Berhormat Wakil Tepoh
2. Yang Berhormat Wakil Batu Burok
3. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
4. Yang Berhormat Wakil Sura
5. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
6. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
7. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
8. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
9. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
10. Yang Berhormat Wakil Bandar
11. Yang Berhormat Wakil Air Putih
12. Yang Berhormat Wakil Kemasik
13. Yang Berhormat Wakil Wanita

## SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Mereka yang telah mengemukakan notis Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 14 September 2021 ialah:

1. Yang Berhormat Wakil Tepoh
2. Yang Berhormat Wakil Batu Burok
3. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
4. Yang Berhormat Wakil Sura
5. Yang Berhormat Wakil Telemong
6. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
7. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
8. Yang Berhormat Wakil Manir
9. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
10. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
11. Yang Berhormat Wakil Jertih
12. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
13. Yang Berhormat Wakil Langkap
14. Yang Berhormat Wakil Bandar
15. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
16. Yang Berhormat Wakil Air Putih
17. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
18. Yang Berhormat Wakil Ajil
19. Yang Berhormat Wakil Permaisuri
20. Yang Berhormat Wakil Kemasik
21. Yang Berhormat Wakil Wanita

Sebelum kita mulakan sesi Soalan Lisan, saya hendak ingatkan sedikit. Kita sebenarnya dihadkan oleh masa. Oleh sebab itu, saya tidak bercadang untuk memberikan laluan kepada soalan tambahan yang banyakkah terutama soalan-soalan yang tidak bertindih. Adapun soalan-soalan tambahan untuk menjawab soalan-soalan yang bertindih dengan maksud yang telah digabungkan, saya akan memberikan peluang sedikit. Jadi, saya mulakan sesi Soalan Lisan dengan menjemput dan mempersilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh, dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1-

*Pohon dinyatakan laporan kebocoran paip air di dasar Sungai Terengganu awal Ogos tempohari?*

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Dato'-Dato', Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat Backbencher dan Yang Berhormat sahabat saya sebelah kanan saya ini, semua yang hadir sekalian. Nampaknya soalan daripada Yang Berhormat Tepoh ini ada kesamaan dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Rakit dan juga Yang Berhormat Seberang Takir.

Kita tahu bahawa berkaitan dengan kebocoran air ini melibatkan enam buah DUN dan 104 JPKK yang terlibat. Sudah tentu menjadi minat kepada sahabat-sahabat kita daripada ADUN-ADUN untuk mengetahui lebih jelas. Berkaitan dengan soalan nombor satu ini daripada Yang Berhormat Tepoh iaitu berkaitan dengan nyatakan laporan kebocoran paip air di dasar Sungai Terengganu yang berlaku pada Ogos tempohari.

Sebenarnya telah berlaku dua krisis, krisis yang pertama bermula daripada 2 Ogos berakhir pada 13 Ogos dan krisis yang kedua daripada 23 Ogos berakhir pada 9 September baru-baru ini. Iaitu apa yang berlaku ialah kebocoran paip ataupun paip pecah di dasar Sungai Terengganu antara Jeti Losong Feri sehinggalah ke Bukit Datu yang mana paip ini telah dibina pada tahun 2003 dan siap pada 2006, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, difahamkan ditubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan untuk membuat laporan yang lengkap berhubung dengan krisis yang berlaku pada kedua-dua fasa ini. Jadi bolehkah Yang Berhormat menyatakan keanggotaan Jawatankuasa Siasatan ini dan adakah ia

melibatkan mana-mana ahli politik yang berada dalam Jawatankuasa tersebut, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sebelum teruskan menjawab, soalan yang lebih kurang sama daripada Wakil Seberang Takir dan juga Wakil Batu Rakit. Jadi saya cuma hadkan soalan tambahan daripada tuan punya soalan yang asal memang saya bagi peluang kepada dua lagi daripada Wakil yang saya sebutkan tadi. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Memang betul kita telah mengarahkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Siasatan yang diketuai oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN). Siasatan tersebut kita peringkat awalnya masa krisis yang pertama, saya telah mengarahkan supaya disiapkan laporan tersebut dalam masa 30 hari. Tetapi apabila berlaku krisis yang kedua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan supaya Jawatankuasa tersebut menyiasat juga berkaitan dengan krisis yang kedua. Jadi saya suka menyambungkan siasatan tersebut sehingga 24 September ini.

Antara keanggotaannya:

- i) Pengarah UPEN /  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) - Pengerusi
- ii) YB Penasihat Undang-Undang
- iii) Pengarah Tanah dan Galian
- iv) Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
- v) Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Kuala Terengganu
- vi) Pejabat Daerah/Pentadbir Tanah Kuala Nerus
- vii) Pengarah Jabatan Pengairan Saliran (JPS)
- viii) Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- ix) Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains
- x) Pengarah Lembaga Air Terengganu (LAUT)
- xi) Pengarah Jabatan Bekalan Air
- xii) Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu (SATU) dan;
- xiii) Timbalan Pengarah (Sektoral) UPEN - Urus Setia Jawatankuasa

Itu sahaja daripada Ahli-ahli Jawatankuasa, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat. Daripada soalan daripada...

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kijal...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ...bertanya soalan yang berkait, saya bagi peluang kepada Wakil Seberang Takir dahulu. Wakil Seberang Takir, sila.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Saya pertamanya nak ucap tahniahlah kepada Kerajaan Negeri kerana dapat menyelesaikan isu ini walaupun peringkat kalau sebelum ini Kerajaan Negeri menyatakan bahawa Kerajaan terdahulu banyak meninggalkan hutang tetapi projek yang meninggalkan hutang itulah yang telah menyelesaikan krisis yang berlaku baru-baru ini. Soalan yang hendak saya kemukakan ialah berkait dengan punca kerana saya difahamkan bahawa kontraktor yang berkenaan sebelum ini telah mendapat projek ini tetapi tidak berlaku pun. Ini saya rasa adalah disebabkan oleh pemantauan dan juga tindakan yang telah dibuat oleh jabatan-jabatan memastikan bahawa isu ini tidak berlaku tetapi yang menjadi permasalahan di sini kenapa masalah ini berlaku. Adakah kerana kelulusan kedua yang diberi tidak berkait dengan teknikal kerana saya difahamkan dia mesti daripada *intake* itu ataupun daripada paip SATU itu mesti sekurang-kurangnya 500 meter jaraknya boleh dilakukan untuk proses pengambilan pasir. Jadi ini menunjukkan bahawa satu tindakan yang tidak berapa tepat atau kesalahan yang telah dibuat oleh kontraktor yang sepatutnya tindakan awal diambil yang *insya-Allah* dan mungkin juga perkara yang berlaku ini tidak akan berlaku. Jadi persoalan saya ialah adakah kontraktor ini telah melakukan kesalahan ataupun kerana kesilapan jabatan-jabatan atau Kerajaan Negeri yang tidak buat pemantauan sehingga berlaku krisis yang menyusahkan hampir 30,000 rumah di kawasan yang terlibat. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.



YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih ADUN Seberang Takir. Kawasan Yang Berhormat pun terlibat agak banyak iaitu 4,375 akaun yang terlibat di kawasan Seberang Takir. Tadi ada dua benda di sini. Pertama berkaitan projek KTU dan keduanya sebab apa berlaku kebocoran. Projek KTU ini yang mula dilaksanakan pada tahun 2016 dan sehingga kini baru dapat menyelesaikan sebahagian ataupun 50% pengeluaran air iaitu 60 mld dan seterusnya kerja-kerja yang akan dilakukan dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan.

Keduanya berkaitan sebab apa berlaku. Berlaku ini ialah kerana pecah paip sebab apa pecah paip ataupun patah paip tersebut ialah kerana hilang sokongan di dasar sungai yang menyebabkan paip tersebut tergantung sejauh lebih kurang 80 meter. Kita tahu bahawa projek ini dilaksanakan pada tahun 2003 dan siap pada tahun 2006 dan waktu itu paip ini ditanam sekitar antara 1.5 meter hingga 2 meter dalam tanah tetapi apa yang berlaku pada tahun ini selepas dibuat siasatan iaitu hilang sokongan ataupun kawasan tersebut terhakis sejauh 80 meter dan kita tahu bahawa sejumlah apabila kita lihat kebelakang sejak 10 tahun ini telah banyak pengusaha-pengusaha pasir yang diluluskan sejauh lebih kurang daripada 5 kilometer dari kawasan tersebut. Sebanyak 12 pengusaha pasir dan sehingga hari ini baru-baru inilah 7 pengusaha pasir masih aktif dan limanya telah berhenti dan kita tidak boleh *pinpoint* kepada mana-mana pengusaha pasir kerana benda ini telah lama berlaku dan sehingga kini masih 7 tadi masih aktif dan kita tahu apa yang dihasratkan dalam persoalan tersebut ialah berkaitan dengan kontraktor yang mana yang paling hampir yang telah diluluskan oleh kerajaan dalam MMKN pada tahun 2016 telah diluluskan pada satu syarikat. Namanya Syarikat Hairudin. Tahun 2016 dan *expired* pada tahun 2018 sambung lagi dan akan berakhir pada 31 Disember pada tahun ini. *So* sebab apa berlaku patah, sebab apa berlaku hakisan. Itulah yang menjadi persoalan kepada kita untuk sama-sama kita renung. Kita lihat dalam maklumat pada tahun 2016 agensi-agensi apabila ada permohonan tanah ataupun permohonan korek pasir ini urusan pasir ini jadi dia minta pada UPEN kemudian ada ulasan daripada agensi-agensi kerajaan dan pada waktu itu kita lihat tidak ada satu pun agensi kerajaan yang menyatakan di sana ada paip. Itulah yang menjadi masalah kerana tidak ada agensi yang menyatakan paip ada di situ, tetapi ada ulasan agensi yang menyatakan muka sauk di bahagian hulu hampir 5 kilometer tetapi sama ada JBA ke SATU ke JPS ke seolah-olah tidak wujud paip di dasar sungai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat panjang lagi ke jawapan?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Agak panjang juga kerana.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sebab saya ingat kalau ada penjelasan lanjut boleh dimasukkan dalam penggulungan nantilah sebab kita telah ambil masa dekat 15 minit lebih dah satu soalan.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *So* itulah secara dasarnya bahawa pada tahun 2018 pun ulasan daripada agensi pun sama tidak menyentuh berkaitan dengan kewujudan paip di sana. Sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima Kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Wakil daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok wi* saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: macamana kata tadi?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok* beri saya soalan *se?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan daripada Yang Berhormat lebih kurang je *dok?*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Lebih kurang soalan mungkin tanya hal lain sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia kena ambil soalan hok asal Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan asal saya pun termasuk dalam soalan asal. Tadi Dato' Yang di-Pertua kata Seberang Takir dengan Batu Rakit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apalah, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Beri ar saya *se dok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Silalah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya bukan soalan lagi. Hampir sebulan krisis ini berlaku. Ada berduyun-duyun terpaksa beli tong, perniagaan terpaksa ditutup, homestay batal tempahan. Jadi adakah Kerajaan bercadang membayar pampasan ataupun ganti rugi kesusahan kepada yang terkesan akibat daripada krisis air ini dan kalau ada saya cadangkan sekurang-kurangnya RM500.00 satu akaun kerana akaun di Batu Rakit 8,438. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih daripada Batu Rakit. Memang betul kawasan dia sejumlah 8,438 akaun yang terlibat dan kita tahu secara umumnya bahawa kemudahan awam termasuk air, elektrik, komunikasi dan lain-lain memang menjadi tanggungjawab untuk memberi kemudahan kepada rakyat jadi apa yang berlaku apabila ketiadaan air benda ini agak kita kata suatu kemalangan *so* bila ada kemalangan,

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya faham dah yang itu...

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kita tidak menjangkakan....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Cuma saya bangkit sini adakah Kerajaan bercadang untuk membayar pampasan ataupun ganti rugi. *Dok* payah ulaslah *dok* apalah jadi panjang pulok, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa, Yang Berhormat ada ke tidak cukup.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ada ke *dok* nak bayar pampasan. Rakyat *duk* tunggu.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Belum ada lagi

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kita pun "Maju Berkat Sejahtera". Kerajaan "Maju Berkat Sejahtera" jadi kesejahteraan rakyat *ning*...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya cukup, Yang Berhormat. Sila pihak kerajaan jawab. Ringkas sahaja.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Belum ada lagi Batu Rakit. Ok.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ok terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya terus berpindah kepada soalan yang daripada Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya tidak berapa dengar tadi ada ke *dok* sebab rakyat tertunggu-tunggu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukup-cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ada ke *dok* saya tidak berapa dengar tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dah ada *doh* tadi. Dia telah jawab tadi.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok eh* saya *dok* berapa dengar. Jawab sekali lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Macam ini Yang Berhormat.....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok eh*, Saya *dok* berapa dengar. Saya yang tanya saya *dok* dengar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat duduk dulu. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya cuma nak minta penjelasan sebab saya *dop* dengar. Ada ataupun tidak?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Belum ada lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Orang lain dengar belaka macamana Batu Rakit *dop* dengar.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maksud belum ada, akan ada?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kita akan bincanglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukuplah tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ok. Macam hari ini je baru tengok, biasa tegur sokmo.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bincang dengan saya ke atau bincang macamana tu.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Akan bincanglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi ke.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maksudnya tak *doplah ning*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya ingat dah jelas dah. Kita orang melayu belaka.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok eh betul doh* maksudnya tak *doklah* ke mungkin ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat jangan Yang Berhormat mengelirukan Dewan pula. Dia dah jawab tadi.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok* saya *dok* keliru *dok* saya tanya ada ke *tak dok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya nak buat berunding sekarang Perkara 26 maksud yang sebenar membuat soalan ialah mendapatkan penerangan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya hendak dapat penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti dulu dengar saya kata dulu. Soalan itu tidak boleh dijadikan helah bagi suatu perbahasan. Ini bukan soal perbahasan. Dia telah jawab ye tidak. Cukup.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): betul *doh*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya berpindah kepada Wakil Batu Burok. Sila.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

*Sejauh manakah kesan COVID-19 terhadap sektor pelancongan?*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, seluruh Ahli Yang Berhormat sekalian. Soalnya sejauh manakah kesan COVID-19 terhadap sektor pelancongan. Kehadiran pandemik COVID-19 telah menjejaskan aktiviti ekonomi berkaitan pelancongan dengan kerugian pendapatan melebihi 100 billion di seluruh Malaysia. PKP dan juga PKPD telah menyebabkan industri berasaskan pelancongan seperti penginapan, makan minum, pengangkutan dan peruncitan merosot teruk ekoran prestasi kedatangan pelancong yang sangat rendah. Berdasarkan laporan jumlah kedatangan pelancong ke Terengganu telah menurun sebanyak 49.1% pada 2020 berbanding 2019 iatu 2.67 juta orang berbanding 5.25 juta pada tahun 2019. Sekian.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):  
Soalan tambahan: Adakah Kerajaan Negeri mempunyai Pelan Pemulihan Pelancongan Negeri bagi menangani pandemik COVID-19 ini.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Merujuk kepada soalan Wakil Batu Burok. Sememangnya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan Terengganu 2021 bagi menangani kesan COVID-19 antaranya;

1. *Reopening Safely* (Pembukaan semula sektor pelancongan dengan selamat)

Di mana kita telah berusaha untuk memberikan vaksin kepada seluruh penggiat pelancongan dan *alhamdulillah* usaha yang pertama yang kita buat adalah kita memberikan vaksin di pengusaha dan juga penduduk. Dimulakan dengan Pulau Kapas kemudian Tasik Kenyir, Pulau Perhentian, Pulau Redang dan seterusnya ke semua pulau-pulau yang terdapat pusat-pusat pelancongan, 100% dari segi angkanya kecuali ada sedikit masalah di Pulau Perhentian apabila dos yang pertama kita berikan dan kita tunggu untuk dos yang kedua tiba-tiba ada jangkitan COVID-19 yang agak tinggi terpaksa ditangguhkan dan 6 September baru kita dapat memberikan vaksin yang kedua. Dan juga penggiat-penggiat pelancongan *dimainland*, dengan izin di sebelah darat *ni* kita telah selesai, *alhamdulillah*. Ini usaha yang kita buat.

2. Sokongan Kepada Industri

Antaranya sokongan Kerajaan Negeri mengadakan Program Pengindahan dan Keceriaan Produk-produk Pelancongan, tumpuan kepada segmentasi Pelancongan Berasaskan kepada Komuniti (CBT) dengan kita mengenalpasti lebih daripada 40 produk yang kita mengindah dan juga membuat keceriaan produk-produk tersebut. Dan dengan kerjasama yang baik daripada Pejabat Daerah dan PBT-PBT Tempatan dalam usaha untuk memastikan fasiliti di tempat pelancongan di seluruh daerah berada dalam keadaan yang terbaik.

3. Rangsangan permintaan

Yang kita buat dengan merangka pelbagai pelan promosi bagi merencanakan kembali sektor pelancongan domestik, mempergiat dan mempelbagaikan kaedah promosi pelancongan negeri menerusi *platform* Media Perdana Digital dalam menghidupkan semula sektor pelancongan. Mengadakan kempen promosi yang lebih agresif bagi menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

4. Mengadakan promosi pelancongan antarabangsa

Walaupun di peringkat antarabangsa mereka tidak boleh lagi datang ke Terengganu, *insya-Allah* kita yakin dalam waktu yang terdekat Kerajaan Malaysia akan membenarkan mereka datang ke Malaysia. Bahkan *insya-Allah* juga di Negeri Terengganu.

Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, sila.. saya nak bagi peluang kepada penanya soalan yang berkaitanlah. Saya persilakan Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okay, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Kebetulan soalan saya hari ini pun berkaitan dengan pelancongan. Kita semua sedia maklum bahawa industri pelancongan



merupakan antara enjin ekonomi utama juga kita di Terengganu. Jadi, sepertimana soalan daripada rakan kita di Batu Burok, kesan COVID-19 *ni* kepada sektor pelancongan di peringkat negeri. Jadi, soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh tak pihak Kerajaan maklum kepada kita apakah sumbangan ataupun bantuan kepada pemain-pemain industri pelancongan ataupun *tourism players* di Terengganu ini sepanjang tempoh PKP kerana kita nak tahu juga apakah bentuk bantuan sumbangan kepada mereka ini terutamanya *travel agent* dan juga pemain-pemain industri pelancongan yang lain di peringkat Negeri Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada soalan sebenarnya di belakang esok, nak jawab hari ini ke atau esok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terpulang kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebenarnya kita telah memberikan pelbagai bantuan melalui BERKAT 2.0 dan juga BERKAT 3.0. Antaranya Bantuan Ekonomi Rakyat Negeri Terengganu;

<b>Bil</b>	<b>Penerima</b>	<b>Jumlah Penerima</b>	<b>Nilai Bantuan</b>	<b>Jumlah</b>
1	Penarik Beca	50 orang	RM400.00	RM20,000.00
2	Bot Penambang	18 orang	RM400.00	RM7,200.00
3	Teksi Airport	43 orang	RM300.00	RM12,900.00
4	Malim Gunung	31 orang	RM300.00	RM9,300.00
5	Pengusaha Bot Tasik Kenyir	178 orang	RM300.00	RM53,400.00
6	Pemandu Pelancong	71 orang	RM300.00	RM21,300.00
<b>JUMLAH</b>		<b>391 orang</b>		<b>RM124,100.00</b>
7	Agensi Pelancongan	437 orang	RM300.00	RM131,100.00
8	Pemandu Teksi	394 orang	RM300.00	RM118,200.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>RM373,400.00</b>

Itu bantuan dan kita juga telah mengisytiharkan kepada penarik beca dan juga bot penambang bantuan bulanan bermula daripada bulan Jun sebanyak

RM200.00 setiap bulan. Itu di antara yang telah kita berikan melalui BERKAT 2.0 dan juga BERKAT 3.0. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Mintak maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, satu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ... Saya masih bagi peluang pada penanya soalan berkaitan daripada Wakil Sura dan juga Wakil Rantau Abang. Kalau *takdok* saya nak pindah pada soalan lainlah sebab kita kesuntukan masa

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebab soalan *ni* ramai sangat orang tertunggu-tunggu *ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Doh* betul dah...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ..saya nak tanya *ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: saya bagi peluang pada penanya soalan asal dulu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): saya kena beri peluang *ni* sebab hari *ni* memang seluruh rakyat Terengganu menunggu soalan *ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa, Yang Berhormat boleh sebut dalam Ucapan...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ...jadi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ...Penggulungan nanti.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ...jadi mohon Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Wakil Rantau Abang dengan Wakil Sura ada *dok*? Tak dok ye, tak dok saya nak pindah

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): *Tak dok*, beri ke saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ...kepada

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Satu soalan je Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ...*dok*, kita masa, masa tak banyak

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): soalan ini sangat penting Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sebab sekarang ini soalnya saya nak tanya *ni* je sebab berkait dengan peranan yang dimainkan oleh pegawai baru yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui EXCO Pelancongan. Jadi saya nak tahu peranan dia sebab ada macam-macam dengar desas desus *ni*. Jadi saya rasa elok Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kita mendengar jawapan sebab ada orang kata rapat dengan EXCO lah, hak kata nak kahwin dengan EXCO lah. Jadi banyak isu-isu ni. Saya rasa *molek*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apalah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ...EXCO Pelancongan jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ...isu-isu macam itu tak apa saya ingat tak perlu jawab sangat. Kalau ada benda berkaitan pun boleh disebut oleh pihak Kerajaan...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ...penting Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ...sewaktu Penggulangan

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): sebab sekarang ini Kerajaan terpaksa membelanjakan untuk memberi gaji pada dia. Jadi saya rasa elok sebab kita nak tahu apakah peranan dia sekarang ini kerana ini penting kerana...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa, tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ...kita nak tahu dalam keadaan sekarang ini pelancongan Terengganu ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: ... ini dah lari daripada soalan asal dah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya ingat kalau boleh nak tahu peranan pegawai baru ini paling tidak supaya kita memberi keyakinan kepada *player-player* pelancongan ini untuk mengetahui dengan kesan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya nak persilakan Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat sekarang ini. Soalan Yang Berhormat sekarang ini yang... Sila..

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu. Terima kasih.

Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia, ekonomi Negeri Terengganu telah menguncup teruk kepada negatif 5.7% pada tahun 2020, bawah daripada peratus nasional. Oleh kerana Kerajaan Negeri sekarang tidak lagi menggunakan pelan ekonomi Kerajaan Negeri (MEN-T), apakah pelan ekonomi Negeri Terengganu yang baharu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Wakil Seberang Takir atas soalan beliau. Sebelum saya menjawab soalan ini saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Seberang Takir kerana telah memperolehi PHD beberapa bulan yang lalu. Yang ditanya adalah berkait dengan penguncupan ekonomi Negeri Terengganu dan penggunaan Pelan Ekonomi Negeri sekarang ini. Kita semua sedia maklum bahawa semua negeri dan negara di dunia mengalami penguncupan ekonomi dan sepanjang tahun 2020, data unjuran ekonomi bank dunia menunjukkan bahawa penguncupan ketara dalam pengeluaran di negara ekonomi maju menguncup -7% manakala di negara membangun adalah pada -2.5%. Penyusutan KDNK pada tahun 2020 adalah memang sudah kita jangkakan susulan daripada Pelaksanaan Sekatan dan Kawalan Pergerakan bagi mengekang COVID-19, akibatnya negara kita mengalami penguncupan 5.6% berbanding dengan 4.4% dengan tahun sebelumnya dengan ke semua sektor mencatatkan pertambahan negatif manakala di Negeri Terengganu pula, menguncup 5.7% berbanding dengan 2.5% pada tahun sebelumnya.

Mengenai pelan ekonomi yang menjadi tajuk soalan ini pula, suka saya jelaskan bahawa kelima-lima Terengganu Key Economic Area (TKEA) di bawah Majlis Ekonomi Negeri Terengganu (MEN-T) masih diberikan perhatian dan tanggungjawab untuk menjayakannya dan ianya diberikan kepada beberapa unit dan agensi untuk mengikut bidang fokus masing-masing antaranya ialah kepada Invest Terengganu, kepada Jabatan Pelancongan dan UPEN yang memfokuskan dalam bidang masing-masing. Manakala Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030) yang merupakan pelan yang komprehensif merangkumi sektor ekonomi dan sosial akan memandu semua rancangan strategik Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama ialah kerana sebelum sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi yang berkait dengan PITAS tapi persoalan yang ingin saya kemukakan ini apakah fungsi PITAS dalam menangani kesan kejatuhan ekonomi yang sangat teruk ini. Sila Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, saya cuma nak mengingat sajalah sepertimana yang saya sebut peringkat awal tadi, kita kesuntukan masa saya hanya boleh benarkan satu soalan tambahan sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Soalan ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: melainkan yang bertindih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebab ini, kenapa saya tanya soalan ni ialah kerana

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Setakat ini saya sendiri dan juga saya yakin bahawa ramai pegawai-pegawai kita belum jelas lagi berkait dengan PITAS dan saya difahamkan PITAS ini pun belum dirasmikan lagi Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Amat Berhormat:

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tadi terima kasih kepada soalan tambahan daripada Seberang Takir. Saya ada sebut tadi bahawa PITAS atau Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 merupakan pelan komprehensif yang merangkumi sehingga 2030 bagi sektor ekonomi dan sosial untuk memandu semua rancangan strategik Kerajaan Negeri dan ingin saya jelaskan bahawa di awal Kerajaan kita dahulu, saya telah menegaskan bahawa mana-mana perkara yang baik dilaksanakan sebelum ini dan perlu penambahbaikan kita akan buat penambahbaikan. Oleh kerana itu mana-mana

yang tersenarai di bawah Majlis Tindakan Ekonomi sebelum ini kita ambil kira dan kita sesuaikan dengan pelan rancangan komprehensif dalam PITAS 2030 dan dalam masa yang sama oleh kerana kita berdepan dengan COVID-19 bermula daripada Mac 2020 maka beberapa perubahan dan *observation* semasa dengan izin perlu dibuat pengubahsuaian kepada perancangan asal yang ada dalam PITAS perlu dibuat kerana mengambil kira perkembangan ekonomi yang berlaku akibat daripada pandemik COVID-19. Ini juga sebenarnya yang menjadi pendekatan kepada banyak negara-negara di dunia yang lain umpamanya kalau kita baca dalam laporan pakar ekonomi, penulisan mereka dalam beberapa jurnal antaranya ialah dalam sebuah badan *Centre for Economic Policy Research* dengan izin, yang menggunakan maklumat daripada pakar ekonomi daripada *University of Cambridge, Federal Reserve Bank of Dallas dan IMF* dalam satu artikel mereka yang bertajuk dengan izin *economic consequences of COVID-19, A counterfactual multi-country analysis* menyebut bahawa kemelesetan global ataupun *globalization* dengan izin akibat daripada pandemik COVID-19 adalah berpanjangan dan tidak ada negara yang mampu untuk mengelaknya walau apa jua strategik yang diambil termasuklah negara Sweden yang menggunakan pendekatan dan polisi berbeza dalam menangani pandemik seterusnya mereka menyimpulkan dengan izin Dato' Speaker, *the Swedish case illustrates that no country is immune to the economic fallout of the pandemic because of interconnections and global nature of the shock*. Memang kita pada awal kita mempunyai perancangan menerusi PITAS tetapi akibat daripada berlaku pandemik maka terpaksa dibuat pengubahsuaian dan *adjustment* dengan izin dari masa ke semasa menyebabkan mungkin setengah daripada kita tidak dapat melihat pelaksanaan PITAS itu secara *direct* dalam pelaksanaan Pelan Komprehensif Negeri Terengganu. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan wakil daripada Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Soalan saya yang pertama-

*Nyatakan status pembinaan Headland di Pantai Teluk Lipat  
Dungun*

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih daripada ADUN Sura bertanyakan berkaitan status pembinaan Headland di Pantai Teluk Lipat, Dungun. Projek ini memang dalam *on going* lah. Untuk makluman kita bersama sekarang ini projek ini dalam *progress* sekitar 20% yang telah *diaward* kepada syarikat akhir tahun lepas dan *insya-Allah* projek ini 100% akan siap pada akhir tahun hadapan sekitar bulan Oktober. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan pertama, Dato' Yang di-Pertua sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa sehingga kini *progressnya* telah berjalan lebih kurang 20%. Jadi saya melihat saya nak dapat maklumat adakah pihak Kerajaan Negeri mendapat maklumat ataupun info daripada syarikat ataupun kontrak berkaitan dengan *progress* dengan kerja-kerjanya sehingga berakhir Oktober 2022 kerana sehingga kini saya melihat hampir setahun, 20% yang melibatkan pembinaan Headland yang kelima dan keenam sahaja sedangkan masih ada dua lagi Headland tujuh dan lapan yang belum diusik lagi jadi saya bimbang dalam tempoh hanya tinggal setahun sahaja lagi adakah kerja-kerja ini dapat diselesaikan memandangkan kita berada dalam suasana hampir musim tengkujuh untuk tahun ini jadi saya nak dapat maklumat daripada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Memanglah Yang Berhormat ADUN Kawasan situ, Sura lah. Teluk Lipat ni kawasan Sura, dia agak prihatin kerana hakisan yang teruk berlaku pada beberapa tahun yang lepas dan yang paling teruk pada dua tahun yang lepas, kemudian kita minta Menteri datang waktu itu dan diluluskan projek ini. Kosnya dalam RM57 juta. Kerja-kerja yang perlu yang dilakukan ataupun skop kerja ialah membina *headland* nombor 5,6,7 dan 8 yang dah ada empat *so* nak bina empat lagi, kemudian kita tahu bahawa jalan di situ rosak teruk, jadi nak baiki jalan tersebut kemudian nak buat *beach nourishment* tambun pasir sekitar pantai situ dan memperbaiki apa ni *walkway* dan jugok gazebo yang telah rosak, *so* sekarang ini oleh kerana musim tengkujuh bulan 11 bulan 12, pembinaan *headland* nombor 5 dan 6 perlu disegera dulu sekurang-kurangnya kena letak batu-batu *rock* itu terlebih dahulu yang besar-besar supaya akhir tahun ini musim tengkujuh ni tidak mengganggu ataupun merosakkan kerja-kerja yang dilakukan dan saya percaya dalam masa lebih kurang 12 bulan lagi



kerja-kerja ini *insya-Allah* akan dapat disiapkan oleh mereka dan kita tahu projek ECERDC biasanya dia pantau dan dia sentiasa mengikut perjalanan dan *progress* dia dari semasa ke semasa. Kalaulah tidak siap pun mungkin beberapa hari ataupun beberapa minggu sajalah kerana kebiasaannya projek ECER ini mengikut jadual, biasanya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya yang pertama-

*Golongan belia seringkali dikaitkan dengan masalah pengangguran. Sejauh manakah Keberkesanan T-HRDC (Pusat Pembangunan Sumber Manusia Negeri Terengganu) dalam menangani isu pengangguran di Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan semua yang hadir. Soalan satu daripada Wakil Telemong ada kaitannya lebih kurang dengan soalan daripada Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi izinkan saya untuk menjawab kedua-duanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Gabungkan. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Golongan belia kalau soalan daripada Telemong seringkali dikaitkan dengan masalah pengangguran. Sejauhmanakah Keberkesanan T-HRDC (Pusat

Pembangunan Sumber Manusia Negeri Terengganu) dalam menangani isu pengangguran di Negeri Terengganu. Manakala soalan daripada Bukit Besi pula sila nyatakan jumlah pengangguran di Terengganu sejak 2020 sehingga sekarang dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah tersebut. Kalau ikut kadar pengangguran di Terengganu;

<b>TAHUN</b>	<b>KADAR PENGANGGURAN</b>	<b>JUMLAH PENGANGGURAN</b>
2020	4.1%	19,800
2021		
Suku pertama	3.7%	18,300
Suku Kedua	4.2%	20,000

Okay, nak buat *guana pulak nak* selesai masalah pengangguran ini? Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah pengangguran ini adalah pertamanya menubuhkan Urus Setia Pekerjaan Negeri Terengganu (UPNT) yang diurusetikan secara bersama Pusat Pembangunan Sumber Manusia (THRDC) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Terengganu dengan keahlian sekurang-kurangnya 30 jabatan, agensi, pusat latihan dan pemain industri dan kalau kita lihat pula tugas atau tujuan kita tubuh THRDC ini menjawab Telemong, tujuannya adalah untuk melaksanakan dasar Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Teras Strategik 10; Pemerkasaan Keusahawanan dan Pengupayaan Sumber Manusia dalam Pelan Induk Terengganu Sejahtera. Antara objektif penubuhan THRDC; membentuk dan melaksanakan rangka kerja dan pelan koordinasi program inisiatif bagi mengatasi masalah pengangguran dan perlindungan rakyat Negeri Terengganu melalui beberapa perkara, kalau sebut panjang *ni*, dan melalui pendekatan yang dibuat ini, THRDC telah melalui kerjasama dengan PERKESO telah dapat menempatkan pekerjaan yang agak banyak di Negeri Terengganu melalui satu program yang dibuat melalui penempatan pekerja. Cara-cara jumlah penempatan pekerja yang telah dibuat melalui kerjasama dengan PERKESO;

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENEMPATAN PEKERJA (ORANG)</b>
2019	10,122
2020	3,487
2021 (Sehingga 31 Julai)	4,811

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita sedia maklum Yang Berhormat, bahawa pengangguran ini adalah satu benda yang bukan kata sekarang *je* lah, tapi ianya telah berlaku sepanjang masa dan melibatkan semua negeri. Walau bagaimanapun, kita melihat sekarang ini golongan-golongan belia terutamanya B40 terlalu ramai yang menganggur mungkin disebabkan oleh masalah COVID dan kita nak tahu apakah peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan melalui THRDC ini untuk membantu dan juga untuk menyelesaikan masalah-masalah golongan belia yang semakin meningkat menganggur buat masa sekarang ini, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebagaimana disebut tadi, THRDC bekerjasama dengan banyak pihak termasuk PERKESO dan disebut tadi yang terakhirnya mengadakan karnival pekerjaan untuk membolehkan pencari-pencari kerja mengambil peluang untuk mendapatkan kerja. Dan untuk makluman yang terakhir, *insya-Allah* saya akan sebut bahawa kelmarin pun sebenarnya ada permohonan daripada sebuah syarikat daripada Shah Alam, iaitu daripada Panasonic Appliances Airconditioning Malaysia Bhd yang memerlukan 800 orang pekerja daripada Terengganu. 800 orang pekerja dan *insya-Allah* pengambilan ini akan segera dibuat bersama dengan THRDC *insya-Allah* dan mereka cadang untuk buka *booth* pengambilan di Terengganu dalam masa terdekat ini, *insya-Allah*. Itu yang terakhir yang dapat saya sebutkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan *je* wakil Telemong, sebab kita kejar masa sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak boleh dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau *tak dok* daripada Wakil Bukit Besi, saya terus kepada...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dok beri doh* Dato' Yang di-Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok, dok beri doh.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Keras Dato' Yang di-Pertua hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Tekoh-tekoh je.* Saya jemput Wakil daripada Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor satu-

*Sejauh manakah kejayaan Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil padi negeri bagi meningkatkan peratus kadar kecukupan sara diri (SSL) rakyat Negeri Terengganu*

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih Buluh Gading. Soalan berkaitan dengan kejayaan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pengeluaran hasil padi negeri seterusnya meningkatkan kadar cukup sara diri (*Self-Sufficient Level*) dengan izin.

Dato' Yang di-Pertua,

SSL padi Negeri Terengganu untuk tahun 2019, 43%. Bagi tahun 2020, SSL meningkat kepada 48.63%, dengan peningkatan sebanyak 5.63%. SSL bagi tahun 2021 belum boleh dikira lagi sebab musim kedua ataupun dipanggil padi luar musim belum masuk musim menuai.

Dato' Yang di-Pertua,

Data pengeluaran padi musim utama, ataupun disebut padi dalam musim, yang bermula daripada bulan Januari sehingga bulan April setiap tahun, saya buat

bandingan dua tahun yang terakhir. Bagi tahun 2020, bagi musim utama sebanyak 27,317 metrik tan berbanding dengan tahun 2021 sebanyak 31,126 metrik tan. Peningkatan sebanyak 13.9%. Kerajaan melihat berdasarkan kepada unjuran pengeluaran bagi tiga tahun yang terakhir, sasaran kita untuk mencapai target 53% SSL bagi Negeri Terengganu dalam tahun 2021 ini adalah realistik dan mampu untuk kita capai. Bagi musim utama pengeluaran padi, ada beberapa peningkatan di beberapa daerah seperti Dungun. Dungun pada tahun 2020, mengeluarkan 0 metrik tan padi. *Alhamdulillah* sekarang telah berjaya menyumbang sebanyak 66 metrik tan bagi tahun 2021. Kemaman juga dengan 0 metrik tan bagi tahun 2020, tahun 2021 telah berjaya menyumbang sebanyak 127 metrik tan. Hulu Terengganu menunjukkan peningkatan tertinggi, daripada 289 metrik tan bagi tahun 2020 kepada 439 metrik tan bagi tahun 2021. Tahniah Hulu Terengganu dan Besut kekal sebagai penyumbang utama SSL padi negeri sebanyak 25,967 metrik tan bagi musim utama 2021 berbanding dengan 22,863 metrik tan bagi tahun 2020. Secara dasarnya, keluasan tanah padi kita tidak banyak yang mampu kita tambah. Usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi dan meningkatkan SSL, kita fokus untuk tingkatkan hasil per hektar. Sawah padi yang menghasilkan tiga tan per hektar, kita usaha untuk tingkatkan jadi lima tan. Yang dah bersedia menghasilkan lima tan, kita usaha untuk tingkatkan jadi lapan tan. Kawasan yang bertanam setahun sekali, kita baiki dari segi infra dan sistem pengairan supaya mampu untuk dia tanam dua tahun sekali. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya meningkatkan kadar peratus kecukupan sara diri (SSL) Negeri Terengganu daripada 43% kepada 48% lebih. Satu peningkatan yang sangat memberansangkan, cuma soalan saya ialah sebagaimana yang kita ketahui bahawa antara unsur penting bagi memastikan usaha kerajaan meningkatkan peratus SSL rakyat Negeri Terengganu, khususnya bagi mencapai 53% ini ialah mewujudkan kilang padi yang mencukupi dan di waktu yang sama kawasan tanah sawah yang luas. Jadi persoalan saya ialah apakah kilang padi yang ada di Terengganu sekarang ini mencukupi dan di waktu yang sama apa usaha kerajaan bagi mengelakkan tanah sawah ini dari ditukar kepada kegunaan-kegunaan yang lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, kilang padi yang beroperasi di Negeri Terengganu sekarang ini, kita ada satu kilang padi milik BERNAS di Bukit Kenak di Jertih. Yang kedua kilang padi milik Konsortium Lembaga Pertubuhan PELADANG di Baroh Masin di Hulu Besut, dan kita ada tiga kilang yang dioperasikan oleh pihak swasta. Duanya beroperasi di Kampung Kerandang, di Jabi dan satu Bukit Kor di Marang. Dengan lima buah kilang yang beroperasi ianya mencukupi untuk menampung keperluan kira-kira 12 ribu hektar sawah padi kita dan tidak ada lagi padi daripada Negeri Terengganu yang perlu dihantar untuk diproses di negeri lain.

Dato' Yang di-Pertua,

Secara dasarnya kawasan padi yang aktif bertanam dan berada dalam kawasan jelapang padi IADA KETARA adalah perlu dikekalkan sebagai sawah padi, demi untuk kelangsungan sumber makanan negeri kita. Bagi kawasan sawah padi yang tidak lagi aktif bertanam maka bolehlah di pertimbangkan untuk kegunaan lain seperti lot kediaman dan penempatan, dan Kerajaan memahami keperluan penempatan dan perumahan baru diwujudkan seiring dengan pertambahan jumlah penduduk tapi dalam masa yang sama keperluan sawah padi yang menghasilkan sumber makanan bagi rakyat adalah perlu di pertahanan, kerana itu apabila ada permohonan untuk tukar syarat guna tanah daripada tanah padi kepada kegunaan-kegunaan lain biasanya ianya tertakluk kepada beberapa perkara, yang pertama kita tengok Rancangan Tempatan Daerah dan juga Zon Guna Tanah, yang kedua kita dapatkan pandangan teknikal daripada jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Pertanian, PLAN Malaysia, PBT, PTG dan lain-lain dan ada ketikanya untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas kita turun sekali ke lapangan supaya pertimbangan yang kita buat lebih adil dan lebih saksama, terima Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, saya persilakan Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan saya pertama-

*Apakah perancangan kerajaan dalam menyediakan kemudahan awam jalan, bekalan air dan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan baharu RTB terkilan yang telah diserahkan kepada rakyat Negeri Terengganu*

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang BERTHORMAT Dato' di-Pertua Dewan, tiga kali dah pagi ini Dato'.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Elaun lebih sedikit *la dok*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan.

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Walau bagaimanapun ucapkan terima kasih kepada adinda saya Yang BERTHORMAT dari Manir, nak tahu berkaitan dengan perancangan kerajaan di Kawasan RTB yang terkilan. RTB ini ada yang terkilan ada yang tidak terkilan. Berkaitan dengan kemudahan infrastruktur ataupun kemudahan awam yang mana kemudahan awam ini kalau di Kawasan RTB ini termasuklah air, elektrik, kemudahan komunikasi, jalan raya, longkang, balai raya, dewan himpunan, taman permainan, surau dan sebagainya. Jadi sudah tentu banyak perkara-perkara yang perlu Kerajaan laksanakan dan kita tahu bahawa agensi kerajaan yang melaksanakan termasuklah Pejabat Tanah, Pejabat Daerah, JKR, JPS, KPLB, BLB dan sebagainya. Jadi dari masa ke semasa Kerajaan sentiasa memberi peruntukan untuk membina kemudahan awam di kawasan RTB sama ada terkilan ataupun tidak terkilan, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Dato' di-Pertua, apakah Kerajaan Persekutuan ada mempunyai peruntukan tertentu bagi meringankan beban Kerajaan Negeri dalam menyediakan infra dan juga kemudahan awam tersebut? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Sebagaimana saya sebutkan tadi Yang di-Pertua, bahawa kita sentiasa menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan melalui terutama Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sudah tentu banyak kita lihat dari setahun ke setahun membantu Negeri kita untuk memberi kemudahan kepada

orang ramai, begitu juga pihak Bekalan Air Luar Bandar termasuk juga di bawah PBT Majlis-majlis Daerah bahagian Elektrik Luar Bandar pun (PELB) pun membantu untuk memasang elektrik ataupun tiang elektrik dan juga kabel-kabel di kawasan luar bandar, jadi sudah tentu mendapat kerjasama yang baik dari masa ke semasa antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan *Federal* untuk rakyat kita bersama, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, soalan-soalan yang tidak sempat dijawab pada pagi ini sebagaimana amalan biasa akan dijawab secara bertulis.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian...

**USUL DI BAWAH PERKARA 30**  
**PERKARA-PERKARA YANG MUSTAHAK BAGI ORANG RAMAI**

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Usul di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Fasal 30 Peraturan-peraturan dan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ini Usul di bawah Perkara 30.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak apa, Yang Berhormat, baca dahulu tajuk sedikit entipati usul itu, kemudian saya minta Bentara untuk mengambil usul tersebut daripada Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adalah saya Muhammad Khalil Abdul Hadi, Ahli Undangan Negeri Batu Burok mohon mencadangkan bahawa persidangan ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini menyokong usul rakaman ucapan tahniah buat pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang baharu serta seluruh ahli kabinet.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ok, cukup sampai itu Yang Berhormat, minta Bentara mengambil Usul daripada Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

*[Bentara mengambil Usul tersebut daripada Yang Berhormat Wakil Batu Burok dan menyerahkannya kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan]*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, saya akan meneliti dahulu Usul ini di bawah Perkara 30, dan insya Allah saya akan beri keputusan ataupun jawapannya selepas rehat nanti. Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan sementara Dewan ini, dan kita sambung semula pada pukul 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

### **PUKUL 11.05 PAGI**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Sebelum rehat tadi saya menerima satu Usul daripada Wakil Batu Burok iaitu Usul di bawah Perkara 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Dewan Undangan Negeri Terengganu dan saya telah meneliti Usul ini, saya berpendapat Usul ini wajar diterima yang mempunyai ciri-ciri perkara tertentu, ada kepentingan orang ramai dan juga perlu disegerakan. Namun begitu, saya tidak berhasrat memandangkan kesuntukan masa kita untuk memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Usul ini. Boleh Yang Berhormat setuju dengan saya supaya Usul ini diterima tanpa bahas? Boleh ya? Tapi macam mana pun, saya memerlukan tidak kurang daripada sembilan orang daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Usul ini terlebih

dahulu untuk mencukupkan syarat di bawah Perkara 30 ini. Jadi sila berdiri sekurang-kurangnya sembilan orang. Okey, terima kasih. Jadi, Usul ini telah mendapat sokongan, saya nampak tadi hampir semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi saya nak persilakan pembawa Usul ini iaitu Yang Berhormat Wakil Batu Burok untuk membentangkan Usul tersebut. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 أَسْأَلُكُمْ عَلَى اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ وَبَرَكَاتِهِ  
 أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, susulan dari peristiwa kegawatan politik yang berlaku di peringkat Kerajaan Persekutuan bulan lalu, yang menyaksikan tumbanganya Kerajaan Persekutuan pimpinan Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin dan dengan kebijaksanaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, hari ini kita menyaksikan berdirinya Kerajaan Persekutuan yang baharu, yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Ismail Sabri. Ia sekali gus menamatkan kemelut serta krisis politik yang melanda negara di mana ia hampir menghakis penguasaan politik orang Melayu Islam. Jika krisis politik ini tidak ditangani dengan sebaiknya, yang mungkin menyebabkan kuasa politik negara di bawah Kerajaan Persekutuan jatuh ke tangan Pakatan Harapan sebagaimana yang berlaku selama 22 bulan yang dahulu.

Namun krisis dan kemelut politik ini sebenarnya banyak memberikan kepada kita pengajaran, petunjuk mahupun panduan akan akibatnya jika kita sebagai umat Islam di dalam negara tidak bersatu padu dan bekerjasama dalam soal politik terutamanya untuk kemajuan dan kesejahteraan ummah. Pertikaian, permusuhan dan berlainan ideologi politik tidak semestinya membawa kepada perpecahan dan permusuhan tetapi jika dicari titik persamaan dan persaudaraan berpandukan al-Quran dan Sunnah Rasulullah ﷺ, kita akan dapati bahawa terdapat banyak persamaan yang boleh menjurus kepada perpaduan dan kekuatan ummah demi untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Oleh itu, saya menyarankan agar marilah kita sama-sama mengambil iktibar akan peristiwa yang telah berlaku dan mengukuhkan kembali perpaduan dan

kesatuan demi untuk kesejahteraan ummah dan negara yang tercinta ini di samping memberikan contoh dan tauladan yang baik kepada rakyat jelata bahawa perpaduan dan kesatuan akan lebih memberikan manfaat kepada kita semua sama ada untuk jangka masa pendek mahupun panjang.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, mantan Perdana Menteri di atas segala usaha dan jasa kepada rakyat dan negara terutamanya ketika berdepan dengan wabak pandemik COVID -19 di mana kebajikan dan kesejahteraan rakyat amat diutamakan oleh beliau dan pentadbirannya.

Saya percaya Kerajaan yang ada pada hari ini akan meneruskan legasinya dalam usaha memerangi wabak pandemik COVID-19, memulihkan ekonomi negara, mengembalikan kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat dan negara serta meletakkan negara kembali kepada landasan yang betul baik dari sudut ekonomi, kebajikan rakyat dan negara serta kemakmuran yang berpanjangan.

Dengan ini saya ingin mengusulkan kepada Dewan yang mulia ini untuk menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Ismail Sabri dan Kerajaan Persekutuan pimpinannya di samping menggesa seluruh Ahli Dewan yang mulia ini agar turut sama menyokong Usul ini agar kestabilan politik negara terus terpelihara dan negara kekal aman serta makmur. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mohon mencadang. Sekian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

**YANG BERTAHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:** Terima kasih Yang Bertahormat Wakil Batu Burok yang telah mengemukakan Usul di bawah Perkara 30 dan sebelum itu saya dah mendapat sokongan daripada hampir semua Yang Bertahormat untuk menyokong Usul yang telah dibawa. Yang Amat Bertahormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Bertahormat sekalian, mesyuarat diteruskan kepada Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya. Sila Setiausaha.

### **USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Bertahormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, Wakil Paka untuk mengemukakan usul.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Perutusan Titah DiRaja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Keempat Belas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan Negeri dan rakyat keseluruhannya.”

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Usul ini telah mendapat sokongan. Sebelum saya buka untuk perbahasan, saya sekali lagi nak mengingatkan Yang Berhormat, kita tidak ada perbahasan ataupun sidang pada sebelah petang jadi masa yang ada pada kita hanya daripada sekarang hingga tengahari ini pukul 1.00 tengahari. Saya dah berhubung yang pertama, dengan pengerusi BBC, yang kedua dengan Yang Berhormat Wakil Kijal untuk menentukan mereka yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan yang saya akan buka sekarang, jadi untuk mereka yang terlibat dalam perbahasan, perjalanan Usul saya bagi masa 20 minit, begitu juga kepada ketua kawan-kawan kita 20 minit dan yang lain itu selama 15 minit. Jadi saya persilakan. Sila Wakil daripada Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-Ketua Jabatan serta hadirin-hadirat yang sedang mengikuti siaran langsung persidangan kali ini. *Alhamdulillah* saya bersyukur kepada Allah diberi peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya mengambil kesempatan pada pagi ini memulakan ucapan ini dengan memetik satu ayat dari al-Quranul-Karim, firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

*"Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah keseluruhannya. Janganlah sekali-kali kamu berpecah belah"*

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kesempatan ini saya merakam dan merakam sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih kebawah duli yang telah berkenan untuk memberikan amanah dan titah ucapan merasmi dan menyempurnakan pembukaan penggal keempat dewan undangan negeri keempat belas. Saya meneliti ucapan titah kebawah duli yang sangat penting untuk dihayati dalam keadaan kita berada di suasana pandemik COVID-19. Tuanku memperingatkan kita sebagai ahli badan perundangan dan pemimpin politik supaya memelihara perpaduan, saling hormat menghormati, menjauhi fitnah, menjunjung profesionalisme, bersikap rasional dan objektif, mematuhi undang-undang, membuktikan Islam sebagai sistem kehidupan, mengutamakan kepentingan rakyat mengatasi diri dan parti. Itulah intipati yang saya lihat apa yang telah dinyatakan oleh kebawah duli yang sangat penting untuk dihayati dalam keadaan kita berada di suasana pandemik COVID-19. Tuanku memperingatkan kita sebagai ahli badan perundangan dan pemimpin politik supaya memelihara perpaduan, saling hormat menghormati, menjauhi fitnah, menjunjung profesionalisme, bersikap rasional dan objektif, mematuhi undang-undang, membuktikan Islam sebagai sistem kehidupan, mengutamakan kepentingan rakyat mengatasi diri dan parti. Itulah intipati yang saya lihat apa yang telah dinyatakan oleh kebawah duli yang sangat penting untuk dihayati dalam keadaan kita berada di suasana pandemik COVID-19. Justeru atas semangat ini, saya mencadangkan agar istilah pembangkang, *opposition* dengan izin, tidak lagi digunakan di Dewan ini, sebaliknya kita gantikan dengan istilah Rakan Kerajaan, *Government Partner* dengan izin. Itulah juga semangat daripada usul tergepar yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Batu Burok sebentar tadi dan disokong oleh semua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:** Yang Berhormat kawan-kawan kita boleh setuju tak istilah itu? Boleh deh? Okey teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya juga ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada blok Kerajaan dan juga dari Rakan Kerajaan terhadap fokus-fokus utama yang telah digariskan oleh Tuanku kelmarin. Antaranya adalah perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan mestilah dibuat dengan teliti supaya kita dapat merangsang pemulihan dan juga pertumbuhan ekonomi. Kita dapat menjamin kelestarian alam dan juga kita dapat menyejahterakan rakyat. Tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana setelah mengambil alih pentadbiran selepas PRU-14 yang lalu berjaya melonjakkan pertumbuhan KDNK Terengganu kepada 3.3 peratus pada tahun 2019 berbanding 2.5 peratus pada tahun 2018, penguncupan 5.7 peratus pada tahun 2020 bukanlah di luar jangkaan memandangkan seluruh dunia sedang menghadapi pandemik COVID-19 dan penguncupan ini juga adalah sejajar dengan prestasi negara kita yang menguncup 5.6 peratus. Di sebalik penguncupan itu tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya membawa keluar Negeri Terengganu daripada terus tersenarai di kedudukan lima terbawah. Mengambil kira unjuran di peringkat nasional dan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial diharapkan KDNK Terengganu dapat kembali bertumbuh positif bagi keseluruhan tahun 2021 dan juga pada tahun 2022. Pembangunan pelaburan hendaklah ditingkatkan menerusi integrasi pelbagai sumber jaya melibatkan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta jabatan dan agensi peringkat Negeri dan Persekutuan.

Tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya menambah jumlah pelaburan kepada RM2.95 billion bagi keseluruhan tahun 2020 berbanding RM863.66 juta pada tahun 2019 walaupun dalam persekitaran ekonomi yang sangat mencabar. Berdasarkan prestasi ini Kerajaan Negeri diyakini dapat menunaikan hasrat untuk meningkatkan jumlah pelaburan kepada RM3.75 billion dan mampu sebenarnya untuk menjana sebanyak 2,800 peluang pekerjaan pada 2021 menerusi 12 projek seperti yang dirancang. Justeru, beberapa tindakan strategik mesti dilaksanakan secara berfokus antaranya, mesti memanfaatkan Terengganu Petroleum Council (TPC) dalam pemerolehan projek untuk *Terengganu-based company*. Menstruktur semula dan memperkasa Invest Terengganu, bagi merencanakan pelaburan berimpak tinggi, menyemak dan menambah baik prosedur permohonan dan kelulusan projek pelaburan, mengemaskini dan menambah baik dasar dan peraturan berkaitan tanah terbiar supaya dapat dimajukan serta menaik taraf fasiliti dan prasarana kawasan perindustrian.

Saya juga ingin menyentuh isu berkenaan perkhidmatan air bersih, sangat wajar untuk kita tambah baik bagi mengelakkan risiko dan impak gangguan berskala besar. Insiden gangguan bekalan air baru-baru ini sememangnya meninggalkan pengalaman berharga kepada banyak pihak termasuk kepada pengguna, kepada parti politik, kepada Syarikat Air Terengganu dan tidak terkecuali kepada pihak Kerajaan Negeri sendiri. Apapun manis atau pahit pengalaman itu biarlah ia menatijahkan manfaat untuk masa hadapan kita semua. Saya menghargai usaha Kerajaan terdahulu dalam merangka Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Utara dalam penggal yang lalu, juga sewaktu saya masih lagi menjadi wakil pembangkang, kita tidak pernah menafikan kebaikan projek ini cuma kita mempersoalkan pilihan yang digunakan secara *deferred payment* hingga menyebabkan berlaku peningkatan kos yang berganda sebab itu boleh disemak balik ucapan-ucapan melalui *hansard* yang telah disampaikan pada penggal yang lalu bagaimana kita mempersoalkan berkenaan dengan pembiayaan projek ini secara *deferred payment*. Malah apabila kita melihat perkara ini berlaku, lebih malang sebenarnya yang kita memahami konsep *deffered payment* ini pembayarannya akan dimulakan selepas projeknya selesai. Tetapi berbeza dengan Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Utara. Walaupun projek ini belum lagi melabuhkan tirai, belum lagi ditamatkan, masih lagi dalam pembikinan, kita sudah terpaksa untuk memulakan pembayaran yang sangat jauh berbeza dengan konsep *deferred payment* setelah selesai projek dilaksanakan barulah kita memulakan proses pembayaran. Tahun ini sahaja, melalui Projek Kuala Terengganu Utara, kita perlu membuat pembayaran sebanyak RM150 juta tidak termasuk dengan pembayaran-pembayaran bagi projek-projek yang lain.

Dato' Yang di-Pertua, lemas sikit cakap pakai *mask* ini. Supaya insiden seperti ini tidak lagi berulang, saya harap Kerajaan Negeri dapat memastikan pihak SATU, Jabatan Bekalan Air dan juga LAUT bekerjasama dalam menyediakan Pelan Mitigasi dan Rancangan Strategik Perkhidmatan Bekalan Air, memperkasa pengurusan perkhidmatan bekalan air terutamanya berkaitan penyelenggaraan, pembaikan dan operasi sistem bekalan air yang melibatkan jajaran paip air, muka sauk dan loji rawatan air hendaklah dipertingkatkan. Merencanakan kemajuan projek-projek perkhidmatan bekalan air yang sedang berjalan, saya juga merakamkan ucapan tahniah kerana pada Bajet yang lalu, perbelanjaan untuk air adalah di antara yang tinggi dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, mengoptimumkan sumber air daripada sungai, tasik dan juga penuaian air hujan.

Dato' Yang di-Pertua,

Program bantuan dan sokongan kepada isi rumah miskin dan individu terjejas, terutamanya pekerja sektor pertanian dan pelancongan, penjaja dan peniaga kecil serta usahawan mikro kecil dan sederhana perlu diberikan perhatian. Mengenai perkara ini, terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sentiasa prihatin dengan kepayahan yang dihadapi oleh rakyat. Kita sedar suasana yang dialami oleh kita pada hari ini berbeza dengan situasi tahun-tahun sebelum bukan sahaja dilalui oleh kita malahan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain termasuk negara-negara yang lain dalam situasi pandemik yang tidak tahu bilakah akan tamat dan berakhir. Umpamanya pengumuman empat Pakej Rangsangan Terengganu Cakna berjumlah RM12.6 juta dan bantuan-bantuan lain berjumlah RM3.69 juta semasa PKP 1. Seterusnya RM19 juta lagi untuk menghadapi PKP 2. Kemudian, RM34.32 juta bagi inisiatif khas COVID-19 menerusi Belanjawan 2021 dan lebih RM6.4 juta susulan PKP 3 menerusi dua siri Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu (BERKAT). Setidak-tidaknya walaupun tidak mampu menanggung sepenuhnya, ia mampu meringankan beban isi rumah miskin, pekerja *sub sector* pelancongan, penjaja dan peniaga kecil serta usahawan mikro kecil dan sederhana. Kerana kami difahamkan komitmen yang terikat oleh pihak Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan hutang kepada kontraktor hasil daripada kerja-kerja yang bersifat pembayaran secara berjadual dan juga pembayaran bertanggung ini mencecah hampir RM450 juta bagi tahun ini. Walaupun kekangan seperti itu dilalui, setidaknya inisiatif-inisiatif seperti ini memberi sedikit kelegaan di samping apa yang telah dicurahkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada rakyat Malaysia, antaranya rakyat Terengganu.

Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri atas kejayaan membangunkan sebuah sistem pangkalan data yang lebih bersepadu. Kewujudan Sistem Profil Rakyat Terengganu 2.0 ini berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian bantuan Kerajaan kepada semua rakyat yang berkenaan. Diharap Kerajaan Negeri dapat pula menumpukan usaha menambah baik aspek permohonan, kelulusan, pakej atau skim bantuan dan penyelarasan bersama semua penyedia-penyedia bantuan. Persediaan pada aspek ini amat perlu dibuat memandangkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Negeri Terengganu pada 2020 turun sebanyak 13.6% kepada RM4,790.00 berbanding 2019, RM5,545.00. Manakala insiden kemiskinan mutlak Negeri Terengganu pula meningkat 5.9 mata peratus kepada 12% berbanding 2019, 6.1%.



Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Inisiatif untuk menaiktaraf Kolej Al-Quran Terengganu menjadi kolej universiti hendaklah diteruskan bagi memperkasa dan melengkapkan rangkaian sistem pendidikan berteraskan Islam dari peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat tinggi di bawah Kerajaan Negeri. Semasa membentangkan Belanjawan 2021 tahun lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM11 juta untuk menambahbaik emolumen dan program pengajian, bilangan pegawai dan kakitangan, menaiktaraf kampus cawangan di Pengkalan Gawi serta membina kampus baharu di Durian Mentangau, Dungun. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri. Susulan Titah Tuanku ini juga, diharap Kerajaan Negeri dapat menyediakan peruntukan yang sesuai untuk tahun 2022 bagi menjayakan fasa-fasa projek pembangunan di Durian Mentangau ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga turut memberikan fokus tentang Kompleks Pentadbiran Bandar Al-Wathiquil Billah, Kuala Nerus yang dijangka beroperasi pada Februari 2022. Untuk melihat bandar ini hidup dan bercahaya, suka saya mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri dapat mewujudkan sebuah Kawasan Penempatan Kakitangan Awam Kerajaan Terengganu dan juga Kerajaan Persekutuan jika ada keupayaan dari pelbagai peringkat untuk mendiami di kawasan ini sebagai satu nukleus penting untuk memastikan bandar ini hidup. Sementara itu, penempatan rakyat awam juga wajar dibangunkan di kawasan bandar baharu ini untuk melihat pertumbuhan ekonomi yang pesat dan cepat. Bandar Hijau yang diimpikan dalam perancangan asal ini hendaklah dibuktikan oleh pihak berkuasa untuk dijadikan contoh bandar baharu lestari.

Kedudukan kewangan Kerajaan harus diperkukuh menerusi sistem perancangan, pemantauan dan pengawalan yang berkesan supaya setiap perbelanjaan yang dibuat adalah *cost-effective* dan *high impact*. Bagi memenuhi keperluan rakyat mengharungi pasca pandemik, menerusi pelbagai bantuan dan sokongan, cabaran amat besar sekali terutama pada aspek kewangan. Namun Kerajaan Negeri dipercayai dapat memberikan komitmen untuk memperbesar saiz Belanjawan 2022 berbanding Belanjawan 2021. Bagi memastikan ruang fiskel tambahan ini dapat disediakan, dicadangkan kepada Kerajaan Negeri menerusi Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu untuk menyemak semula perbelanjaan awam, menilai prestasi pelaksanaan inisiatif

Bajet 2021 dan meningkatkan kecekapan kutipan hasil bagi masa berbaki tahun ini. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu terus memanfaatkan sepenuhnya inisiatif dan meneroka kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan serta menggalakkan penyertaan awam swasta untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Usaha-usaha bagi memulihkan semula keyakinan peniaga, keyakinan pelabur, serta pengguna mesti sentiasa menjadi keutamaan dalam memacu aliran kewangan dan pertumbuhan ekonomi dalam Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Hujung ucapan ini saya ingin mengambil peluang memohon agar Dewan yang mulia ini memberikan satu penghormatan buat mantan ADUN Tepoh yang telah meninggal dunia malam Jumaat tempoh hari. Almarhum Ustaz Dr. Abu Bakar Abdullah yang juga merupakan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Tepoh dan juga pernah mengambil tanggungjawab sebagai salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merupakan tokoh ulamak, pendidik dan pemimpin yang telah banyak berbakti kepada rakyat dan Negeri Terengganu. Semoga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mengurniakan rahmat dan kasih sayang-Nya kepada Almarhum dan kita semua. Terima kasih atas keprihatinan dan perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Tepoh mohon menyokong.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil daripada Tepoh yang telah memulakan perbincangan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sebelum pada saya teruskan kepada pembahas berikutnya suka saya memberikan peringatan supaya perkara-perkara berkait dengan *Standing Orders* Perkara-perkara 46 sentiasa diberikan perhatian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila saya jemput pembahas seterusnya. Sila Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ  
سلام سجهترا

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para-para Pegawai Kerajaan, tuan-tuan, puan-

puan yang dihormati sekalian. Pertamanya saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berucap dan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan Negeri Terengganu. Pada kesempatan yang terhad ini ada tiga perkara yang ingin saya sentuhkan.

Yang pertama ialah berkait dengan gesaan agar dirangka dan dilaksanakan perancangan ekonomi. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat tentang beberapa data dan *indicators social economy* rakyat untuk Negeri Terengganu. Data ini dan indikator ini boleh kita rujuk daripada Laporan Sosial Ekonomi Tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan satu daripadanya telah dizahirkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan. Pertama kadar pertumbuhan atau KDNK Negeri Terengganu yang menguncup teruk kepada -5.7%. Memang semua negeri mencatatkan penguncupan tetapi Negeri Terengganu menguncup dengan kadar di bawah paras nasional. Yang kedua kadar inflasi yang dilihat melalui indeks harga pengguna ataupun IHP jatuh -1.3% juga di bawah paras nasional. Ketiga purata gaji dan upah bulanan menyusut -12.4% juga di bawah paras nasional. Bagi golongan siswazah Negeri Terengganu, purata gaji dan upah bulanan yang mereka terima menyusut ketara kepada -11.8% juga di bawah paras nasional dan keempat kadar pengangguran meningkat kepada 4.1%.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Angka-angka ini dalam bahasa yang mudah bermaksud ramai rakyat Terengganu yang menganggur, punca pendapatan hilang, duit dalam tangan dengan izin *cash in hand* sudah berkurang, harga barang mahal, ekonomi jatuh dan senario ini lebih teruk daripada peringkat nasional. Inilah keadaan ekonomi rakyat semasa atau dengan izin *people's economy* di Terengganu. Angka-angka ini juga menunjukkan kita tidak ada sebarang perancangan ekonomi sebenarnya. Malah saya belum nampak sebarang perancangan ekonomi sebelum pandemik ataupun semasa pandemik. Kalau tidak masakan ianya dizahirkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan. Saya membawa suara rakyat. Saya gesa Kerajaan Negeri dan hal ini juga terkandung dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan. Saya gesa Kerajaan Negeri rangkalah satu Pelan Ekonomi Rakyat atau dengan izin *people's economic* dengan titik-titik sentuhan ataupun dengan *touch points* dengan izin yang dikenalpasti. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat

Dato' Seri kerana memaklumkan tadi dalam menjawab soalan saya tadi masih menggunakan NP. Cuma kalau sebaiknya gunakanlah makmal transformasi dengan *lab* mengikut sektor yang telah kita lakukan sebelum ini. Ramai pegawai yang terlibat sebelum ini semasa kita merangka dan kita melaksanakan mentee. Ramai pemain industri yang menyumbangkan idea dan tenaga. Mereka tahu apa yang perlu dibuat. Saya difahamkan sekarang Kerajaan Negeri ada PITAS dan terima kasih Dato' Seri atas ucapan tahniah kepada saya tadi kerana kebetulan *thesis* saya pun menggunakan PINTAS. Ada 'N' je yang itu PITAS tetapi saya percaya ramai yang belum nampak apa sebenarnya yang Kerajaan Negeri hendak buat melalui PITAS. Jauh sekali untuk merangka suatu yang besar. Contohnya bagaimana hendak berhadapan dengan impak COVID-19 ini. Saya sudah banyak kali bertanya tentang PITAS ini. Kalau ikut, tengok daripada soalan-soalan yang lalu banyak berkisar tentang PITAS ini. Justeru saya ingin menggesa Kerajaan Negeri untuk segera merangka Pelan Ekonomi Rakyat untuk Negeri Terengganu. Keutamaan kita sekarang ini ialah untuk mengembangkan ekonomi rakyat atau dengan izin *people's economy* dan memperkasa atau dengan izin *empower* tenaga kerja melalui proses *reskilling* dan *upskilling* bagi mereka yang baharu hendak bekerja, mereka yang hilang pekerjaan ataupun mereka yang pendapatannya berkurang dan saya cadangkan Kerajaan Negeri rujuklah semula pegawai-pegawai Kerajaan kita yang laksanakan mentee dahulu. Belajar daripada mereka dan janganlah terlalu bergantung kepada pendokong-pendokong parti untuk buat kerja-kerja Kerajaan lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Berkaitan itu juga dengan isu perancangan ekonomi ini, saya hendak mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan pertama, pemberian bantuan *one-off* kepada mahasiswa dan mahasiswi anak Terengganu. Saya ingin cadangkan supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan bantuan *one-off* sebanyak RM300.00 kepada setiap mahasiswa dan mahasiswi anak Terengganu. Bantuan ini melibatkan 40,000 orang pelajar di IPT dan boleh mereka gunakan untuk pembelian data internet selama enam bulan dengan nilai RM50.00 sebulan. Jumlah peruntukan sebanyak 12 juta.

Pembelian data internet ini hendaklah dibuat di kedai-kedai dalam Negeri Terengganu dalam kita hendak membantu industri ekonomi setempat. Malah kalau boleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri tambahkan bantuan *one-off*

kepada B40. Bantuan-bantuan yang bersifat one-off ini harus dipertimbangkan kerana dana raya sudah tidak ada. Kalau adapun dikurangkan sepanjang pemerintahan Kerajaan ini. Kita juga perlu segerakan penyaluran tunai ke tangan rakyat supaya mereka ada kemampuan untuk berbelanja dan menyumbang terus kepada ekonomi. Kurangkan perbelanjaan untuk infrastruktur seperti pembinaan bangunan baharu kerana saya yakin rakyat bersetuju bahawa infrastruktur di Terengganu ini sudah kebanyakannya sudah lengkap dan kerana itu, maka kita perlu memastikan apa yang kita laksanakan ini adalah untuk memulihkan ekonomi dengan cepat dan meluas berbanding penyediaan tunai di tangan rakyat.

Kedua baucer atau rebat untuk pelanggan hotel atau homestay yang berdaftar bagi merencanakan pelancongan Negeri Terengganu. Saya cadangkan Kerajaan Negeri pertimbangkan pemberian baucer dan rebat ini untuk memastikan bahawa kita dapat membantu terutama dari segi industri pelancongan. Yang ini saya ingat Yang Berhormat EXCO Pelancongan boleh berbincang dengan pegawai yang baru dilantik untuk kita bantu dalam kaedah ini dan yang ketiga saya rasa boleh dipertimbangkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri moratorium selama tiga bulan untuk semua jenis bayaran pinjaman yang dikeluarkan melalui Kerajaan Negeri atau semua agensi yang dibawahnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Isu kedua yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan saya ialah memartabatkan Islam dan membuktikan kemampuan sistem Islam sebagai Ad-Din. Hal ini turut disentuh dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam. Saya cuma ingin dapatkan kepastian, apakah Kerajaan Negeri di bawah PAS akan melaksanakan hukum hudud di Negeri Terengganu. Soalan yang mudah dan jawapan tentu mudah sama ada ya atau tidak. Dan sekiranya jawapannya ya, bilakah hukum hudud akan dilaksanakan di Negeri Terengganu? Dan perkara yang ketiga, ialah isu krisis bekalan air di kawasan Kuala Nerus yang disebut oleh sahabat saya tadi. Cuma ada yang disebut oleh Wakil Tepoh tadi, saya pun terkejut mendengar apabila diberitahu bahawa *deferred payment*, dengan izin adalah berbeza dengan kaedah yang biasa. Kerana dalam pengetahuan saya, keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan yang terdahulu dalam Surat Setuju Terima atau LA, bayaran adalah lepas siap projek. Dan saya dimaklumkan bahawa dokumen kontrak ada klausa tambahan di mana bayaran perlu dibuat sebelum projek itu disiapkan. Yang itu saya

dimaklumkan di luar daripada keputusan yang dibuat oleh Kerajaan yang terdahulu. Jadi saya harap Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Kerajaan *check* semula betul atau tidak bahawa keputusan untuk bayar dalam keadaan projek tidak siap melalui kaedah *deferred payment* itu adalah dibuat semasa Kerajaan yang terdahulu.

Kita ambil maklum tentang masalah yang mungkin diluar jangkauan dan kita ambil maklum tentang usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam mengurus krisis air di Kuala Nerus. Saya pada berkesempatan ini nak ucap setinggi ucapan terima kasih terutama kepada Kerajaan Negeri, pihak SATU, jabatan-jabatan yang terlibat, NGO-NGO, orang perseorangan yang telah membantu, yang saya nampak bertungkus lumus termasuk juga daripada negeri-negeri lain yang telah menghantar tangki-tangki, lori-lori *tanker*, dan ada yang sampai menghantarkan *water treatment*, dengan izin jadi banyak pihak-pihak agensi yang telah membantu *alhamdulillah* dan masalah ataupun krisis ini dapat diselesaikan dan kita doakan semoga isu ini tidak akan timbul lagi untuk masa-masa yang akan datang kerana apa yang telah dibuat oleh Kerajaan terdahulu bahawa *insya-Allah* projek air di KTU dan juga projek air di Kemaman ini akan bertahan sehingga tahun 2035.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Petugas-petugas sukarela Yang Berhormat tidak sebut *dok*?

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Petugas-petugas sukarela Yang Berhormat tidak sebut.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Semua sekali petugas-petugas sukarela dan juga pihak SATU. Cuma yang menjadi kehairanan kepada saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada saya dapat ada bantuan yang diberi oleh pihak SATU, CSR SATU untuk beli air. Tapi saya tengok air *tak* ada cop pun SATU, selalu yang saya difahamkan sebelum *ni* SATU ada keluarkan air sendiri. Jadi saya rasa untuk masa yang akan datanglah, lain kali kalau pihak SATU boleh bagi air dia lah, maknanya dia *ni* macam-macam cop ada. Jadi kalau boleh saya rasa elok pihak

SATU dia ada keluar air dia sendiri jadi elok kalau dapat diberi air jenama SATU sendiri.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *Dok* sempat nok cop tu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dia ada air sendiri SATU kan?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Betul, tetapi keluarkan dalam masa yang agak segera, *tak* dapat diproses. *Even* nak cop label pun *tak* sempat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebab saya difahamkan memang SATU ada keluar dan dia ada jual air dia. Sebab itu hari saya pergi kat hospital yang telah diberi sumbangan oleh satu syarikat yang berkait dengan COVID-19 saya tengok ada cop SATU.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Memang ada, tetapi untuk yang *ni* kita nak segera. Yang penting rakyat dapat air dulu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi maknanya, maksudnya, memang setakat ini stok bekalan air SATU memang tidak ada lah?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Dia dalam proses mengikut masa.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi saya harap

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Itu memang tak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Lepas pada *ni*, SATU kena banyakkkan bekalan air SATU *tu*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa Yang Berhormat, mana-mana pun untuk bantu rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebab satu lagi, perniagaan yang boleh dibuat oleh SATU sebenarnya. Cuma dalam hal ini, saya rasa usaha dan bantuan bagi mereka yang terkesan dengan krisis bekalan air ini boleh tingkatkan lagi sepertimana yang disebut oleh sahabat saya sebelum ini, di mana sahabat saya ada menanya tadi, ada atau tidak Kerajaan akan beri bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat yang melibatkan hampir 29,000 pengguna ataupun 29,000 akaun. Ada yang terlibat kerja tersendiri, ada yang terlibat berniaga. Jadi saya haraplah Kerajaan boleh pertimbangkan untuk membantu kerana kebetulan baru-baru ini saya nampak banyak bantuan datang daripada NGO dan juga pihak-pihak syarikat. Jadi saya rasa tidak menjadi satu liabiliti ataupun beban kepada Kerajaan sepertimana berlaku banjir, sebagaimana berlaku malapetaka dan kita dapati ada bantuan yang diberi. Kalau ikut pada banjir ada bantuan daripada Pusat, dan ada juga bantuan daripada Negeri. Dan saya rasa eloklah Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Kerajaan dapat mempertimbangkan terutama kepada mereka yang terkesan dengan apa yang berlaku ini supaya diwujudkan satu bantuan untuk membantu mereka dalam saat-saat yang sebegini. Jadi kerana itulah, saya harap bahawa Kerajaan dapat memberikan satu bantuan yang terbaik terutama kepada mereka yang terlibat secara langsung dan saya harap jugak supaya Kerajaan juga mengambil iktibar dengan apa yang berlaku ini supaya boleh menjadi pedoman kepada Kerajaan untuk membuat keputusan pada masa-masa yang akan datang. Dan satu lagi saya pohon juga Kerajaan untuk melihat semula tindakan yang telah dibuat terhadap paip di kawasan Losong dan Bukit Datu supaya ditambahkan lagi dua paip poli itu. Kalau sebelum ini saya difahamkan dua sahaja paip poli baru boleh menyumbang 100% dan kalau dapat ditambah dua lagi kita akan dapat menyumbang 100% bekalan air untuk menjadi satu *back up*, dengan izin kalau isu ini berlaku untuk masa yang akan datang. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, sekianlah saja apa yang perbincangan yang saya buat dan saya mohon menyokong dan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan, sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Seberang Takir. Saya mengucapkan terima kasih kerana menggunakan masa yang telah



diperuntukkan dengan sebaik-baiknya. Saya persilakan lagi Yang Berhormat ADUN Wanita. Sila.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Pertamanya jutaan terima kasih diucapkan kerana memberi peluang kepada saya dalam sesi perbahasan Menjunjung Kasih Titah Tuanku al-Sultan pada hari yang penuh barakah ini.

Di kesempatan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan dengan melontarkan tiga isu utama. Yang pertama, memacu ekonomi rakyat Terengganu. Pandemik COVID-19 memberikan impak yang besar terhadap sektor ekonomi negara bahkan dunia dan di bumi Darul Iman ini juga turut tidak terkecuali merasai kesannya. Untuk makluman semua, kajian impak COVID-19 ke atas sosioekonomi, individu dan perniagaan di Terengganu telah dibentangkan oleh Professor Dr. Nur Azura Sanusi dari UMT pada Ogos 2020 yang lalu. Hasil kajian mendapati, 73% wanita di Terengganu berpendapat PKP mempengaruhi perbelanjaan bulanan mereka. Antara faktornya ialah kekerapan menambah stok barangan makanan berikutan ahli keluarga yang banyak masa berada di rumah. Ramai rakyat yang terjejas pendapatan, termasuklah sektor IKS dan wujudnya kemiskinan baharu akibat COVID-19. Situasi ini amat getir apabila ramai daripada M40 dan T20 yang turut terkesan. Berdasarkan Titah Tuanku, pengangguran di negeri ini meningkat kepada 4.1% berbanding 3.5% tahun 2019.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri kerana telah menyediakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi seperti PENJANA, PRIHATIN dan BERKAT buat rakyat. Saya menerima maklumbalas daripada agensi yang mengendalikan program latihan dan kemahiran kepada rakyat Terengganu. Apa yang menggusarkan terdapat sebahagian penerima bantuan tidak

memanfaatkan insentif yang disediakan sepenuhnya. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya kesedaran dan mentaliti untuk meningkatkan taraf kehidupan menjadi lebih baik. Oleh hal yang demikian, saya melihat perlunya dilakukan transformasi mentaliti ataupun pemikiran dalam masyarakat kita. Rakyat perlu dididik supaya merebut peluang yang ada dan memanfaatkannya secara optimum. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman di dalam surah al-Ra'du ayat yang ke 11 yang bermaksud "*sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa-apa pada diri mereka*".

Dato' Yang di-Pertua,

Terengganu bergerak maju dalam pelbagai sektor termasuk menumpukan isu pembelaan hak dan perlindungan terhadap Wanita. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Haji Hanafiah Mat, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Perpaduan Nasional kerana telah menubuhkan Raudhatul Jannah atau lebih dikenali sebagai Villa Mawaddah yang merupakan pusat perlindungan bagi anak-anak terbiar. Usaha ini sangat penting bagi membela nasib anak-anak yang tidak mendapat perlindungan sewajarnya. Mereka ini perlu diberikan pembelaan dari sudut pendidikan, keselamatan dan kebajikan. Begitu juga saya mengambil ruang dan peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ustaz Mohd Nor Hamzah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah Dan Penerangan kerana menubuhkan Darul Barakah yang merupakan Pusat Pemulihan Dadah secara holistik. Melihat kepada manfaat besar yang bakal diperoleh, saya mencadangkan agar Darul Barakah ini menerima kemasukan penagih wanita. Hal ini ekoran daripada terdapat peningkatan wanita menjadi penagih dadah. Baru-baru ini saya menerima maklumat daripada *One Stop Crisis Centre*, Hospital Sultanah Nur Zahirah bahawa bilangan wanita yang melahirkan anak dan didapati positif dadah semakin meningkat, semakin bertambah dan semakin membarah. Kesannya bayi yang dilahirkan menerima komplikasi kesihatan daripada penggunaan dadah oleh si ibu. Sehubungan dengan itu, saya mengharapkan sokongan semua pihak untuk sentiasa menambah baik operasi dan modul kebajikan terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Merujuk kepada data yang direkodkan oleh PDRM pada tahun 2020 sebanyak 288 kes keganasan rumahtangga berlaku di Terengganu. Rekod terkini yang diperolehi daripada OSCC HSNZ menyatakan bahawa 114 kes dari Januari hingga Ogos 2021 dilaporkan dan kes yang dilaporkan merangkumi kes rogol, kes cabul, liwat serta penderaan rumahtangga dan kanak-kanak. Paling merisaukan apabila kami mendapati kesedaran mangsa untuk melaporkan kejadian yang menimpa mereka masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini kerana mangsa berhadapan dengan ugutan dan ancaman sekiranya membuat laporan dan juga demi menjaga maruah keluarga. Hal ini dibimbangi akan membawa kesan kepada kesihatan mental dan bakal menerima titik hitam sepanjang hidup. Oleh itu, saya ingin mencadangkan satu solusi yang boleh dilaksanakan segera agar mangsa dapat dilindungi. Menurut perbincangan saya bersama dengan pihak OSCC pengurusan mangsa bagi kes yang dilaporkan menjadi rumit terutamanya selepas waktu bekerja dan pada hari cuti am. Seringkali terjadi mangsa diminta pulang semula ke rumah selepas menerima rawatan kerana tiada tempat untuk berlindung. Apabila pihak OSCC menghubungi semula pada waktu bekerja kebanyakan mangsa tidak mahu tampil untuk meneruskan prosedur. Amat malang lagi dalam tempoh ini mangsa terdedah dengan ancaman berulangnya kes terhadap diri mangsa. Saya tidak menafikan wujudnya institusi kebajikan di bawah JKM iaitu Taman Sinar Harapan yang menjadi pusat perlindungan sementara, namun saya ingin menyuarakan tentang proses penempatan ini mengambil masa yang panjang, mengambil masa yang lama dan hanya dapat dijalankan semasa waktu bekerja sahaja. Lebih kritikal lagi tiada pusat perlindungan sementara yang beroperasi 24 jam untuk menempatkan mangsa sementara menunggu kes disiasat oleh pihak berwajib. Oleh itu saya menggesa agar proses birokrasi ini dapat diringkaskan sekali gus menyegerakan perlindungan kepada mangsa yang terlibat. Selain itu juga, saya juga ingin mencadangkan agar kita mewujudkan pusat perlindungan sementara di premis yang sedia ada maksudnya sebagai contoh kita boleh memperbagaikan fungsi masjid yang bersesuaian untuk menempatkan mangsa di sana. Masjid yang terlibat boleh diletakkan di bawah pemantauan PDRM, JKM dan JPKK setempat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Semenjak pandemik COVID-19 melanda, banyak kes kesihatan mental yang dilaporkan. PDRM merekodkan kes bunuh diri yang tinggi dalam kalangan wanita. Dalam tempoh 2019 sehingga Mei 2021, sebanyak 1427 kes

melibatkan Wanita dicatatkan berbanding 281 kes bagi lelaki di seluruh negara. Menurut Ketua Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental HSNZ, Dr. Tuan Sharifah Tuan Hadi, sebelum musim PKP, pesakit yang datang ke hospital ialah mereka yang mempunyai *major psychotic illness* dalam kata lain mereka yang datang ialah pesakit yang mempunyai masalah keclaruan pemikiran namun *trend* ini berubah dengan peningkatan kedatangan pesakit bagi kes keresahan ataupun *anxiety* dan juga kes kemurungan ataupun depression. Buat pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat 60% daripada jumlah pesakit yang hadir adalah wanita. Pada musim ini golongan lelaki tidak terkecuali untuk menerima rawatan kesihatan mental. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada masalah kesihatan mental di kalangan wanita. Pertama, wanita yang bekerja dari rumah mempunyai tuntutan berganda. Mereka terpaksa mengalas tanggungjawab di pejabat dan juga di rumah. Dan yang kedua wanita yang mengharungi perhubungan jarak jauh ataupun PJJ dengan suami. Dan yang ketiga, sikap segelintir suami yang tidak menyedari peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan rumahtangga sehingga menyebabkan isteri menanggung bebanan sendirian.

Selaras dengan pelan Publisiti Kesihatan Mental di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), KKM telah melancarkan program **LET'S Talk, Minda Sihat**. Tujuannya ialah untuk menggalakkan rakyat mendapatkan sokongan dan bantuan bagi mencapai kesejahteraan mental. Begitu juga dengan kemudahan talian bantuan sokongan psikososial seperti talian kasih. Kita perlu, yang perlu digunapakai secara maksimum oleh rakyat. Kerajaan telah menyediakan sistem yang tersusun untuk membantu rakyat dalam isu ini. Tahniah saya ucapkan, namun sejauh mana capaian maklumat tersebut beredar kepada rakyat khususnya rakyat Terengganu lebih khusus lagi kepada wanita Terengganu. Ini harus disemak semula dan ditambah baik. Ekoran daripada hal itu Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah proaktif dan mempromosikan kesejahteraan kesihatan mental di pelbagai peringkat. Capaian maklumat perlu diperhebat ke pelbagai segmen masyarakat yang tidak sekadar bertumpu pada hebahan atas talian semata-mata. Promosi perlu diperluas lagi dengan edaran risalah ataupun flyer dan penggunaan gegantung ataupun (bunting), papan iklan, *billboard* di kawasan tumpuan ramai. Begitu juga usahasama dengan badan bukan kerajaan dalam menjalankan kempen kesedaran kepada masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kalau kita imbas, kalau kita tengoklah pengalaman. Kesedaran masyarakat untuk mendapatkan khidmat kaunseling sebenarnya masih lagi berada di tahap yang rendah. Saya tertarik dengan idea Rawatan Psikologi Awalan ataupun *Psychological First-Aid* (PFA) yang perlu dikuasai oleh setiap individu bagi mengatasi masalah tekanan. Justeru itu, dengan adanya ilmu PFA ini mampu meredakan komplikasi tekanan yang dihadapi. Justeru, saya turut mencadangkan agar Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) di setiap DUN untuk menjadi pemudah cara bagi rakyat mendapatkan khidmat nasihat. Hal ini sangat penting agar khidmat nasihat didapati dengan pantas dan bernas agar proses celik akal dapat dibina dalam menghadapi situasi tekanan mental. Diharapkan dengan inisiatif ini rakyat memperoleh pengetahuan tentang kemudahan bantuan sokongan yang disediakan supaya memperoleh bantuan sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Berikutan isu-isu yang telah saya lontarkan tadi, iaitu yang pertama isu ekonomi, yang kedua isu sosial, dan yang ketiga isu kesihatan mental, dapat saya simpulkan bahawa perlunya gabung jalin semua pihak untuk mengaktifkan Majlis Sosial Negeri Terengganu agar dengan kadar segera sepertimana yang telah saya lontarkan pada sidang yang lepas. Majlis ini bertanggungjawab dan berperanan untuk mewujudkan integrasi antara semua pihak bagi menatijahkan satu solusi yang terbaik. Sumbang saran dan gabungan idea serta tenaga daripada pelbagai agensi diperlukan dalam menguruskan masalah sosial di Negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua,

Dengan lafaz rafak dan takzim, saya Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِيُّ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada ADUN Wanita. Seterusnya saya persilakan, lagi... Yang Berhormat nak bercakap. Sila, Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Besar, barisan EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. *Alhamdulillah* saya bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk berucap pada kali ini. Sebagaimana yang Dato' Yang di-Pertua sebut, Dato' Yang di-Pertua telah menelefon saya menyatakan, oleh kerana masa terhad, SOP yang ketat, maka pihak kami hanya dibenarkan dua orang sahaja yang berucap. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Saya juga turut sama menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Terengganu yang telah menitahkan ucapannya menerusi warkah yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program-program vaksinasi kepada rakyat Terengganu dan kita berharap bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan para EXCO berbincang dengan pihak Kerajaan Pusat untuk menambah lebih ramai lagi vaksinasi dapat dibuat di Terengganu terutama selepas ini kepada golongan pelajar. Kerana saya telah mengutarakan perkara ini suatu ketika dahulu, tetapi ditempelak oleh Ahli Parlimen Kuala Terengganu, menyatakan bahawa nak vaksin ini bukan mudah, semacam tahan lori Gardenia di tepi jalan. Jadi saya merasa dukacita/ah, seorang Timbalan Menteri yang berasal daripada Terengganu, wakil Ahli Parlimen Terengganu berucap demikian, sedangkan beliau sendiri adalah Timbalan Menteri kepada menteri yang jaga vaksin. Sepatutnya beliau mengambil inisiatif berbincang dengan menteri beliau sendiri, ataupun Perdana Menteri untuk mendapat tambahan vaksinasi kepada Terengganu atau sekurang-kurangnya bagi daerah Kuala Terengganu. Ini satu jawapan yang tidak bertanggungjawab bagi saya. Dan saya akui bahawa begitu juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seorang yang bijak, cerdik, dapat PHD dalam bidang aero angkasa, mungkin merupakan satu-satunya anak Terengganu yang pertama dapat kita lahirkan daripada hasil sekolah menengah sains yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Perikatan Barisan Nasional. Tetapi bagi saya, saya *nak* sebut sedikit, saya merasa terkilan apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar seolah-olah memperkecilkan usaha yang

dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana beliau menyebut pada 2008, Kerajaan membelanja kira-kira RM80 juta untuk dana raya, dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanya, berapa banyak? RM250.00? RM300.00? Berapa lama boleh bertahan? Enam bulan? Tiga bulan? Ini bagi saya suatu yang tidak seharusnya diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besarlah sebagai seorang yang bijak, cerdik, tetapi bagi saya jawapan yang diberikan itu kurang bijaksana, kerana jelas kita sebut bahawa ini adalah dana raya. Dana raya bermakna bantuan yang diberikan oleh kerajaan bagi menyambut raya, meringankan beban kepada rakyat. Bukan bantuan sara hidup dan sebagainya untuk tiga bulan, enam bulan... untuk rayalah. Ini saya rasa satu kesilapan yang dilakukan oleh Menteri Besar. Saya harap perkara ini dapat diperbaiki. Semasa berucap *tu*, berhati-hatilah. Dan begitu juga saya lihat dalam Titah Ucapan Tuanku menyebut mengenai Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah merekodkan sejumlah 508 buah masjid dan 1550 buah surau telah siap dibina seluruh Negeri Terengganu. Sejak bila? Sepatutnya jawapan ini, kita tahu Kerajaan sediakan, beritahulah semasa pentadbiran Kerajaan PAS dan Maju, Berkat dan Sejahtera ini dalam tempoh tiga tahun. Berapa buah masjid dibina, berapa buah surau dibina, bukan kita rangkumkan sejak dulu lagi, sejak PAS merdeka sampai sekarang. Ini angka-angka ini tidak tepat dan tidak menggambarkan usaha-usaha dilakukan oleh Kerajaan ketika ini. Justeru itu saya berharap di lain masa supaya Kerajaan lebih peka tentang Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini supaya ianya menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku yang terkini dan sebagainya. Di samping itu, saya ingin menarik perhatian warga Dewan yang mulia pada hari ini, iaitu bacaan terakhir Tuanku kalau saya baca Dato' Yang di-Pertua, "...akhirnya Beta berdoa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Menteri Besar bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan serta dengan kerjasama padu daripada jentera pentadbiran awam akan mendapat petunjuk dan bimbingan Ilahi bagi menyempurnakan tanggungjawab dan amanah secara adil dan saksama, jujur lagi ikhlas, amanah lagi berintegriti." Ini suatu penekanan yang dibuat oleh Tuanku, supaya... mungkin barangkali Tuanku sedar, ada perkara-perkara yang tidak menepati apa yang Baginda ucapkan ini, sebab tu Baginda menegurkan perkara ini dan saya sebenarnya banyak nak disampaikan, tetapi setakat ini saya hanya ingin membawa satu isu yang diperkatakan pada hari ini mengenai pelaburan Yayasan Terengganu, melalui anak syarikat String Hectares dan usaha membuka kilang pelaburan untuk membuat penutup muka, *mask* ini, yang mana saya dimaklumkan di peringkat awal lagi pihak tidak berapa bersetuju mana dengan pelaburan ini kerana, saya tidak tahulah. Peringkat awal saya

dimaklumkan pelaburan hanya RM2 juta melibatkan 40% akhirnya EXCO yang bertanggungjawab tentang pelaburan Yayasan Terengganu berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menambah pelaburan ini menjadi RM4 juta lebih. Dan saya mendapati bahawa jumlah pelaburan Sterling Hectares Sdn. Bhd. dan syarikat Hygenia Sdn. Bhd. yang sebanyak RM4,538,831.00 iaitu mewakili 49% pelaburan, dan saya lihat bahawa banyak perkara-perkara yang tidak seharusnya berlaku dalam pelaburan ini, kerana banyak benda-benda pelik. Yang pertama kita lihat bahawa Sterling Hectares membuat bayaran pertama kepada akaun Hygenia Sdn. Bhd. pada 11 Jun 2020 sebanyak RM2,308,354.00. Malangnya pada 19 Jun 2020, Ahad Khan telah memindahkan ataupun *transfer* wang sebanyak RM1.3 juta ke akaun peribadi beliau. Takkanlah kita tidak ada wakil dalam pelaburan itu yang *sign check* dan sebagainya, beri kebenaran atau resolusi. Yang kedua, pada 28 Julai 2020, Sterling Hectares telah memasukkan wang ke dalam akaun Hygenia Sdn. Bhd. sebanyak RM2,210,077.00 ke dalam akaun Hygenia Sdn. Bhd. Malangnya, pada hari yang sama, 28.7.2020, Ahad Khan telah membuat pindahan wang *transfer* kepada akaun peribadi beliau sebanyak RM2 juta. Jadi saya lihat ini adalah suatu yang tidak kena, dan begitu juga apabila dilaporkan bahawa Abdul Ahad Khan ini tidak pernah apabila pihak Yayasan menegur dan membuat beberapa perkara. Sehingga Mac 2021, pihak pengurusan tidak menerima apa-apa status akaun syarikat serta status jualan walaupun surat telah dihantar untuk memohon status terkini syarikat Hygenia Sdn. Bhd. menerusi surat pengurusan ini bertarikh 15 Februari 2021, dan banyak barang-barang yang tidak dibayar ketika itu menyebabkan hutang sebanyak RM181,000.00. Dan dengan integriti ini, saya rasa dukacitalah sahabat saya Wakil Ladang yang saya hormati suatu ketika dahulu, bila berceramah pernah menceritakan tentang kehebatan Saidina Ummar Al-Khattab mentadbir negara, mentadbir khazanah negara, bila pada waktu malam Umur Al-Khattab bertugas menyiapkan kerja-kerja negara menggunakan lilin kerajaan, kemudian buat kerja peribadi hembus lilin kerajaan, pakai lilin peribadi. Begitu juga pen, gunakan pen kerajaan apabila buat kerja peribadi bertukar kepada pen peribadi. Saya hormati beliau seorang pegawai tinggi kerajaan bergerak dengan ABIM dan sebagainya tetapi apabila beliau diberi peluang ini saya merasa dukacita apabila banyak berlaku ketimpangan perkara-perkara berlaku, iaitu sehinggakan Pengarah Yayasan Terengganu dan juga Ahad Khan dan juga Wahidur Rahman.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Pohon laluan, Yang Berhormat Dato' di-Pertua, saya pohon penjelasan daripada



Kijal dengan banyak perkara-perkara yang telah disenaraikan tadi, oleh kerana ia melibatkan kalaulah dikatakan sebagai salah laku, adakah ia berada di dalam pengetahuan SPRM dan saya rasa hak untuk menyiasat perkara ini adalah pihak SPRM untuk menentukan semua perkara dan saya rasa kalau ada bukti itu, serah kepada SPRM *je lah*, sebab saya rasa kita sangat terbuka dalam hal-hal seperti ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat *respond*, saya cuma nak mengingatkan sahajalah dari segi *Standing Orders* dalam perkara 46, ceraiian (xiii) antaranya:

- a) Menyindir tuduhan menyerong terhadap Ahli-ahli yang lain
- b) Membuat tuduhan terhadap peribadi yang lain

Saya minta berjaga-jagalah dalam konteks peraturan dalam Dewan kita ini.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua itu, saya sedar peraturan itu, kerana kes ini masih tidak dibawa ke mahkamah lagi, kalau dibawa ke mahkamah, kita tak boleh bincang tentang perkara ini dalam mahkamah. Tapi sehingga ini SPR masih lagi tergantung, kerana mungkin tangan-tangan ghaib daripada Putrajaya, sebab itu saya nak sebut tadi, iaitu Pengarah Yayasan, Ahad Khan, Wahidur Rahman telah ditahan tapi ADUN Ladang tidak ditahan. Minta maaf saya sebut Yang di-Pertua, sebab jelas kepada kita saya tengok saya boleh bagi bukti ini dari segi pelaburan tetapi kita tengok sini bagaimana ADUN Ladang mendapat kepentingan, kes X70, TBJ 828.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua ini bukan mahkamah, saya rasa kalau ada kes bawa ke SPRM bukan sini kita nak buat keputusan nak bincang nak tu apa.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab itu...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): tuduhan apa dan sebagainya rasa tak sewajarnya Yang Berhormat Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Mahkamah tidak membuat keputusan lagi, tidak dibawa mahkamah lagi maka kita bolehlah kita bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu sahaja Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dewan ini bukan mahkamah Yang Berhormat jangan tukar *bimbor* gitu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan nak tukar *bimbor*, nak *kabor* ini, penjelasan ini, nak minta penjelasan ni.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya ingat dulu, Dato' Yang di-Pertua, bila kes melibatkan SPRM, melibatkan mahkamah, *Speaker* dulu tidak beri terus bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): tidak lagi ini, tidak bawa lagi

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya dulu cakap *doh* dulu, isu-isu sebegini kita bercakap dah, jadi saya rasa serah kepada SPRM lah

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): lepas ini kita serah lah

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kalau kata tangan ghaib Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun daripada BN dah, jadi kita serah kepada dia lah untuk membuat keputusan ini

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apa saya nak penjelasan dahulu ADUN Ladang ada.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya rasa tidak timbul tangan ghaib, jadi kita *dok* panjang benda ini, sangat tidak adil kita sebut dalam Dewan lepas diputuskan lagi, kita lembang *guaner* pun.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): nak lembang guaner bukan Negeri Maju Berkat Sejahtera

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jadi saya nak minta Kijal supaya menghormati juga, saya dulu hormat benda ini, kita sebut-sebut *Speaker* tidak beri, kita cari benda lain pula, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu yang saya peringat tadi Yang Berhormat, saya tidak menggunakan perkara 46(vii) dalam isu perkara-perkara menjadi *subjudice* apabila ada kaitan dengan kes mahkamah, tetapi saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat Kijal dalam Perkara 46 (xiii) itu ialah membuat tuduhan terhadap peribadi-peribadi yang mana ini tidak dibenarkan dalam peraturan Dewan kita. Jadi apa pun perkara-perkara Yang Berhormat rasa ada isu yang asas yang kuat yang perlu diambil perjalanan oleh SPRM ataupun mahkamah biarkan pihak yang berkenaan mengambil perjalanan. Yang Berhormat dah sebutkan tadi saya ingat cukup setakat itu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Cuma satu Dato' Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kijal mohon penjelasan, kita nak tahu benar ke tidak sedangkan Pengarah Yayasan ditahan, adakah kes benda ini, jadi kita nak penjelasan adakah berlaku kalau *dok* berlaku *kabor dok* berlakulah, *takdok* masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak .

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): *Dok eh*, siapa yang nak jawab

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): bukan di dalam Dewan ini, sebab SPRM tu, kena tanya SPRM.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kerajaan kena jawablah

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bidang kuasa dia, nak tanya kita bakpe dok tahan dok tahan, bukan kuasa kita nak pergi tahan

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Betul dah bukan kuasa kita, tapi kita nak dengar-dengar cakap ini kita nak penjelasan macam tadi tentang EXCO Pelancongan tadi, kita nak penjelasan rakyat di bawah dengar perkara-perkara ini jadi kita nak minta penjelasan di-Pertua ada ke tidak

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ini telah melibatkan pertuduhan, ada tangan-tangan ghaiblah gi kacau, tu merupakan tuduhan tu, bukan penjelasan tu Yang Bert hormat.

*[audio tidak dapat dengar disebabkan pertindihan suara]*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang bert hormat, saya minta kita kembali kepada Peraturan Dewan, *Standing Orders*, tadi Yang Bert hormat kata saya ini keras, saya lembut dah ini. Benda yang disebut oleh Wakil Kijal

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Betul Yang Bert hormat Yang di-Pertua. Kita pun...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti dulu. Bila saya bercakap Peraturan Dewannya, Yang Bert hormat kena duduk. Itu peraturannya. Apa yang saya peringatkan tadi, ialah perkara yang menjadi Peraturan Dewan, khususnya Perkara 46(xiii). Ini bukan soal 46(vii) yang yang bersifat *subjudice* di mahkamah. Apa disebutkan tadi itu adalah bukan lagi sebagai minta penjelasan, ini dah jadi satu tuduhan sedangkan dalam sistem yang ada dalam negara kita ini apa-apa perkara yang dianggap menjadi satu asas kepada tuduhan ataupun nak disabitkan kesalahan, kita ada sistem dia, sistemnya ialah SPRM akan menerima apa saja aduan daripada mana-mana pihak, orang jumpa dia sendiri ke, orang *whatsapp* ke, orang telefon ke, dia akan buat siasatan. Siasatan yang dibuat itu tidak semestinya orang yang berkenaan itu salah tidak tapi itu adalah tugas dia, begitu juga kalau pun satu kes itu pada pihak SPRM ada asas, dibawa kepada peguam Negara (AG,) tidak semestinya apabila kes itu dibuat mahkamah orang berkenaan bersalah, jadi itu sistemnya. Jadi apabila

Wakil Kijal sebut tadi benda yang bersikap anggapan dan juga saya nampak sudah jadi satu pertuduhan saya fikir ini sudah berlawanan dengan kita punya *Standing Orders* jadi apa yang disebut itu dah sebut, cukup setakat itu. Minta Yang Berhormat alih isu lain pula, saya nampak Yang Berhormat banyak isu ini, saya takut padan main isu ini sahaja hari ini.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih Yang di-Pertua. Kita bersidang sekejap *je ni*, cuma satulah saya nak beritahu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, ini bukan tuduhan. Ini fakta, saya ada semua lengkap gambar dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak boleh, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tapi saya *tak mboh* sebut lagi Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak boleh Yang Berhormat. Tak boleh kata itu fakta, tak boleh. Mahkamah telah tentukan. SPRM akan buat kerja.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya minta satu lagi Dato' Yang di-Pertua, supaya pihak Yayasan Terengganu, Kerajaan buat laporan polis mengenai salah laku yang dilakukan oleh Ahad Khan, salah sebab duit ini kita masuk dalam syarikat, kenapa dia sebab apa dia pindah *transfer* ke akaun dia, saya mintalah Kerajaan melalui Yayasan Terengganu mengambil tindakan membuat laporan polis tentang Ahad Khan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa Yang Berhormat, tak apa.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini pandangan, cadangan saya, dan saya beritahu saya beri tempoh dua minggu kepada Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu pandangan Yang Berhormatlah, tidak apa setakat itu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan pandangan, sepatutnya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat boleh beralih kepada isu lain pula.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ok, lepas itu Dato' Yang di-Pertua, saya banyak lagi isulah isu air, aduan laporan kepada UPEN, lepas itu 2020 tentang runtuh tebing dan sebagainya tetapi Kerajaan Negeri mendiamkan diri menyebabkan berlakunya patah paip kerana menggunakan *water jet* untuk memecahkan pasir sungai yang atasnya terdapat lumpur-lumpur menyebabkan benda tu keras jadi batu, benda bukan baru tetapi dipandang enteng oleh pihak Kerajaan. Perkara ini perlu diambil perhatian segera saya haraplah sebab semua ini menimbulkan masalah.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ada laporan ke Yang Berhormat Kijal?

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Eh *wakpe* tak dok nya

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *Acu* cuba tunjuk nak tengok, *hok* mana *se*

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Oh oo, main-main, kita tidak cakap sahajalah, Dato Yang di-Pertua, saya tengah cari banyak sangat benda ni, kita bukan kaki *lebong ini*, kita ada integriti kita. Dato' Yang di-Pertua, mintak maaf Dato' tengah cari

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kena cepat sedikit Yang Berhormat, sebab saya bukan apa, masa ini...

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hak ni, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Negeri surat bertarikh 22 Oktober 2020, ditujukan aduan kerosakan tebing sungai kesan pada kerja operasi pengambilan pasir di Kampung Pulau Sekati, Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ini laporan daripada seorang penduduk daripada Pulau Sekati, tetapi JPS telah ambil tindakan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): JPS hantar tindakan betul, hantar kepada UPEN, UPEN tindakan apa ambil?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Hantar kepada UPEN, berkaitan dengan tiga perkara. JPS minta supaya diperhatikan tiga perkara di sini, pertama bahawa pemilik, pengusaha tersebut ialah..

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sepatutnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua penggulungan patutnya. Bukan sekarang ini, kena bagi ruang kepada Yang Berhormat Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia celah sikit je la

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi minta Kerajaan jawab dalam penggulungan lepas ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Dah dia kata dia banyak bukti, *so* saya mintak la, apa buktinya..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Kijal, masa guana masa, saya beri sedikit lagi la masa , masa kecederaan

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): takpe masa cedera, cedera la, dah memang cedera nak wat guane doh, tak ada masalah. Cedera main cara cedera [*ketawa*]. Saya cuma minta lepas ini gulung, tak apa saya ada belaka, tak ada masalah. Tak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat, teruskan, teruskan

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih la, tamat dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Habis dah?

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Habis la

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oow saya ingat banyak benda, banyak benda nak kabo

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Banyak benda nak cakap, tunggu bulan depan, bulan 12 pula [ketawa], panjang sikit, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tapi lepas hawa dah, lepas hawa la

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dok lepas hawa lagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, terima kasih Wakil Kijal, yang telah menggunakan masa dengan sebaiknya walaupun ada sedikit masa kecederaan tadi. Saya jemput kita ada masa sikit lagi, saya jemput Wakil daripada Ajil, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ  
 أَنَّهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَا بَعْدُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat dan rakan-rakan semua. Pertama sekali marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran kehadiran Allah Ta'ala kerana diberi ruang masa untuk saya meneruskan perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan saya ingin menarik perhatian Dewan berkenaan dengan ucapan penghargaan Tuanku Sultan tentang kejayaan pendidikan Negeri Terengganu dalam pendidikan SPM dan STPM khususnya yang mana dalam STPM, Negeri Terengganu mengungguli



STPM peringkat kebangsaan tiga kali berturut-turut. Tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri Terengganu, tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Tuanku Sultan juga mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu yang baharu ditubuhkan pada tahun ini dengan peruntukan perbelanjaan Tahun 2021 sebanyak RM40,697,176.13.

JAPIN ataupun Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu ini asalnya adalah Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu telah diluluskan oleh MMKN dalam mesyuarat 27 Januari tahun ini untuk diangkat menjadi satu jabatan yang mempunyai pusat tanggungjawab ataupun PTJ dan saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri di atas usaha ini, untuk memperkasa pendidikan di Negeri Terengganu secara yang lebih kemas dan lebih holistik menggabungkan empat agensi yang sebelum ini terlibat dengan pendidikan. Sebelum ini di negeri kita Negeri Terengganu, ada empat agensi yang menguruskan sekolah-sekolah di negeri kita iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu yang banyak menguruskan sekolah menengah agama SABK, Yayasan Terengganu menguruskan Sekolah Menengah IMTIAZ, Yayasan Islam Terengganu menguruskan Pondok Moden dan juga INSPI, (Institut Pengajian Ilmu Islam) di Kemaman dan juga MAIDAM yang menguruskan Madrasah Moden MAIDAM dan *alhamdulillah* dengan usaha Kerajaan Negeri menubuhkan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu ini, saya menaruh harapan pendidikan di Negeri Terengganu akan mencapai satu tahap yang lebih bersistematik dalam menguruskan hal ehwal pendidikan yang digabungkan di dalam satu jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu, ataupun kalau boleh saya ringkaskan sebagai JAPIN, yang tetap meneruskan agenda pendidikan kebangsaan berasaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan falsafah pendidikan negara berasaskan empat elemen di dalam pendidikan kebangsaan iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Jadi dengan penggabungan ini akan mempermudah gerak kerja pendidikan di bawah satu pusat tanggungjawab dan saya melihat di sini juga, Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu dan juga pihak kita Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai satu cabaran yang agak hebat untuk terus mengekali pencapaian di dalam peperiksaan awam sama ada SPM ataupun STPM dan juga STAM yang selama ini terbukti Sekolah Menengah IMTIAZ contohnya mengungguli di peringkat kebangsaan dan Sekolah Menengah IMTIAZ ini kalau kita ikut susur galur sejarah penubuhan sejak daripada di bawah kepimpinan

Menteri Besar, Yang Berhormat Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang yang menubuhkan Kolej Islam Sains Terengganu di Kuala Berang ataupun nama ringkas dia KIST dan KIST telah ditukarkan namanya kepada IMTIAZ pada zaman pemerintahan Menteri Besar Dato' Seri Idris Jusoh dan juga selain daripada KIST, ada sebuah lagi institusi pendidikan berasrama penuh di Dungun iaitu yang dipanggil KOSTAQ dan juga ditukarkan kepada IMTIAZ dan untuk makluman Ahli Dewan, KIST di Kuala Berang yang ditukarkan kepada nama IMTIAZ di dalam daftar sekolah masih lagi menggunakan nama KIST, Kolej Islam Sains Terengganu.

Apa yang saya nak sebut berkenaan dengan kejayaan Sekolah Menengah IMTIAZ yang menjadi cabaran baharu kepada Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu yang mana selama ini IMTIAZ di bawah pengurusan IMTIAZ Yayasan Terengganu dan Sekolah Menengah IMTIAZ Besut contohnya merupakan di antara sekolah terbaik negara dan Sekolah Menengah IMTIAZ Kuala Terengganu berada di tempat yang kedua dalam *ranking* sekolah-sekolah terbaik dan Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud berada di tempat yang ketiga dan Sekolah Menengah IMTIAZ Besut pada SPM 2020 telah melahirkan dua orang pelajar *straight* A+. Ini merupakan satu kejayaan yang agak luar biasa yang perlu menjadi cabaran kepada Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu dan kejayaan-kejayaan tersebut meletakkan pelajar-pelajar kita ke arah di tempat suatu tempat yang agak istimewa dan Kerajaan Terengganu melalui Yayasan Terengganu telah membelanjakan sejumlah RM13.7 juta sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menaja pelajar-pelajar cemerlang di bawah Skim Pelajar Cemerlang (SPC) ke luar negara dan tajaan-tajaan ini juga melibatkan RM2.5 juta untuk Sarjana dan PHD serta RM1.26 juta untuk ACCA, dan ini membuktikan bahawa pihak Kerajaan Negeri sangat mengambil berat tentang pendidikan untuk anak-anak Terengganu, dan dengan tertubuhnya SRIDI dan SMIDI, Sekolah Rendah Islam Darul Iman dan juga Sekolah Menengah Islam Darul Iman. Sebenarnya dalam tanpa kita sedari, dua buah institusi ini telah membekalkan banyak peluang-peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan dan juga peluang perniagaan kepada pihak-pihak yang berkaitan dan sekarang ini ada 148 guru di bawah SRIDI dan SMIDI secara *contract of service* dengan izin, dan pada tahun 2022 *insya-Allah* 68 guru baru akan ditambah dan secara kontraklah dan kita mengharapkan pihak Kerajaan akan menggandakan usaha untuk mendapatkan waran perjawatan ke gred DG41 kepada semua guru SRIDI dan SMIDI supaya mereka dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Di negara-negara maju tuan-tuan, seperti di Switzerland, Belanda, Jerman, Belgium dan juga Korea Selatan, kebanyakan negara-negara maju ini meletakkan guru, kebajikan guru di tempat yang sangat hebat. Di Korea Selatan, kebanyakan guru mereka mendapat gaji purata bulanan RM15,000.00, menggambarkan pengiktirafan negara tersebut kepada guru-guru. Jadi kita taklah sampai nak harap, nak tingkat sampai RM15,000.00 ataupun RM10,000.00. Cuma saya mengharapkan pihak Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan waran perjawatan kepada guru ini supaya dapat dilantik sebagai guru tetap berpencen ataupun guru tetap tidak berpencen. Mana-mana satu itu merupakan *option* dengan izin ataupun pilihan sebagaimana yang ada di arus pendidikan kebangsaan dan juga di bawah SABK. Jadi, keadaan ini perlu supaya guru-guru kita dapat memberi khidmat bakti yang sepenuhnya tanpa memikirkan tentang perjawatan mereka yang dalam keadaan tidak tetap dan juga kemungkinan boleh kita katakan agak terumbang-ambing dan tahun 2019, *alhamdulillah* melalui usaha Yang Berhormat EXCO Pendidikan telah berjaya melantik 76 guru yang ketinggalan. *Nak kata hok kena nyaknye, dok, tapi hok ting'gal.* 76 guru di hampir kebanyakan sekolah termasuklah di Maahad Tahfiz yang mana ada terdapat seorang guru yang 22 tahun berkhidmat secara kontrak tidak dilantik ke jawatan tetap DG41 dan pada tahun 2019 telah pun 76 daripada mereka dilantik secara tetap sebagai satu penghargaan kepada guru-guru yang lama berkhidmat tetapi masih lagi dalam keadaan kontrak.

Jadi, saya banding dengan pendidikan ataupun guru-guru yang ada di negara-negara maju tersebut, merupakan satu aset yang sangat besar untuk kita jaga guru-guru ini, kerana gurulah kita ada di Dewan ini. Kerana gurulah sektor-sektor pembuatan, sektor-sektor minyak, petroleum, gas dan sebagainya kita dapat melahirkan tenaga-tenaga mahir hasil daripada kerja keras guru. Jadi sebab itu saya rasa kita perlu mengangkat martabat guru sekurang-kurangnya untuk meletakkan mereka pada satu jawatan, kalau tak boleh setanding dengan jawatan-jawatan yang hebat pun, cukuplah saya rasa mereka diberi jawatan tetap sama ada sebagaimana yang saya sebut tadi secara berpencen ataupun pilihan di bawah KWSP, dan, habis dah?

Dua tiga kucing berlari  
Manakan sama si kucing belang  
Hajat di hati nak terus berdiri  
Masa tak beri ruang

Jadi, saya rasa cukup sekadar itu. Saya mohon menyokong Titah Ucapan Tuanku Sultan.

والله أعلم  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Ajil. Saya tengok jam dengan SOP yang dibuat dan janji saya, ada sikit masa sebenarnya, saya boleh jemput seorang lagi tapi dengan syarat berhenti sebelum pada pukul satu. Ada?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ha sila, wakil mana? Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Aaa. Wane Dato' dok berapa ingat doh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Haa, tapi Wakil Batu Rakit dia walaupun kadang-kadang dok berapa tu dengan saya kadang-kadang, saya masih sayang pada dia. Bagi masa pada dia.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato'. Marah-marah sayang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila-sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan semua yang menyaksikan secara maya.

Pertama sekali saya ucapkan terima kasihlah kerana Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas Titah Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku

Sultan. Perkara pertama yang saya nak sebut ialah perkara tentang pendidikan. Umum mengetahui bahawa pendidikan kita sekarang ini telah menginjak ke arah pendidikan digital di mana Terengganu merupakan sebuah negeri yang sentiasa ke depan dalam pendidikan ini. Cuma sejak-sejak akhir ini, dengan pandemik COVID-19 ini, agak sukar kepada pelajar-pelajar kita yang terpaksa melalui pembelajaran di rumah kerana ramai di kalangan pelajar-pelajar kita yang tidak boleh mencapai akses internet dan juga kekurangan peranti, terutamanya bagi keluarga miskin dan golongan B40 yang terkesan dengan perkara ini.

Selaku Kerajaan Negeri yang prihatin dengan slogan Maju, Berkat, Sejahtera ini, sewajarnya perkara ini perlu diatasi dengan segera melalui peruntukan yang sebelum ini banyak diberikan oleh Kerajaan dahulu yang telah meletakkan pendidikan di Negeri Terengganu terkedepan berbanding di negeri-negeri lain, dan daripada dapatan yang dilaksanakan secara maya bersama pengetua, guru besar, ibu bapa, kita dapati bahawa proses PdPR yang berlaku sekarang menjadi semakin sendu dan sepi kerana ketiadaan kemudahan *access* internet dan juga kekurangan peranti pada setiap keluarga dan murid. Jadi apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah ini kerana saya difahamkan baru-baru ini ada Kerajaan Negeri memberi sumbangan difahamkan 50 tablet setiap DUN. Kalau DUN Batu Rakit ada 17 buah sekolah beri 50 makna tidak mencukupi. Dulu di zaman Yang Berhormat Kijal dulu beri *e-Book* kepada semua murid. Saya rasalah Kerajaan perlu fikirlah kerana memang pembelajaran secara *online* ini akan berterusan sampai bila-bila. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mempertingkatkan *access* internet dan juga bantuan peranti ataupun mudah bayar kita *wat* kiralah bagaimana supaya anak-anak kita ini dapat kemudahan peralatan ini.

Kerana kadang-kadang sebuah keluarga itu ada satu sahaja. Lima orang anak belajar terpaksa kongsi-kongsi. Jadi mungkin boleh fikir balik, boleh *upgrade* sebagaimana di zaman era Yang Berhormat Kijal dulu buat *e-Book* dulu, bolehlah kita kongsi-kongsi bagaimana untuk supaya anak-anak kita ini, pelajar-pelajar kita ini mendapat kemudahan yang sewajarnya dan yang kedua, sekali lagi saya ingin bangkitkan tentang krisis air. Ini bukan perkara mudah sebenarnya. Cukup payah bagi rakyat. Berat bahu yang mengangkut air, berat lagi beban kewangan yang ditanggung rakyat tentang krisis air ini. Saya tak *boh* sebut banyaklah sebab Yang Berhormat Seberang Takir pun sebut tadi jadi saya berharap sekali lagi kerana memang cukup terbeban dengan keadaan

sekarang pandemic COVID-19 dan sebagainya jadi memang rakyat kita cukup terkesan dan saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan berilah pampasan kerugian kerana bagi yang ada kedai *dok* boleh buka kedai. Bagi yang ada *homestay*, batal tempahan. Bagi setengah-setengah tu terpaksa beli tong yang berharga RM300, RM400 sutir. Orang yang tak *dop* tong kena pergi angkut air kena keluar minyak. Jadi apa kiranya Kerajaan sekiranya boleh memberi pampasan ataupun ganti rugi sekurang-kurangnya RM500.00 macam bencana banjir juga.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Lening ada *dop* lagi air Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Air ada *dop* lagi *lening*.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Air ada *doh*..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Alhamdulillah*.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tapi sebulan *hok* beratnya. *Dop tido* malam.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya nak pasti *jer*. Takut masalah ini masih ada lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tetapi Kerajaan Negeri *dok* tolong *doh* ke Yang Berhormat *beloh ning*. *Gi anto kat* lain *sokmo*. Beri Yang Berhormat *etek*. Biarlah air ada *pong* boleh hantar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh bantu lagi air mineral apa semua lalu ikut kita *etek*.

Tahun lepas beri dan yang terakhir saya ucap tahniahlah kepada pihak Kerajaan kerana dengan slogan yang baik "Maju, Berkat, Sejahtera" tetapi dah tiga tahun lebih. Adakah kita buat *post mortem*? Sejauh mana "Maju, Berkat, Sejahtera" kita ini menepati objektif yang dikehendaki. Adakah negeri kita ini maju? Maksud saya sesuatu yang kita buat hari ini sudah tentu kita hendak melihat ke

depan lebih baik seperti kata hari ini lebih baik dari semalam, besok lebih baik daripada hari ini. Kalaulah hari ini lebih teruk dari semalam, kita tidak lalui kemajuan ini jadi apakah pembangunan baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan selama tiga tahun lebih ini dan seterusnya adakah sekarang ini, negeri kita ini berada dalam keadaan berkat? Adakah dengan tidak mengurangkan bantuan-bantuan, tidak ada bantuan-bantuan. Adakah negeri kita berkat? Sejahtera, dengan krisis air, dengan orang tidak ada pekerjaan dengan tidak ada peluang pekerjaan. Adakah negeri kita sejahtera? Dan kalau ini semua tidak, patutnya slogan ini kena tukarlah *ork*. Saya *google-google* kalau maju lawan dia *tak dop doh se je* mundur.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ye. Lepas tu kalau berkat *plok*. Kalau cari kata lawan dia. Musibah *jer*. Google-google tengok musibah *jer* dan kalau sejahtera pulak...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lualan sekali Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya *google...*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat ada minta lualan sikit. Nak bagi ke *dok*?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dewan yang mulia *dok leh* rujuk doh *google* tu *dok* betul.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Doh* kalau betul lagu mana? Maju lawan dia kalau betul tidak maju. Tidak maju mundurlah. Adakah slogan ini patut ditukar?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Doh* Terengganu *ning* maju *dok* Batu Rakit?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok* tahulah. Dia maju *ning* lebih baik daripada yang lalu.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Doh* jawab dulu maju ke dok Batu Rakit?

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maksud saya lebih baik daripada yang lalu.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Hok* dulu molek *dop* lagi nak tanya?

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Nanti biar EXCO jawablah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang BERTHORMAT sambung-sambung. *Dok soh* bahaslah menda-menda yang bersifat relatif *ning* tak payah panjang-panjang.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Betul. Saya nak lihat negeri kita ini maju ke depan. Adakah Kerajaan telah buat *post mortem* sejauh mana kita lalui "Maju, Berkat, Sejahtera" ini. Kalaulah tidak ke arah itu, macam saya kata tadilah mundur, musibah, huru hara.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Betul-betul, sebab nanti kalau kita nak bahas menda yang relatif panjang pulak, nanti orang kata Terengganu boleh hasil minyak berbillion-billion sejak keluar minyak dulu. Orang *bahang* ikut itu *plok*. Okeylah habiskan ayat terakhir Yang BERTHORMAT. Sebab SOP pukul satu sekarang ini. Kita habis yang terakhir sekarang ini.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dakpelah* saya berhenti awal. Ucap terima kasih banyak. *Mintak* maaf banyak kalua ada salah silap, tapi Yang BERTHORMAT *Speaker* jangan marah sangat saya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok* marah.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Cara tu macam nak marah *sokmo* saya.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok* Yang Berhormat *dok* kena *line*. Orang lain molek-molek ada.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Saya menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Terima Kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, sahabat saya Wakil daripada Batu Rakit, yang telah....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Jadi naik pangkat hari ni. Hari ni sahabat, terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Naik pangkatlah tadi pasal, cadangan lepas awal. Cadangan dari BBC tadi, takut Yang Berhormat tidak dengar *jer* tadi nak panggil *tu beralus tak boh* sebut parti pembangkang kena pakat *molek ar*. Okey terima kasih Yang Berhormat. *Alhamdulillah* kita telah selesai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian walaupun mungkin ada lagi ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian tetapi memandangkan kita terikat dengan SOP yang telah ditetapkan setakat itu sahajalah yang saya boleh meraikan Tertib Persidangan Dewan kali ini dan *insya-Allah* esok giliran Kerajaan pula akan gulung, Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan sementara persidangan kita ini sehingga ke hari esok 15 September 2021 jam 9.30 pagi dengan membaca tasbih kaffarah dan Suratul 'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 PETANG

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA  
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor  
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawī bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.  
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mohd Zahari bin Md Azahar, DPMT.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
YBM Tengku Seri Bijaya Diraja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

**TIDAK HADIR**

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman  
WAKIL KOTA PUTERA

**PUKUL 9.30 PAGI**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula, marilah kita memulakan persidangan kita pada pagi ini untuk mendapat keberkatan dengan kita sama-sama membaca Ummul Quran Al-Fatihah.

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini iaitu pada 15 September 2021:

- 1 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 2 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 3 Yang Berhormat Wakil Jertih
- 4 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 5 Yang Berhormat Wakil Langkap
- 6 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 7 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 8 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 9 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 10 Yang Berhormat Wakil Ajil
- 11 Yang Berhormat Wakil Permaisuri
- 12 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 13 Yang Berhormat Wakil Tepoh
- 14 Yang Berhormat Wakil Batu Burok
- 15 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 16 Yang Berhormat Wakil Sura
- 17 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 18 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 19 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 20 Yang Berhormat Wakil Manir

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hari ini merupakan hari terakhir persidangan kita. Dalam sesi Soalan Lisan, saya seboleh-bolehnya nak

beri peluang kepada seberapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat. Kelmarin daripada 20 soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, kita hanya sempat 8 orang sahaja. Jadi saya harap kita bagilah sikit *sorang* supaya maksud daripada Soalan-soalan Lisan ini sebagaimana yang saya sebutkan kelmarin dari segi *Standing Orders*, Perkara 26 (1) ialah untuk mendapat penerangan bukan untuk menjadi helah kepada perbahasan. Jadi biasa kita ambil masa satu jam, jadi kita harap pada hari ini kita meraikan kawan-kawan kita supaya lebih ramai mereka-mereka yang boleh mengemukakan Soalan Lisan. Saya nak mulakan sesi Soalan Lisan ini dengan satu pantun:

Awal pagi jangan diganggu  
Sudah rancang menjala ikan  
Bukit Besi sudah menunggu  
Soalan pertama saya persilakan

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Saya *dok dang* nak reka jawapan *ni*. Minta maaf banyak. Soalan saya nombor satu -

*Sejauh manakah usahawan, terutamanya dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di Terengganu dan apakah strategi Kerajaan bagi memastikan mereka tidak terkesan dengan pandemik?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan semua yang hadir. Soalan daripada Wakil Bukit Besi bertanyakan tentang sejauh manakah usahawan, terutamanya dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di Terengganu dan apakah strategi Kerajaan bagi memastikan mereka tidak terkesan dengan pandemik? Kemudian, ada juga soalan yang lebih kurang sama daripada Wakil Bandar yang bertanya apakah Kerajaan

memiliki perancangan untuk menyelesaikan masalah para peniaga kecil dan usahawan kecil yang terjejas turut akibat pandemik COVID-19. Jadi izinkan saya untuk menjawab dua soalan ini sekali gus. Boleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebenarnya sejauh manakah usahawan, terutamanya dalam Industri Kecil yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, berdasarkan kaji selidik yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan SME Corporation Malaysia mendapati melebihi 80% usahawan IKS mampu bertahan kurang pada tiga bulan, 72% terpaksa tutup operasi sementara waktu, 58% tidak mencatatkan sebarang jualan, 38% dapat bertahan selama sebulan atau kurang dan 19% mencatatkan kerugian lebih RM100,000.00 dan ke atas.

Berdasarkan maklumbalas yang diperolehi daripada YPU pada 30 April 2020, daripada 486 responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan, penemuan adalah sebagaimana berikut;

<b>Jenis Perniagaan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Bilangan</b>
IKS Milikan Tunggal	78%	382 orang
Perkongasian	8.8%	43 orang
Sendirian Berhad	12.3%	60 orang
Koperasi	0.3%	1 orang

Strategi untuk mengatasi masalah yang disebut tadi, Kerajaan telah mewujudkan Tabung Pemulihan PKS Terengganu COVID-19. Pada tahun 2020, sebanyak RM2.1 juta dikeluarkan kepada 183 PKS di bawah Tabung Pemulihan PKS Terengganu COVID-19 dengan pemberian tempoh bernafas selama 6 bulan. Tahun 2021, sebanyak 118 permohonan berjumlah RM3.1 juta di bawah Tabung PKS Terengganu COVID-19 akan dinilai dan diproses dalam masa terdekat. Yang kedua ialah tentang memberikan moratorium pembiayaan dan pengecualian sewa premis perniagaan YPU. YPU juga memberi moratorium pembiayaan selama dua bulan kepada peminjam di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) dan pengecualian sewa premis perniagaan YPU selama dua bulan pada tahun 2020 dan tahun 2021 adalah seperti berikut;



<b>Tahun</b>	<b>Moratorium Pembiayaan</b>	<b>Pengecualian Sewa</b>
2020	RM163,282.00 kepada 162 IKS	RM463,340.00 kepada 111 penyewa
2021	RM506,612.00 kepada 520 PKS	RM360,783.00 kepada 108 penyewa
<b>JUMLAH</b>	RM669,894.00 kepada 682 PKS	RM824,123.00 kepada 219 penyewa

Di samping itu, pihak Kerajaan juga ataupun YPU juga untuk membantu pemasaran lebih berkesan, Antaranya;

1. Mengambil pendekatan untuk pendigitalan pemasaran produk usahawan kecil melalui kursus-kursus dan latihan bagi memperkasakan usahawan kecil dengan pengetahuan serta kemahiran penggunaan *platform* perniagaan secara digital bagi membolehkan peniaga kecil mengharungi perubahan landskap keusahawan lebih tertumpu kepada pendigitalan dalam realiti sekarang dan norma baharu perniagaan.
2. Memberikan skim geran dan pembiayaan kepada semua golongan usahawan IKS yang bertujuan untuk meningkatkan daya maju usahawan IKS Negeri Terengganu.
3. Menyediakan khidmat nasihat, YPU juga menyediakan khidmat nasihat kepada usahawan dan peniaga melalui seminar dan kursus untuk memperkasakan hasil produk tempatan oleh YPU serta agensi-agensi di bawah pengurusan Pembangunan Usahawan Terengganu (PEUTER), yang dianggotai oleh 40 agensi Persekutuan dan Negeri.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat, satu soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan soalan tambahan saya

sebenarnya apabila diteliti dengan jawapan daripada EXCO tadi, bukan EXCO Usahawan *dok?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa la jawab untuk Kerajaan je.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): EXCO Usahawan mana *erk?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak pe la dia jawab, bagi pihak...

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tak apa la, cuma apabila kita teliti sebenarnya usahawan IKS kita ini memang menghadapi suasana yang teruklah, dalam ketika pandemik COVID-19 ini sebab saya nak kata rapat sangat tu, tidaklah tetapi senantiasa bersama dengan usahawan dan mendengar keluhan daripada usahawan kita sendiri. Kalau kita tengok 80%, makna yang boleh bertahan tiga bulan tapi pandemik ini sebenarnya dah hampir 2 tahun dah. Cuma soalan tambahan saya nak tanyalah sejauh mana perancangan jangka panjang dalam kita nak menangani masalah usahawan kita yang memang amat terkesanlah, saya cukup bersimpatilah dengan usahawan-usahawan kita, jangan sampai gulung tikarlah, kalau boleh kita cari jalan apakah perancangan untuk jangka masa panjang kepada IKS.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rasa macam *cover* belaka dah tadi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan panjang tadi. Tak apa, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Jawapan itu nampak mendatar gitu, tetapi biar kita supaya usahawan di luar tu mendengar biar lebih terasa makna Kerajaan mengambil tahu dan caknalah kepada masalah usahawan kita, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okay, *insya-Allah* kita tadi mendatar, sekarang kita mendaki pula. Ya,

kita akan terus lakukan apa sahaja yang boleh kita lakukan *insya-Allah* untuk melihat usahawan-usahawan kecil ini akan terus bangun dan bertahan. Yang saya sebut tadi ialah apa yang telah kita buat dan sedang kita lakukan. *Insyallah* akan datang ini, untuk jangka panjang kita juga telah bekerjasama dengan banyak pihak, contohnya kita bersama mengadakan kerjasama strategik dengan Bank Islam Malaysia Berhad, di bawah Program Pembiayaan Mikro Bangkit yang fokus kepada penjaja dan peniaga kecil dan golongan B40, yang tidak layak mendapat kemudahan perbankan biasa, kita pakai cara ini, salah satu caranya.

Kemudian antara ciri-ciri pembiayaan adalah Kontrak Syariah - *Qardhul Hasan*, modal hub untuk modal kerja, perbelanjaan modal perniagaan, pembelian mesin peralatan dan sebagainya. Kita buka permohonan ini kepada semua yang terlibat yang terkesan, mudah-mudahan mereka mempunyai peluang untuk meneruskan perniagaan mereka dengan melalui pinjaman-pinjaman yang dikendalikan oleh YPU dengan kerjasama daripada Bank Islam Malaysia. Itu salah satu caralah, *so* maknanya kita akan terus memantau dari semasa ke semasa dan memberikan bantuan termasuk pemasaran yang kita sebutkan tadi, pemasaran melalui pendigitalan, bantu melalui pemasaran melalui perniagaan memberi moratorium jika perlu. Saya rasa itulah lebih kurang yang akan kita buat untuk menjamin supaya IKS ini terus bertahan dan mampu untuk terus hidup, *insya-Allah*, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. ADUN Bandar ada nak tanya, ADUN Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ada soalan tambahan tak, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti sekejap, sebab soalan ini, dia lebih kurang sama dengan soalan daripada ADUN Bandar, saya bagi peluang kepada ADUN Bandar, sila.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya soalan kedua, jadi saya tidak masuk soalan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Macam mana itu?

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Soalan saya akan masuk soalan kedua, sebab tu soalan satu saya, jadi saya pilih soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apalah. Maknanya tidak ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Tidak ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ada saya, beri ke sayalah Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada sikit saja soalan tambahan, boleh Dato' ya? Saya tengok apa yang Kerajaan telah rancang itu sudah bagus tetapi pada saya, itu merupakan *plan* jangka masa panjang. Tapi sekarang ini Yang Berhormat EXCO tahu ke tidak bahawa bila kita masuk fasa pandemik fasa yang ketiga ini, kita akan buka premis-premis perniagaan kita. Di Terengganu ini, *dok soh* tengok di luar Kuala Berang *dok sohlah*, tengok di Kuala Terengganu ini saja, bila nak buka perniagaan ini betapa ramainya peniaga-peniaga kita *dok leh* nak *start* kerja, *dok leh* nak buka kedai kerana modal memang ikat perut dah dia kata, sekitar Kuala Terengganu ini saja, makna kalau 10 kedai deret tu, dua je boleh buka, saya tanya pasal apa *dok* buka *hok* lain, *takdok* modal. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini boleh menyediakan sedikit dana, sedikit supaya boleh *start* saja, *pahtu* nak pinjaman bank apa, payah Yang Berhormat. Payah sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ini cadangan, cadangan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Cadangan saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Cadangan supaya Kerajaan Sejahtera kita ini boleh bantu rakyat. Itu sahaja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih. Cadangan itu kita akan teliti dan akan terus membantu, kita pun prihatin sebenarnya. Prihatin sangat kepada .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Payah teliti-teliti Yang Berhormat, Yang Berhormat *kabor* kita nak beri..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dok, maksudnya...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *insya-Allah* RM500, RM600 je saya rasa

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Dok*, kita teliti untuk *pendetailan*, nak tengok macam mana, tadi saya kata dah ada ruang untuk pinjam BIMB tanpa cagaran, *so* ada perkara-perkara yang boleh kita lakukan bersama agensi lain, ada yang YPU boleh uruskan sendiri. *So insya-Allah* kerjasama prihatin dan terima kasihlah keprihatinan Yang Berhormat pada IKS kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kami pun sama-sama prihatin sebenarnya. Okey terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, saya persilakan Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan saya ialah soalan nombor 1 –

*Sila nyatakan berapakah jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Tabung Pinjaman pembinaan rumah di atas tanah sendiri*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ  
الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه

Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Abang, saya mewakili Yang Berhormat Bukit Tunggal, yang tidak dapat bersama pada pagi ini, marilah sama-sama berdoa untuk sahabat-sahabat kita agar Allah Ta'ala lindungi beliau. Soalan daripada Yang Berhormat Rantau Abang bertanya tentang, sila nyatakan berapakah jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Tabung Pinjaman pembinaan rumah di atas tanah sendiri. Bagi tahun 2021 sahaja, RM17 juta akan dikeluarkan oleh Tabung Pinjaman bagi pembinaan rumah di atas tanah sendiri. Bagi tahun yang akan datang, RM15 juta atau 30% dari peruntukan semasa yang diluluskan akan digunakan bagi tujuan berkenaan, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, satu soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan saya yang pertama ialah dalam meluluskan pinjaman bagi permohonan tanah sendiri ini, apakah kelulusan pinjaman perumahan bagi tanah sendiri ini mengikut kuota daerah dan jika ada, berapa peratuskah setiap daerah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Abang. Tiada kuota mengikut daerah. Hanya mengikut tentang kelayakan pemohon di dalam e-Perumahan berasaskan e-Perumahan Rumah Mampu Milik dan Skim Pinjaman Perumahan Terengganu, dan mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam skim berikut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay. Saya persilakan wakil Jertih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan yang ketiga-

*Berapa banyakkah haiwan ternakan kerbau dan lembu yang berdaftar dengan jabatan perkhidmatan veterinar mengikut daerah di Negeri Terengganu untuk tahun 2018, 2019 dan 2020?*

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kekanda Yang Berhormat Jertih, Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan berkaitan dengan bilangan haiwan ternakan lembu dan kerbau yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu mengikut daerah bagi tiga tahun 2018, 2019 dan 2020. Saya masuk kerbau dululah.

<b>Daerah</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
Kemaman	1,354	1,295	899
Dungun	2,195	2,170	630
Marang	1,767	394	1,268
Kuala Terengganu	420	647	982
Hulu Terengganu	1,698	1,754	837
Kuala Nerus	514	1,242	24
Besut	133	121	118
Setiu	427	381	327
<b>JUMLAH</b>	<b>8,508</b>	<b>8,004</b>	<b>5,085</b>

Penurunan mendadak pada tahun 2020 ini kerana sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam proses untuk pemutihan data. Jadi proses bancian sedang dilakukan dan setakat ini yang dibanci hanyalah pada angka 5 ribu lebih, masih terdapat lagi kira-kira 20% penternak kerbau yang belum dibuat bancian kerana masalah lokaliti dan penama yang tidak dapat ditemui oleh JPV. Kita letakkan jangka masa sehingga berakhir tahun 2021 proses bancian ini akan selesai. Dalam masa yang sama dalam tempoh dua tahun lepas, banyak sembelihan ditumpukan kepada kerbau disebabkan harga disebabkan harga belian lembu yang tinggi dan bekalan yang sukar, terutamanya daerah Kemaman dan daerah Dungun yang mencatatkan 30-40% sembelihan adalah kerbau.

Baik, saya masuk kepada lembu.

<b>Daerah</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
Kemaman	2,260	22,678	30,119
Dungun	12,858	12,987	13,401
Marang	10,560	5,191	9,173
Kuala Terengganu	5,269	4,572	8,162
Hulu Terengganu	8,251	7,092	6,360
Kuala Nerus	6,356	3,698	1,151
Besut	12,958	12,993	7,034
Setiu	8,871	9,956	10,033
<b>JUMLAH</b>	<b>87,783</b>	<b>79,167</b>	<b>85,437</b>

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, kita tengok *trend* peningkatan ataupun penurunan berkait dengan ternakan lembu kerbau ini dia tidak banyak berubah, kecuali yang kerbau itu mungkin dalam proses pemutihan. Cuma saya tengok minat terutamanya kepada golongan muda untuk berkecimpung dalam ternakan lembu daging ini merupakan satu *trend* baru. Cuma mereka menghadapi masalah sebagaimana yang diutarakan oleh ADUN Rantau Abang berkait dengan harga makanan ternakan yang tidak stabil, dan kadang-kadang tinggi yang mana kalau ikut *costingnya*, dia tidak akan menguntungkan. Kalau nak harapkan makanan hijau, dia bergantung kepada musim. Kalau musim kering, *nyakye* ke orang kampung. Kalau nak *maintain* juga, kena beli makanan, kosnya tidak, dipanggil tidak *viable* dengan pengeluarannya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Cuma soalannya, akhir-akhir ini lepas daripada musim *reban* baru ini, lembu juga menghadapi masalah sebagaimana kita juga. Kita ada COVID-19, lembu mari COVID jugak, yang mana virus yang menyerang lembu kita ini dia panggil *lumpy skin disease*. Makna kulit dia jadi *netup*. Jadi ini merupakan satu ancaman baharu, bukan sahaja kepada Negeri Terengganu tetapi seluruh negara yang mana hari ini kita tengok dalam *whatsapp* golongan penternak,



macam-macam kaedah dia kata boleh sapu dengan kunyit kuning sahaja, kerana mereka ini masih lagi mencari-cari formula bagaimana, satunya, nak mencegah. Yang kedua, nak merawat. Dan hari ini dikeluarkan arahan oleh Kerajaan, mana-mana lembu pedaging ke, lembu susu ke kalau kena penyakit ini, dia wajib lapor. Kalau tidak lapor, dia kena denda boleh sampai RM20,000.00.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan... soalan Yang Berhormat, soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalannya... tadilah, yang pertamanya lagu mana nak cegah daripada ianya merebak. Okay. Kalau dah merebak, kerana di Besut, banyak dah *leni* ni. Kalau dah merebak, cara mana nak rawat. Dan ada dalam webinar Jabatan Perkhidmatan Haiwan baru *ni*, dia kata ada vaksin *dah*. Makna serupa COVID jugak. Lembu *ni* kalau bubuh vaksin, kalau ikut pegawai veterinar penyakit ni payah kena...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey Yang Berhormat,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Jadi adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu? Memberi vaksin untuk mencegah daripada penyakit ini menular di kalangan lembu daging dan lembu tenusu di Negeri Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Kita *takmbah* jadi perbincangan pula. Sila,

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih atas perhatian Jertih kepada sektor penternakan kita. LSD ini, *Lumpy Skin Disease* dia tumbuh butiran-butiran dekat kulit lembu. Untuk tahun 2021 yang direkodkan oleh JPV, bilangan penternak kita yang terlibat seramai 16 orang, dengan bilangan ternakan yang disyaki LSD 60, kemudian bila dibuat ujian-ujian klinikal, 10 daripadanya disahkan positif. Bila ternakan ini disahkan positif tindakan kuarantin diambil serta merta kerana LSD ini penyakit yang boleh berjangkit dan ada SOP dari segi kaedah perawatan cuma pelupusannya adalah pilihan yang terakhir dengan cara disembelih. Cuma berbeza dengan *disease*

lain yang menyerang ternakan, LSD ini bukan *zoonosis* maknanya bukanlah penyakit yang boleh berjangkit kepada manusia bila dilupuskan daging itu, dipulangkan kepada penternak dan ujian klinikal mengesahkan daging ini selamat untuk dimakan cuma soal nak makan ataupun tidak sahaja. Jadi sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar *aware* dengan permasalahan ini dalam makluman dan tindakan kita dan kalau sekiranya diperlukan satu bajet untuk tindakan pencegahan dan pengawalan *insya-Allah* kita akan bincangkan perkara itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu -

*Berapakah jumlah keseluruhan keluasan tanah kebun nukleus durian di Pengkalan Berangan?*

YANG BERTHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Pengkalan Berangan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan berkaitan dengan keluasan tanah kebun nukleus durian di kawasan Pengkalan Berangan. DUN Pengkalan Berangan adalah merupakan pengeluar utama buah-buahan bermusim di kawasan Marang dan menyumbang kepada kira-kira 20% keluasan kebun durian untuk Negeri Terengganu terutamanya Durian Kampung. Jadi di dusun nukleus Pengkalan Berangan ada enam kelompok, yang pertama kelompok Bukit Seri dengan keluasan 38.7 hektar, yang kedua kelompok Padang Mengkuang dengan keluasan 35.05 hektar, yang ketiga kelompok Jerong Seberang dengan keluasan 25.83 hektar, yang keempat kelompok Jerong Surau dengan keluasan 11.71 hektar, yang kelima kelompok Lubuk Batu keluasan 36.34 hektar dan yang paling luas ialah kelompok Sungai Serai dengan keluasan 120.53 hektar menjadikan keluasan keseluruhan 268.2 hektar.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan yang diberikan. Kita melihat dengan keluasan 268.2 hektar itu, telah memberi peluang kepada

lebih kurang 427 orang pekebun jadi, soalan saya ialah apabila kita melihat durian ini mampu untuk memberi pendapatan kepada pengusaha memandangkan permintaan yang agak tinggi dan harga yang agak orang kata munasabahlah, jadi apakah langkah yang telah dan sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi menghasilkan penghasilan buah dapat diteruskan sepanjang tahun bagi memastikan ia mampu untuk memenuhi permintaan dan dalam masa yang sama apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan menaiktaraf infrastruktur di kawasan kebun khususnya di kawasan dusun nukleus.

والله أعلم

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setakat ini dengan keluasan 268.2 hektar, hasil untuk semusim kira-kira RM4 juta. Dia masih rendah lagi sebenarnya dan kita menjalankan gerakan secara intensif untuk meningkatkan pengeluaran hasil yang paling utama ialah kita nak ubah cara berfikir pekebun-pekebun kita dan kita selalu tekankan bahawa pokok perlukan A, B, C, D, air, baja, cahaya dan duit. Tiga elemen ini adalah elemen utama yang kadang-kadang pekebun kita silap faham. Bila kita masuk dalam kebun durian, ramai daripada kalangan pekebun kita cuma tebas kebun setahun sekali bila durian nak luruh. Baja tak tahu ke mana, pengairan tak tahu ke mana. Bila kita tanya kenapa tak letak baja? Kenapa tak letak sistem pengairan? Selalunya pekebun akan bagi *respond* pohon besar dah, buat apa kita *buh* baja, buat apa kita letak air. Saya jawab walaupun pohon besar dia tetap tak boleh *gi* kedai sendiri untuk beli baja. Kerana itu fokus kepada pekebun-pekebun ialah ubah cara berfikir dalam Program Pemulihan Dusun. Tanah banyak daripada tanah kebun kita yang berasid dengan PH sekitar tiga hingga empat. Bila kualiti tanah berasid, sebanyak mana kita letak baja pokok tidak akan dapat ambil baja daripada tanah. Jadi kita perlu perbetulkan PH tanah dengan proses pengapuran dan kita perlu pasang sistem pengairan, kerana letak baja tanpa sistem pengairan macam kita makan nasi *takdok* air. Nanti pokok itu akan *lekat*. Kerana itulah Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM800,000.00 pada tahun ini, untuk baiki sistem pengairan dan juga untuk pertingkatkan tahap kesuburan tanah, dalam masa yang sama kita juga ada Program Cantuman Dewasa untuk kita transformasikan kebun-kebun durian kampung peninggalan arwah *tok*, arwah ayah yang tidak lagi produktif untuk kita buat cantuman dewasa dan dicantumkan dengan tunas durian klon sama ada Musang King ataupun Duri

Hitam supaya walaupun batang dia durian kampung dia keluar dahan durian klon dan berbuah dengan buah Musang King ataupun buah Duri Hitam.

Satu lagi adalah kawalan perosak sekarang ini, untuk kawalan perosak kebun durian kita telah menggunakan kaedah dron supaya semburan racun sampai ke serata bahagian pokok dan boleh membasmi perosak-perosak yang biasa menjadi musuh kepada kebun-kebun kita. Berkaitan dengan infrastruktur sebahagian besar daripada tanah yang ditanam durian di enam kelompok dalam dusun nukleus Pengkalan Berangan ini adalah kawasan berbukit yang sangat berpotensi untuk dimajukan sebagai *agro tourism*, dan kita tengok kemudahan jalan adalah di antara isu utama, kerana itulah pada tahun ini kita telah mula buat secara berperingkat, baiki jalan untuk memudahkan pekebun naik dan bawa turun hasil. Dalam masa yang sama kita tengok kepada *way forward* kita banyak tempat ini sangat berpotensi dan sangat menarik untuk dijadikan sebagai *agro tourism* yang mampu meningkatkan pendapatan kepada pekebun dan petani kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya jemput Wakil Bandar.

YANG BERTHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang BERTHORMAT sekalian, soalan saya soalan yang kedua -

*Sejauhmanakah penubuhan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT) akan dapat meningkatkan prestasi pendidikan di Negeri Terengganu?*

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat BERTHORMAT Dato' Seri Menteri Besar dan juga Sidang Dewan sekalian. Soalan ADUN Bandar berbunyi sejauh manakah penubuhan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu akan dapat meningkatkan prestasi pendidikan di Negeri Terengganu. Yang BERTHORMAT Dato'

Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, antara hasrat penubuhan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu ini adalah untuk meningkatkan prestasi dan juga mengekalkan kejayaan pendidikan yang sedia ada di Terengganu dan sebagaimana yang sedia maklum bahawa di bawah pentadbiran pengurusan JPINT ini ada Sekolah Menengah Agama Negeri Terengganu (SMANT) sebanyak 14 buah dan pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan SRIDI satu buah untuk satu DUN maknanya 32 buah dan juga SMIDI lapan buah untuk satu Parlimen yang keseluruhannya akan mengurus 54 buah sekolah. Jadi dengan kadar bilangan sekolah dengan pengurusan pentadbiran dan sebagainya, kita rasa amat wajar persiapan awal diwujudkan untuk menaik taraf bahagian pendidikan yang sedia ada menjadi Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu. Antaranya adalah untuk;

1. Melancarkan urusan pentadbiran, pengurusan, kawalan terhadap sekolah rendah dan menengah kerana ianya berada di bawah satu pengurusan sahaja di bawah satu bumbung.
2. Menyelaras dan menentukan keperluan dan agihan peruntukan kewangan sekolah, bantuan per kapita, biasiswa, serta peruntukan kecemerlangan dapat diagihkan dengan segera dan diurus secara teratur. Untuk makluman Dewan, JPINT juga menyelia 142 buah sekolah ataupun insitutisi pendidikan swasta termasuk pondok, maahad tahfiz dan sebagainya telah diberi peruntukan bantuan oleh Kerajaan Negeri mengikut per kapita.
3. Menyelaras Pelan Kecemerlangan Pendidikan Negeri yang meliputi pembangunan bakat murid dalam bidang ko-kurikulum dan juga sukan.
4. Merancang dan menyelaras program-program utama akademik serta aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan mutu pencapaian dan kecemerlangan murid.
5. Mengenal pasti, merancang dan mengurus Pembangunan Sumber Manusia mengikut keperluan di setiap sekolah bawah kawalan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kewajaran penubuhan JPINT ini dan bolehkah Yang Berhormat sedikit terangkan adakah sebarang pencapaian yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam pendidikan khususnya Pendidikan Islam di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan supaya JPINT ini dapat bergerak seiring dengan JPN Negeri Terengganu dan khususnya melibatkan Institusi Pendidikan Islam yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri kerana itu kita telah cuba untuk membuat penyelarasan supaya tidak terlalu banyak agensi-agensi yang terlibat di bawah institusi yang sama. Jadi antaranya kita telah mengklasifikasikan pengurusan dan pemantauan institusi-institusi pendidikan ini kepada tiga peringkat. Yang pertama pra sekolah iaitu yang berumur empat hingga enam tahun di bawah seliaan Yayasan Islam Terengganu. Sekolah rendah menengah daripada tujuh hingga 19 tahun diselia dan diselaraskan di bawah satu payung sahaja iaitu di bawah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu dan pengajian tinggi yang melibatkan 18 tahun ke atas akan diletak dan diseliakan di bawah Yayasan Terengganu dan hasrat kita semua urusan melibatkan pendidikan khususnya kepada pelajar-pelajar akan dipermudahcarakan, diseliakan oleh JPINT sendiri bermula tahun ini dengan kelengkapan yang sedia ada termasuk makah lurah dan sebagainya dimanfaatkan sebaik mungkin untuk pelajar-pelajar yang bakal ke luar negara dan kemudahan pengurusan sehingga pelajar tersebut dapat menyambung pengajaran ke luar negara akan diseliakan dengan lebih baik dan lebih kemas kini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta maaf pada Wakil Langkap. Saya terlepas pandang tadi. Jadi, saya jemput Wakil Langkap untuk mengemukakan soalan. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Maaf diterima. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya tiga soalan. Tolak dua tinggal satu. Jadi soalan satu jelah. Terima kasih.

*Berapakah bilangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang mengalami kerugian dan kemungkinan akan dijual dan ditutup.*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Langkap. Dato' Yang di-Pertua, soalan itu adalah berkait dengan bilangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang mengalami kerugian dan kemungkinan dijual dan ditutup. Bilangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang mengalami kerugian dan berkemungkinan ditutup pada tahun 2021 berjumlah lapan buah kesemuanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Soalan tambahan saya, saya nak tahu berapakah anak syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri ataupun diwujudkan daripada semenjak daripada 2018 sehingga kini. Berapa anak syarikat? Syarikat baru yang diwujudkan, dan kalau syarikat itu mengalami kerugian, apakah sebab kerugian sama ada dari segi kerugian tu dari segi pengurusan syarikat ke ataupun kerana COVID ke atau di sebaliknya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR TERENGGANU: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan Langkap di atas soalan tambahan. Soalan yang berkait dengan maklumat *pendetailan* daripada 2012 itu memerlukan notis dan untuk dilihat dalam data. Walaupun begitu secara umumnya syarikat-syarikat yang mengalami proses penutupan ini, yang disebutkan oleh saya tadi mempunyai pelbagai justifikasi penutupan syarikat antara yang boleh saya sebutkan secara ringkas di sini ialah sebagai contohnya ialah syarikat TI Offshore Services Sdn. Bhd. yang berstatus dormant sejak daripada 2016 dan memang tidak menjalankan apa-apa aktiviti. Contoh yang lain ialah contoh seperti Suterasemai Sdn. Bhd., syarikat yang telah berstatus dormant sejak daripada 2011 tidak mempunyai apa-apa operasi sedangkan setiap tahun kita mempunyai kos pentadbiran tahunan tetap ataupun *recurring cost* dengan izin yang merangkumi kos pengurusan, kos kesetiausahaan, syarikat, yuran audit, yuran berkanun dan lain-lain yang perlu dibayar walaupun syarikat ini berstatus dormant. Contoh yang lain ialah Terengganu Marine Works Sdn. Bhd. yang tidak beroperasi sejak diambil alih daripada GLC Terengganu pada tahun 2014, yang daripada tahun 2014 juga seperti syarikat TI Merchandise Sdn. Bhd. yang tidak beroperasi sejak mula ditubuhkan pada tahun 2014 dan telah diaktifkan

pada tahun 2018 sebagai syarikat menjual produk cenderamata, tetapi pada tahun 2019 operasi syarikat dihentikan untuk menghentikan persaingan dengan peniaga tempatan dan lain-lain syarikat lagilah yang saya rasa tak, saya ingin sebutkan di sini kesemuanya adalah majoritinya berkait dengan tidak beroperasi, berstatus dormant dan tidak mempunyai pekerja dalam syarikat itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya menjemput Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Dalam paya banyak hantu.  
Soalan saya nombor satu.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ringkas pantun Yang Berhormat.

*Berapa buah sekolah SRIDI yang telah beroperasi sehingga kini?*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit. Soalan nombor satu berbunyi berapa buah sekolah SRIDI yang telah beroperasi sehingga kini, dan untuk itu saya rasa lebih kurang saja beberapa soalan yang berkait dengan SRIDI ini iaitu Seberang Takir dan juga ADUN Wanita. Berapa buah sekolah SRIDI yang telah beroperasi, sembilan campur dua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya, berapa buah sekolah SRIDI yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian dan berapakah jumlah kos keseluruhan untuk mewujudkan SRIDI. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Berkait soalan tambahan tersebut, kita sudah proses untuk mendapatkan kelulusan KPM tapi setakat ini untuk makluman, semua buku teks yang diguna pakai di SRIDI dan SMIDI dibekalkan oleh pihak KPM, jadi urusan itu masih lagi dalam proses. Peruntukan itu minta notislah. Saya tak dok maklumat tu. Terima kasih.



YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Minta satu lagi. Sekiranya tidak mendapat kelulusan, apakah nasib pelajar-pelajar SRIDI untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sekiranya sekolah-sekolah ini tidak diiktiraf oleh kementerian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak timbul masalah pengiktirafan sebab kita mengguna pakai kurikulum yang diguna pakai oleh KPM yang pelajar akan mengambil pengajian UPSR cuma termasuk juga pelajar akan mengambil peperiksaan UPSRI dan juga UPKK di bawah JAKIM. Terima Kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya jemput Wakil Air Putih....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maksud saya apakah perancangan Kerajaan sekiranya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukup-cukuplah Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sekiranya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukup-cukuplah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekiranya tidak berbangkit kita dalam guna pakai modul yang dibuat oleh KPM *doh*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jangan jadi satu perbahasan. Sekarang saya jemput Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya yang pertama-

*Penubuhan Urusetia Wanita (USWA) dilihat tepat dalam memperkasakan peranan wanita di Negeri Terengganu. Mohon penjelasan berkait halatuju, peranan serta visi dan misi USWA dalam menggapai objektif penubuhan mereka?*

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua. Soalan daripada Air Putih yang berbunyi, penubuhan Urusetia Wanita dilihat tepat dalam memperkasakan peranan Wanita di Negeri Terengganu. Mohon penjelasan berkait hala tuju, peranan serta visi dan misi Urusetia Wanita dalam menggapai objektif penubuhan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, Urusetia Wanita ataupun nama pendeknya USWA ditubuhkan sebagai salah satu wadah pembangunan modal insan bagi wanita di Negeri Terengganu. Hala tuju USWA dalam memastikan pembangunan wanita daripada setiap aspek terjamin adalah;

1. Memperluas dan memperkukuhkan hubungan dengan semua pihak terlibat berteraskan slogan dan moto Kerajaan Negeri Terengganu.
2. Menjadi organisasi pemangkin pelaksanaan dasar dan aktiviti pembangunan wanita mengikut bidang keutamaan dengan menyediakan modul yang lengkap.
3. Menjadi agen perubahan kepada Wanita Terengganu ke arah merealisasikan masyarakat yang sejahtera bersama Islam melalui pembangunan modal insan dan jati diri wanita.

USWA juga berperanan selaku;

1. Urus setia rasmi Kerajaan bagi mendokong aspirasi Kerajaan.
2. Organisasi yang merakyatkan program wanita melalui jaringan pentadbiran lapangan akar umbi dengan mengoptimumkan peranan unit-unit tubuh sedia ada di peringkat daerah.

3. Medium untuk menyampaikan dasar-dasar yang melibatkan wanita di semua sektor melalui jaringan media massa, sosial serta peringkat akar umbi melalui unit-unit tubuh sedia ada di peringkat daerah.

Visi : Menjadi sebuah agensi wanita yang unggul dalam menggerakkan hala tuju wanita menerusi dasar yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kebajikan Pembangunan Wanita Keluarga dan Perbadanan Nasional.

Misi : Membangun Wanita Terengganu yang holistik ke arah menyumbang kepada pencapaian aspirasi Terengganu "Maju, Berkat, Sejahtera" berlandaskan syariat Islam.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Terima kasih ADUN Cukai. Yang Berhormat ADUN Cukai. Kita sudah sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri sedang merangka mewujudkan dasar Wanita Negeri Terengganu. Soalan saya sejauh manakah pelaksanaan dan *progress* penubuhan dasar tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Alhamdulillah. Terima kasih kepada Air Putih selepas melalui pelbagai siri bengkel dengan penglibatan pakar-pakar penyelidik yang dilantik daripada pelbagai aspek ekonomi, kesihatan, agama, pendidikan, politik, perundangan dan sebagainya bagi menyediakan Dasar Wanita Negeri Terengganu yang sudah pun siap sepenuhnya dengan bertemakan "Wanita Solehah Peneraju Bersama". Dasar Wanita Terengganu bakal dilancarkan pada akhir tahun ini serta pelaksanaan dasar ini akan dijalankan bermula tahun hadapan. Bengkel Pelan Tindakan Strategik Dasar Wanita Terengganu yang melibatkan pelbagai agensi, badan berkanun, parti politik serta NGO *insya-Allah* bakal dilaksanakan pada awal tahun hadapan selepas kita memasuki fasa yang ketiga ataupun keempat. *Insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor tiga-

*Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri dalam memantapkan pembangunan infrastruktur pelancongan di Negeri Terengganu.*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan yang ketiga apakah usaha pihak Kerajaan Negeri dalam memantapkan pembangunan infrastruktur pelancongan di Negeri Terengganu. Usaha Kerajaan Negeri melalui JPNT untuk memantapkan infrastruktur pelancongan Negeri Terengganu adalah membina dan menaik taraf kemudahan baru dan sedia ada seperti menaik taraf Kampung Budaya Terengganu, menyelenggara Pusat Penerangan Pelancongan, membaik pulih, memulihara bangunan dan landskap serta kerja-kerja yang berkaitan di Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu dan banyak lagilah. Peruntukannya diperolehi daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Sekian.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di Besut sekarang dalam draf untuk menyiapkan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 bagi penggantian Rancangan Tempatan Daerah 2020 yang telah *expired* dan sekarang ini RT2035 ini dalam Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Awam Daerah Besut 2035 dan kami di Besut rasa berterima kasih kerana di atas Rancangan RT2035 ini yang sangat komprehensif dan juga perancangan yang sangat baik cuma Dato' Yang di-Pertua ada satu cadangan yang menjadi kekusaran kami khususnya di Kuala Besut kerana ada satu cadangan di dalam RT2035 iaitu Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 ini yang mana ada satu cadangan itu untuk mengalihkan jeti pelancongan Kuala Besut daripada Pekan Kuala Besut ke seberang Kastam ke sebelah Southern Breakwater di seberang Kastam. Jadi perkara ini menjadi kekusaran kami kerana sekiranya perkara itu dilaksanakan ia melibatkan infrastruktur pelancongan walaupun masih lagi di peringkat cadangan untuk Rancangan Tempatan tetapi yang menjadi kerisauan kami dia akan menjadi satu *zoning* yang akan diwartakan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 jadi saya mohon pihak Kerajaan supaya perkara ini, saya nak kena tanya pihak Kerajaan sama ada hendak meneruskan perancangan ini ataupun

tidak kerana kami warga komuniti Besut khususnya di Kuala Besut memohon supaya perancangan ini supaya dikekalkan zon jeti pelancongan di sebelah Kuala Besut dan jeti perikanan itu dikekalkan di sebelah seberang Kastam kerana masih ada ruang lagi dalam perancangan supaya jeti pelancongan Kuala Besut itu *diupgrade* dinaik taraf di sebelah Northern Breakwater di sebelah utara *breakwater* Kuala Besut masih ada lagi ruang untuk dinaik taraf di sebelah situ dan bukannya dialihkan di sebelah seberang Kastam seperti dalam RT2035 ini dan kita semua sedia maklum bahawa...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jangan jadi perbahasan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya cuma hendak...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawab apa yang ditanya terus.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya hendak beri....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak payah, tak payah panjang sangat scenario *tu*.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya hendak beri *clear* ini. Kita faham bermula 1 September hingga akhir September adalah penyertaan awam bagi kita buat bantahan tetapi kita juga mohon supaya pihak Kerajaan mengambil kira rayuan dan juga keluhan rakyat khususnya di Kuala Besut supaya dikekalkan jeti Kuala Besut di sebelah Kuala Besut. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan dia panjang jadi saya jawab ringkas jadi dalam perancangan jadi kita akan tengok balikkah. *Insyallah*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya menjemput Wakil Ajil.

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya nombor satu-

*Bagaimana Kerajaan Negeri memanfaatkan kewujudan pelbagai NGO seperti PERANTAU untuk membantu anak-anak Terengganu yang memerlukan bantuan, terutamanya pada musim PKP ini?*

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ajil bertanyakan tentang bagaimanakah Kerajaan Negeri memanfaatkan kewujudan pelbagai NGO seperti PERANTAU untuk membantu anak-anak Terengganu yang memerlukan bantuan terutamanya pada musim PKP ini. Untuk makluman Wakil Ajil dan semua yang hadir pada Februari 2020 yang lalu Kerajaan Negeri telah mengadakan bengkel dan perjumpaan di Kuala Lumpur bersama dengan semua 16 Pertubuhan Anak Terengganu di perantauan dan melalui bengkel yang diadakan selama dua hari tersebut kita telah pun menubuhkan satu sekretariat yang dinamakan Jawatankuasa Kepimpinan Persatuan Anak-anak Terengganu di Perantauan ataupun dengan ringkas KPATD dan di dalam satu bengkel tersebut juga pelbagai perancangan telah pun dirancang dan telah pun diadakan satu cadangan untuk melakukan satu program yang diberi nama Jaringan 2020 ataupun Jelajah Informasi & Ramah Mesra Anak-anak Terengganu di Perantauan. Namun begitu hanya satu program sahaja yang sempat diadakan iaitu pada 21 Februari 2020 bersama anak-anak Terengganu di Johor yang turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Selepas itu terpaksa ditangguhkan disebabkan kerana PKP 1.0 yang telah pun bermula dan berikutan dengan pelaksanaan PKP 1.0 pada 16 Mac 2020 yang lalu Kerajaan Negeri melalui sekretariat yang saya nyatakan itu telah pun bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM50,000.00 untuk manfaat Persatuan Anak-anak Terengganu bagi membantu keluarga-keluarga anak-anak Terengganu di perantauan yang memerlukan. Seterusnya pada 2021 satu bantuan *one-off* telah pun juga diberikan pada Jun 2021 kepada Persatuan-persatuan Anak Terengganu di perantauan juga sebanyak RM100,000.00 untuk diberikan kepada 16 persatuan ini bagi membantu keluarga-keluarga anak-anak

Terengganu yang menghadapi masalah dan seramai 500 buah keluarga sebanyak 500 buah keluarga telah pun mendapat manfaat daripada bantuan ini yang disasarkan kepada keluarga yang berpendapatan RM3,000 ke bawah. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):** Terima kasih di atas penjelasan dan soalan tambahan saya adakah ada di kalangan perantau rakyat Terengganu yang berada di luar khususnya tenaga-tenaga pakar yang dipanggil balik untuk membantu Kerajaan Negeri di dalam beberapa sektor berdasarkan kepakaran masing-masing. Terima Kasih.

**YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):** Terima kasih kepada Ajil. Ya di antara salah satu tujuan dan matlamat hubungan yang diadakan di antara Kerajaan Negeri dengan Persatuan Anak-anak Terengganu di Perantauan ini adalah untuk melihat tenaga-tenaga pakar yang ada di luar yang melibatkan anak-anak Terengganu yang mungkin boleh diambil dan diberikan manfaat kepada Kerajaan Negeri Terengganu itu sendiri dan memang ada beberapa anak-anak perantau yang telah pun dibawa balik ke Terengganu untuk berkhidmat antaranya saya sebut beberapa contoh. Antaranya Tuan Haji Burhanuddin Hilmi Harun yang sekarang ini menjadi CEO di Terengganu Inc. Antaranya lagi adalah Tuan Haji Abdul Karim Endut yang sekarang ini menjadi CEO di SATU dan yang ketiganya Profesor Madya Dr. Mohd Zaki Hamzah yang sekarang ini diberi amanah sebagai Pengarah Eksekutif di Golden Pharos. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:** Ahli Yang Berhormat sekalian, masa soalan lisan telah habis. Mana-mana soalan yang tidak sempat dijawab dalam Dewan ini akan dijawab secara bertulis selepas pada ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.00 pagi.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.**

**PUKUL 11.10 PAGI**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Mesyuarat disambung semula. Kelmarin saya dah bagi peluang dalam Usul ataupun perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan DiRaja kepada 6 orang iaitu daripada pihak Kerajaan Wakil Tepoh, Wakil Wanita dan juga Wakil Ajil, daripada pihak kawan kita Wakil Seberang Takir, Wakil Kijal, Wakil Batu Rakit, sama banyak. Jadi, pada hari ini ataupun pada tengahari ini kita akan beri peluang kepada pihak Kerajaan untuk menggulung Usul ataupun perbahasan berhubung dengan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja. Mungkin tak semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan menggulung bila lagi memandangkan masa yang ada pada kita juga sangat terhad. Dan saya juga mintak kerjasama penggulungan daripada pihak Kerajaan biarlah habis tidak lebih daripada pukul 12.20 tengahari ni. Sebab kita ada tiga Tertib Pekerjaan Dewan lagi iaitu satu usul dan dua Rang Undang-undang Enakmen. Saya juga dimaklumkan ada dua EXCO yang tidak dapat hadir hari ini daripada Yang Berhormat Wakil Kota Putera juga Wakil daripada Bukit Tunggal. Jadi sekarang saya silakan wakil Kerajaan untuk menggulung ataupun untuk membuat penggulungan. Dipersilakan, Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, semua Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya sempena istiadat Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang keempat belas. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan Titah berkenaan. Ucapan penggulungan saya ini akan merangkumi jawapan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sepanjang perbahasan yang telah berlangsung. Pertamanya, apa yang dibangkitkan oleh ADUN Tepoh, Wakil Seberang Takir, Wakil Kijal dan Wakil Batu Rakit.



Kelmarin perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan krisis bekalan air yang berlaku di Kuala Terengganu dan Kuala Nerus. Yang Berhormat Tepoh telah memaklumkan bahawa pembiayaan Projek Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara adalah secara bayaran tertangguh atau *deferred payment*. Bayaran berkenaan sepatutnya berlaku setelah projek berjaya disiapkan. Namun demikian, pembayaran projek telah berlaku sebelum projek berjaya disiapkan. Yang terhormat Seberang Takir pun ada juga menyarankan Kerajaan Negeri agar menyemak kembali kelulusan pembayaran dan memaklumkan bahawa SST yang dikeluarkan menyatakan bahawa pembayaran setelah projek disiapkan.

Untuk makluman kita bersama projek ini kontraktornya ialah Konsortium KJV Sdn. Bhd. Kos projeknya, RM1.305 billion. Projek kosnya ialah RM797,112,925.00. *Financial Cost* yang terlibat ialah RM508,778,589.00. Surat setuju terima ialah 27 April 2016. Dokumen kontrak 3 Mei 2016. Tarikh mula projek 15 Mei 2016. Perubahan tarikh siap projek 14 Mei 2020. EOT yang pertama diberi selama dua tahun bermula 15 Mei 2020 sehinggalah 14 Mei 2022 dan terdapat *addendum contract* yang dibuat pada 13 Disember 2016 dan ada *Supplement Agreement* yang pertama bertarikh 28 Januari 2019. Konsep bayaran projek adalah secara bayaran tertangguh. SST telah menyatakan bayaran dibuat secara berperingkat dan tertangguh dalam tempoh 12 tahun. Bayaran pertama hanya akan bermula pada tahun keempat selepas projek siap dan diambil alih. Namun Kerajaan berhak mengkaji semula kaedah bayaran dengan persetujuan bersama. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri bersetuju melalui dokumen kontrak dan *addendum* di mana Kerajaan Negeri akan mula membayar bermula bulan yang ke 37 dari *date of possession* iaitu 15 Mei 2016 di dalam *first in first out basis* mengikut kerja yang disiapkan. Kerajaan Negeri pada ketika itu telah bersetuju membayar kepada kontraktor melalui *Instrument Facilities Payment Certificate* atau FPC. Pembiayaan projek ini juga dibuat melalui Program SUKUK berjumlah RM1 billion dan Kerajaan Negeri telah bersetuju sebagai *security trustee* bagi program ini.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan. Pertama saya nak tahu ini projek mana sebab ada dua projek air di Terengganu. Terengganu Utara dan Kemaman. Yang Berhormat sebut tu yang mana satu. Yang kedua saya dapati ada percanggahan antara dokumen kontrak dengan apa yang *supplement* dibuat kemudian. Saya mintak Kerajaan Negeri menyiasat perkara ini apakah berlaku

penyelewengan di peringkat mana. Kalau perlu lapor SPRM, lapor SPRM. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kita hanya tumpu hari ini kepada projek KJV Kuala Terengganu Utara. Kita tidak termasuk projek BEWG di Kemaman. FPC mempunyai pertalian dengan Program Pembiayaan SUKUK bagi projek ini di mana sekiranya Kerajaan Negeri tidak membayar sebagaimana tarikh yang dijanjikan di dalam FPC akan menjejaskan Program SUKUK tersebut dan akan *collapse*. Ini akan memberi kesan yang besar kepada kemajuan projek dan Kerajaan Negeri bakal berdepan dengan isu saman melibatkan kontraktor dan pihak bank. Justeru itu, pembayaran oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan penerbitan SUKUK oleh pihak KAJV. Kita mula membayar pada tahun lepas, dan pada tahun lepas RM67.44 juta, pada tahun ini RM150.21 juta. Dia kena bayar..

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang di-Pertua, boleh minta pencerahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, bagi laluan tak ini., nak beri laluan tak...sila

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Nak pencerahan okey, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO pada 28 Januari 2019 ada satu *addendum* yang pertama, boleh nyatakan tak tajuk *addendum* itu, kalau ada dengan Yang Berhormat ataupun intipati *addendum* itu.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang di-Pertua, saya kalau kita nak bincang tentang perjanjian ini, saya rasa sampai tengahari ini tak habis. Beberapa puluh helai berkaitan ini dan dia lebih kepada perundangan, jadi kalau nak tahu lebih tepat dia kena minta soalan secara bertulislah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Supaya kita boleh kaji dan kita boleh lihat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa Yang Berhormat teruskan, cuma saya peringatkan masa Yang Berhormat sebab kita tidak ada sesi sebelah petang, penggulungan campur dengan tiga lagi agenda kita nak habiskan sebelum pukul 1 dan saya dah sebutkan tadi sesi penggulungan kerajaan saya minta habiskan dalam pukul 12.20, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Saya akur Yang Berhormat Dato'. Berkaitan dengan, okey kita habislah *deferred* payment tadi. Berkaitan dengan Yang Berhormat Seberang Takir dan Yang Berhormat Batu Rakit mencadangkan agar Kerajaan memberi pampasanlah ini secara *one-off* berjumlah...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya sokong.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): RM500.00 kepada semua pemilik akaun yang terjejas. Siapa sokong tadi, tak tengok.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sayalah 8438, sokong

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Sebenarnya kita tidak sokong nak beri ini..

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Bakpe pulok*

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Itu alasannya, kita lihat dulu. Pertama, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM1,000.00 kepada JPKK pada 4 Ogos yang lalu, kemudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar meluluskan 25 Ogos pengumuman sebanyak RM1.04 juta kepada DUN dan juga JPKK yang terlibat, kemudian RM500,000.00 CSR oleh agensi-agensi GLC, kemudian SATU telah memperuntukkan RM1.25 juta untuk membeli air minuman dan juga air mineral untuk diagih-agihkan. Kemudian baru-baru ini kita lihat bahawa pada 4 September...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Boleh celah, air-air saya tak terima *berese* air ini lalu ikut mana *dok* tahu...

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Batu Rakit. Kita bekalkan air itu banyak, ada air mineral ada air minuman oleh pihak SATU, kemudian air oleh pihak NGO-NGO dan juga daripada JPKK, daripada ADUN-ADUN berlori-lori semuanya itu. So pada 4 September 2021, Kumpulan TI telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM1.61 juta kepada DUN DUN terjejas iaitu sumbangan daripada syarikat SATU, TDM, daripada EPIC Berhad, Ladang Rakyat dan Terengganu Incorporated. MB pun telah mengumumkan...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya celah sedikitlah

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang BERTHORMAT, sekarang ini *flow* daripada Kerajaan, masa Yang BERTHORMAT terhad dan soalan daripada Yang BERTHORMAT tadi pun saya nampak *hok tule je*,

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bukan, bukan *hok tule*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dengar saya kata dulu masa soal jawab pun, soalan yang sama dah berbangkit dah jadi Yang BERTHORMAT nak jawab juga, saya peringatkan saja ini. Sebab ada tiga orang EXCO lagi yang akan buat penggulungan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang BERTHORMAT

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita terikat pada SOP, Persidangan mesti habis sebelum pukul 1.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau dia bagi laluan takpe itu saya peringat...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya nak minta penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti dengar dulu, ini flow Kerajaan, Yang Berhormat rujuk kepada Standing Orders, kalau dia bagi laluan, okeylah kalau dia tak bagi laluan tak boleh

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat EXCO duduk dah *sakning* maknanya dia beri laluan ke saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu saya tanya tadi nak bagi laluan ke tidak

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Saya nak habiskan banyak lagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu saya kata sebab tak boleh, ini *flow* Kerajaan

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya faham tapi tadi bila saya bangun, EXCO dah duduk makna dia beri saya laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu sebelum saya beri peringatan. Saya ada tanggungjawab nak selesaikan

*[audio tidak kedengaran dan pertindihan suara di antara YB Dato' Yang di-Pertua dan YB Wakil Batu Rakit].*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawab doh baru ini, jawab doh baru ini, *doksoh nok ulang hok tulelah*, jawab doh baru ini. Sila.. sila Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya nak penjelasan bantuan-bantuan ini disalurkan ke mana, kepada siapa sebab rakyat ingat Yang Berhormat ADUN yang terima.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terpulang kepada Yang Berhormat nak jawab atau tidak.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Okey, okey terima kasih Batu Rakit. Semua bantuan itu melalui Pusat Khidmat di DUN masing-masing dan diselaraskan di sana kepada JPKK.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maksudnya Penyelaras DUN, dia Pusat Khidmat ini ADUN pun Pusat Khidmat juga. Biar jelas, biar tahu bahawa duit ini disalurkan kepada Pengerusi Penyelaras DUN-DUN.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya, ya Penyelaras DUN Kepada JPKK

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Biar jelas begitu..

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Okey terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab rakyat ingat ADUN yang terima. Okey terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kemudian MB kita pun telah membuat pengumuman memberi dua bulan air percuma kepada setiap akaun dan kita lihat bahawa di peringkat

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, boleh tak saya nak minta laluan sikit saja sebabnya ramai rakyat tanya ini, minta laluan sikit saja iaitu nak tanya bulan berapa dua bulan ini sebab ada rakyat dia bagitahu dia terima bil terakhir baru ini masih lagi makna tidak ada potongan. Jadi nak minta penjelasan bulan berapa yang dua bulan percuma. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Dia dua bulan ini kita belum buat keputusan lagilah kerana duk sibuk dengan air minggu lepas ini, lepas ini saya akan bincang balikhlah. Dia senang

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Jangan berulang *hok takdok* air pula

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *Insyah-Allah* ada hok ini, hok ini berbeza dari dulu. *Insyah-Allah* sama ada kita *combine* bulan 10 dan 11 ke, 11, 12 ke ataupun kita *rebate* kepada jumlah penggunaan katakan bulan 3 dan 4 dulu ke, bulan 6 bulan 7 ke, *so* kita akan buat keputusan nanti. Kita tahu bahawa baru-baru ini pun lori-lori berjumlah lebih daripada 30 dengan tangka statik yang mana kita lihat bahawa terutamanya daripada Khidmat Malaysia, daripada Jabatan Amal Terengganu, NGO-NGO lain banyak memberi bantuan sehingga kepada siang dan malam bertungkus lumus, membantu untuk *mensupplykan*, menyampaikan kira kira 2.5 juta liter air sehari, 2.5 juta satu hari satu malam. Begitu juga di pihak DUN-DUN dan NGO-NGO bekerjasama membantu menyampaikan bertreler-treler air untuk minuman dan juga air yang berkualiti iaitu air mineral. Jadi saya rasa sudah tentu tidaklah menjadi masalah yang besar kepada rakyat kita di bawah sana kerana dengan bantuan yang mencukupi sudah tentu kita rasa agak lega. Kemudian permohonan yang RM500.00 itu saya tidak mencadangkan supaya diberi kerana kemudahan-kemudahan dan kewangan yang saya sebutkan tadi. Kalau kita tengok zaman dulu pun, kalau tak ada air UMNO pun tak pernah beri rasanya, seingat sayalah.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dia yang biasa sehari dua saja, krisis ini lama. Orang terpaksa beli tong, ada yang boreng, berapa kos boreng.

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Okey, okey terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Kijal memaklumkan terdapat aduan daripada penduduk setempat berkaitan dengan hakisan dan kita lihat bahawa JPS Negeri Terengganu melalui surat bertarikh 22 Oktober 2020 telah mengeluarkan sepucuk surat kepada Unit Perancang Ekonomi dan Pejabat Tanah Kuala Terengganu, memaklumkan berkaitan aduan yang diterima daripada Encik Mahadzir bin Salleh. JPS telah menjalankan siasatan ke rumah pengadu di Pulau Sekati pada 11 Oktober 2020 dan hasil siasatan adalah sebagai berikut:

- 1) Pengusaha pasir yang menjalankan operasi pengambilan pasir adalah Encik Mohd Khairuddin bin Haji Rashid di Kg. Bukit Datu sejak tahun 2016.
- 2) Tiada penandaan boya pada tapak sedutan pasir.
- 3) Hakisan tebing sungai yang telah terjadi adalah antara 1-3 meter iaitu di kawasan Kampung Pulau Sekati

Tindakan telah diambil oleh Pejabat Tanah Kuala Terengganu dengan tidak mengeluarkan doket kepada pengusaha berdasarkan surat aduan daripada JPS. Sehubungan dengan itu, pengusaha telah menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan tapak sebagaimana yang telah ditetapkan. JPS Negeri melalui surat bertarikh 25 November 2020 telah memberi maklumbalas bahawa tiada tegahan dan berpuas hati dengan tindakan yang telah dilaksanakan oleh pengusaha setelah lawatan tapak dibuat bersama pengusaha pada 17 November 2020.

Seterusnya, Yang Berhormat Tepoh menyarankan agar Kerajaan Negeri mewujudkan pelan mitigasi dan juga pelan penyelenggaraan aset-aset bekalan air. Saranan agar Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pelan mitigasi dan pelan penyelenggaraan aset-aset bekalan air, dengan perkara-perkara berikut:

1. Memperkasakan Jabatan Bekalan Air sebagai sebuah jabatan teknikal Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab memantau prestasi SATU sebagai pemegang lesen ataupun operator yang menerima pajakan aset daripada Kerajaan Negeri sejak tahun 1999.
2. Mentransformasi Syarikat Air SATU kepada sebuah syarikat operator bekalan air yang mempunyai perancangan yang komprehensif terhadap pelan penyelenggaraan asset, pelan unjuran keperluan bekalan air bagi tempoh jangkamasa pendek, sederhana dan panjang serta pelan risiko terhadap kemalangan.
3. Mengkaji semua keperluan pembentukan perjanjian tambahan bagi perjanjian pengkorporatan antara Kerajaan Negeri dan SATU dengan memasukkan elemen-elemen jaminan keselamatan bekalan air atau *Treated Water Security*.



4. Berdasarkan perjanjian pengkorporatan di antara Kerajaan Negeri Terengganu dan SATU, SATU sebagai pemegang lesen mempunyai obligasi untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
  - i. Menyelenggara perhubungan di antara paip utama SATU dan paip perkhidmatan, yang mana bekalan diberikan kepada premis
  - ii. Menyelenggara, membaikpulih dan membesarkan kemudahannya untuk memberikan perkhidmatan terbaik
  - iii. Mendirikan dan menyelenggara pagar yang mencukupi di sekitar loji rawatan dan pada bahagian-bahagian lain sistem bekalan air SATU
  - iv. Menyediakan dan menyelenggara keselamatan yang mencukupi pada kawasan tersebut
  - v. Mematuhi syarat keselamatan di bawah akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959

Beberapa penambahbaikan dan pelan mitigasi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan meliputi:

- a. Penandaan jajaran paip yang ada di seluruh dasar sungai dan laut Terengganu
- b. Pemeriksaan secara berkala bagi semua paip terutamanya yang berada di jajaran dasar sungai dan laut
- c. Menyediakan pelan risiko bekalan air yang mengandungi maklumat penyelenggaraan baik pulih, penyelenggaraan pencegahan, dan merancang sistem jajaran paip yang sistematik sebagai *back-up plan* sekiranya terjadi krisis air di masa yang akan datang
- d. Kajian berkenaan keadaan semasa paip-paip bekalan air terutamanya jajaran paip dasar sungai atau laut perlu dilaksanakan sekiranya tiada secara berkala terhadap aset-aset bekalan air.
- e. Mewartakan zon penampang aset bekalan air terutama aset-aset bekalan air yang dikhuatiri terdedah kepada risiko keselamatan aset akibat aktiviti pembangunan termasuk aktiviti perusahaan pasir sungai di sekeliling aset-aset bekalan

- f. Mewartakan kawasan-kawasan sumber air yang berpotensi untuk membekalkan sumber air pada masa yang akan datang
- g. Menguatkuasa Enakmen Sumber Air Terengganu 2020 yang telah diluluskan dengan tujuan untuk mengawal selia semua aktiviti berkaitan sumber air dan aktiviti-aktiviti di lembangan sungai yang akan memberi kesan kepada sumber air
- h. Mewujudkan Jawatankuasa Lembaga Sungai bagi setiap lembangan sungai di Negeri Terengganu di bawah Enakmen Sumber Air Terengganu 2020 yang akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah serta dianggotai oleh JPS, JAS dan jabatan-jabatan teknikal lain, di mana urus setia bagi jawatankuasa ini adalah Lembaga Sumber Air Terengganu atau LAUT yang dijangka akan bersidang pada Oktober 2021.

Saya rasa itulah secara ringkas penggulungan bagi pihak saya. Saya ucap terima kasih semua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Berang. Sekarang saya menjemput wakil Kerajaan seterusnya, Wakil Jabi ya. Sila.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Jabi juga mengambil kesempatan untuk Menjunjung Kasih atas Perutusan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sektor pertanian di antara yang diberikan perhatian khusus oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Dato' Yang di-Pertua,

Pandemik COVID-19, semua sektor terkesan termasuklah sektor pertanian, penternakan dan perikanan walaupun sektor ini dikategorikan sebagai *essential services*. Statistik daripada bulan Mac 2020 sehingga 2021, kira-kira 40% hasil pertanian kontan di Negeri Terengganu berkurangan. Antara faktornya ialah kawalan pergerakan yang telah mengehadkan pergerakan rantai pengeluaran. Ada petani yang positif COVID, ada yang kena kuarantin, dan ramai daripada penggiat dalam sektor pertanian rasa tak selamat untuk berada di luar rumah. Yang kedua, ekoran daripada sekatan yang berlaku, permintaan terhadap hasil keluaran pertanian, penternakan dan perikanan telah menurun secara mendadak. Ini memberikan kesan langsung kepada harga jualan dan lambakan hasil memang tidak dapat dielakkan lagi. Yang ketiga, penutupan sektor restoran dan hotel, telah mengakibatkan hasil ternakan akuakultur seperti kerapu hibrid dan siakap kehilangan pelanggan utama. Natijahnya hasil tidak dapat dijual tetapi dalam masa yang sama penternak tetap perlu menanggung kos makanan ikan. Dan yang keempat, sektor ternakan ruminan berhadapan dengan kenaikan kos makanan ternakan.

Dato' Yang di-Pertua,

Berhadapan dengan situasi ini, Kerajaan telah menyusun dan melaksanakan pelbagai strategi bagi membantu meringankan beban rakyat. Yang pertama dalam menangani isu pemasaran, Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi seperti FAMA, LKIM, Peladang, Jabatan Pertanian, Perikanan dan TADC, kita telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemasaran untuk mengambil peranan merangka strategi bagaimana kita nak keluar daripada kemelut isu-isu pemasaran sepanjang tempoh pandemik dan kita perkasakan fungsi Agro Bazar, fungsi gerai buah-buahan segar, pasar tani kekal, pasar nelayan, pusat jualan hasil-hasil pertanian, pasar borong, *fresh mart*, kiosk jualan hasil pertanian dan pelbagai lagi. Mengikut kebenaran yang telah diberikan oleh MKN walaupun dalam tempoh PKP dan PKPD dan kewujudan semua pusat-pusat ini bukanlah dengan maksud Kerajaan nak bersaing dengan rakyat untuk berniaga tetapi Kerajaan cuma menyediakan satu platform bagi pemasaran hasil-hasil titik peluh rakyat kita.

Yang kedua, bila hasil tidak dapat dipasarkan menyebabkan rakyat kehabisan modal pusingan untuk kembali bertanam dan menternak. Menyedari hal ini, Kerajaan telah bantu rakyat untuk bangkit kembali dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM1 juta, merangkumi bantuan biji benih, pam air, mesin

*chopper*, baja, racun, *foliar*, sistem pengairan, plastik UV, struktur pelindung hujan, isi meter, mini *cultivator* dan macam-macam lagi. Dengan tujuan untuk meringankan beban rakyat dan kita nak bantu rakyat untuk kembali berusaha semula.

Yang ketiga, peruntukan sebanyak RM200,000.00 bagi tujuan untuk kita salurkan bantuan makanan ikan kepada kira-kira 700 orang penternak akuakultur, sama ada akuakultur air tawar atau air payau yang berada di seluruh negeri.

Yang keempat, RM300,000.00 kita salurkan bagi bantuan peralatan untuk nelayan Zon A, antaranya kita agihkan *fish finder*, kit peralatan memancing, kawat bubu, pukot tangsi, dengan seramai 415 orang nelayan pantai Zon A di seluruh negeri telah mendapat manfaat.

Yang kelima, bantuan *one-off* sebanyak RM500 seorang kepada petani, penternak, nelayan dan pemain dalam industri pengeluaran makanan yang telah disahkan positif COVID-19 sejak PKP 1.0 sejak Mac 2020 sehingga...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Mencelah boleh YB? Boleh?

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):  
Minta laluan, terima kasihlah di atas usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan bantuan kepada nelayan Zon A, tapi saya ada terima rungutan daripada nelayan C Kosong, yang mana C Kosong ini pengeluaran hasil dia adalah ikan rakyat, ikan kembung, boleh buat celup tepung, ikan makna ikan-ikan untuk jualan ikan rakyat dan di Negeri Terengganu ini adalah merupakan kira pemborong utama seluruh negara. Hok Kuala Perlis mari, hok Rantau Panjang, daripada Siam mari sini, hok Kuantan mari sini tetapi mereka dia kata *t'inggal*. Dia kalau boleh mereka memohon bantuan untuk pemberat unjang, biasanya unjang dia buat dia guna pasir buh dalam guni, dua tiga bulan habis, tapi kalau kita bantu pemberat unjang dia boleh tiga faedah. Pertamanya, dia boleh mengelakkan diri buat unjang dekat dengan pantai, dia buat dekat dengan pulau, dia buat dekat dengan pulau dia takut pukot kokot tu mari ganggu dia, sebab itu mari buat dekat pulau, jadi dekat pulau menjadi

masalah Jabatan Perikanan, jadi bila ada pemberat unjang ini, dia boleh buat jauh sikit maknanya pukut kokot, takut kepada pemberat tadi. Dia boleh jadi tukun, boleh mengelak dia gi jauh...

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Okey boleh faham dah...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ringkaskan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Cuma ini, saya tengok kos dia pun tidak banyak, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Jadi asasnya, nelayan laut dalam C Kosong nak mohon konkrit pemberat unjang, asasnya begitulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Asasnya begitu

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Okey tak ada masalah untuk kita pertimbangkan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Kosnya dalam sebijik RM30 sahaja

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ya, ya baik *insha-Allah*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang kelima, bantuan *one-off* RM500 kepada petani, nelayan, penternak yang positif COVID-19 sejak daripada PKP 1.0 Mac 2020 sehingga Jun 2021. Seramai 90 orang penerima telah mendapat manfaat suatu gambaran bahawa kerja dalam sektor pertanian ini di antara kerja yang rendah risiko untuk dijangkiti COVID-19.

Dato' Yang di-Pertua,

Dalam isu kenaikan harga makanan ternakan, kita di Terengganu sebenarnya ada kilang makanan ternakan yang dioperasikan oleh Koperasi Peserta-peserta FELCRA Berhad di Gong Badak tetapi tidak dimanfaatkan sebaiknya sama ada oleh pihak pengilang ataupun pihak penternak, *under utilise* dengan izin. Sebab itu satu penyelarasan bersama di antara Kerajaan Negeri, pihak kilang dan persatuan penternak serta pihak-pihak berkepentingan lain, kita nak supaya kewujudan kilang ini memberikan impak maksimum kepada penternak kita. Kerajaan Negeri melalui JPV kita telah bantu dari segi kepakaran formula makanan ternakan, kemudian Kerajaan menjadi mediator, jadi orang tengah yang menghubungkan pihak kilang dengan persatuan-persatuan penternak supaya bekalan makanan yang dikeluarkan daripada kilang di Negeri Terengganu dimanfaatkan oleh penternak kita dan kita mampu mendapat kualiti yang setanding dengan harga yang kompetitif lebih rendah daripada sumber makanan yang dibawa daripada luar Terengganu.

Yang ketujuh, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pembangunan tanah rezab padang ragut sebagai padang ragut rakyat supaya penternak mempunyai kawasan cerut rumput yang mencukupi. Sekarang ini, pergantungan kepada *pallate*, kita cuba cari alternatif dengan sumber makanan hijau dan untuk tahun ini sebanyak 70 ekar padang ragut rakyat sedang dibangunkan di semua daerah dengan *progress* siapnya kira-kira 75%. Kita juga agihkan mesin *chopper* supaya sumber makanan alternatif seperti pelepah sawit, batang jagung, rumput *napier* boleh dihancurkan dengan mesin *chopper* ini dan menjadi sumber makanan ternakan. Satu lagi saya tertinggal info tadi berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Jertih sebenarnya Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi tujuan perolehan vaksin LSD dengan tujuan untuk kawalan pencegahan penyakit ternakan.

Yang kelapan, kita juga telah labuhkan unjang khusus untuk warga Pulau Perhentian yang selama ini bergantung rezeki dalam sektor pelancongan supaya mereka ada kawasan tangkapan dan boleh bekerja sebagai nelayan buat sementara waktu sehinggalah aktiviti *tourism* dibuka semula. Kerja-kerja labuh unjang ini kita akan pertingkatkan di sepanjang pantai Negeri Terengganu termasuklah juga kerja-kerja melabuh tukun yang akan bermula daripada 30 September sehinggalah sampai ke sekitar pertengahan Oktober

yang akan memberi manfaat kepada nelayan-nelayan kita di perairan Terengganu. Untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri pada tahun ini memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta bagi kerja-kerja memperkayakan sumber perikanan khususnya tukun dan unjang tambahan RM300,000.00 daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan untuk rekod Terengganu adalah satu-satunya negeri yang menyalurkan peruntukan tersendiri bagi tujuan program memperkayakan sumber perikanan.

Yang kesembilan, Dato' Yang di-Pertua dalam musim PKP ini, ketika nelayan tengah dalam kesempitan *alhamdulillah*, kita telah berjaya agihkan 600 lesen nelayan sampan yang menoktahkan penantian mereka sejak sekian lama, kiranya ada suka dalam duka.

Yang kesepuluh, walaupun dalam sekatan PKP, kita tidak dapat menjayakan program-program bersaiz mega yang mampu menjana jumlah jualan yang tinggi seperti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Terengganu, Himpunan Lembu Sado Pantai Timur, Karnival Jualan Buah-Buahan Tempatan dan lain-lain program mega yang menjadi acara tahunan kita tetapi tidak boleh buat semua kita cuba buat apa yang boleh, di antaranya kita anjurkan Karnival My Best Buy, Pertandingan Durian Kampung Premium dan beberapa program lagi. Ini semua bertujuan untuk merangsang pergerakan pasaran dalam tempoh pandemik supaya berlaku sedikit kerancakan, tidak boleh buat semua, kita buat sekadar yang boleh.

Dato' Yang di-Pertua,

Pihak kami optimis untuk menyempurnakan pelaksanaan 72 program dan 33 projek pertanian yang telah diatur dalam Kalendar Tahun Pertanian Terengganu 2021. Rel perjalanan yang memandu kami ialah Pelan Strategik Pertanian Negeri 2019-2023 dengan objektif utama untuk menjadikan Terengganu negeri pengeluar makanan negara, dan pelaksanaan ini sentiasa dinilai melalui proses kajian semula dari semasa ke semasa untuk kita tengok sejauh mana pencapaian serta merangka strategi bagi kita menangani isu-isu berbangkit yang merencatkan perjalanan.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang berada dalam keluarga besar pertanian Terengganu. Terima kasih kepada warga petani, penternak dan nelayan yang mewakili kira-kira 70% daripada rakyat

Terengganu. Perjalanan kita masih jauh, ranjau dan halangan di hadapan kita masih banyak. Kekalkan fokus, dan kita giatkan usaha, akhirnya kepada Allah kita berserah segalanya. Jabi mohon menyokong, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Sekarang saya mempersilakan Wakil Paka. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَا بَعْدُ

Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tahun ini *alhamdulillah* kita merafakkan rasa syukur kepada Allah Ta'ala walaupun dalam suasana pandemik ini kita masih lagi berkesempatan untuk kita hadir dalam Dewan yang mulia ini, untuk sama-sama kita memberi pandangan, bertukar fikiran, dan juga untuk kita sentiasa dapat bermuhasabah, khususnya berkait tentang ucapan Tuanku Sultan ini, untuk memberi ruang kepada kita melakukan yang terbaik dan memperelokkan demi kepentingan rakyat dan juga agama kita di Terengganu ini, *insya-Allah*. Saya mengambil kesempatan ini dalam suasana COVID ini, usaha pihak Kerajaan bersungguh-sungguh untuk cuba mengatasi pandemik ini dengan mempergiatkan proses imunisasi rakyat dan juga dalam usaha untuk mengekang penyebaran COVID-19 ini dengan mempertingkatkan usaha untuk mengikut SOP ini. Saya merakamkan ucapan tahniah *jazakamullah* kepada CITF dan juga MKN serta seluruh warga agensi institusi yang terlibat yang kita melihat mereka telah menggembleng usaha yang bersungguh-sungguh dalam usaha kita khususnya kita di Negeri Terengganu untuk mencapai *herd immunity* ini. Pun begitu kadang kita juga rasa terkilan kerana masih ada lagi segelintir walaupun tidak ramai, masih ada lagi segelintir dari kalangan rakyat kita yang enggan untuk mengambil proses imunisasi ini, yang kita sedia maklum adalah untuk kepentingan rakyat dan juga masyarakat serta negara kita. Pihak Kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang begitu besar untuk melihat kepentingan nyawa rakyat diutamakan. Dia merupakan salah satu kepentingan yang menjadi asas di dalam Islam untuk menjaga nyawa, kesihatan, akal dan sebagainya. Dan perkara ini sebenarnya selaras dengan apa yang diperingatkan



oleh Rasulullah ﷺ dan perkara ini telah berlaku sekian lama dalam sirah dan sejarah. Rasulullah ﷺ telah memperingatkan,

لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحِّحٍ

*Tidak sewajarnya seorang yang sakit mendatangi orang yang sihat.*

*(Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)*

Cuma dalam bahasa moden disebut kuarantin dan sebagainya. Ataupun hadis yang masyhur yang kita sentiasa dengar

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

*Apabila kamu mendengar satu tempat itu, satu bandar, satu negeri yang ada berpenyakit wabak di sana maka janganlah kamu mendekati, menghadirinya dan apabila kamu berada di negeri tersebut janganlah kamu keluar daripadanya*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

Kita sedia maklum bagaimana bahkan kita sendiri melihat sejarah mencatatkan bagaimana semasa Kerajaan Uthmaniah Turki sendiri ada dikeluarkan sijil vaksin yang telah berlaku pada zaman mereka. Bahkan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan ini

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

kerana kepentingan-kepentingan masalah itu, maka pihak Kerajaan melaksanakan beberapa dasar-dasar dan sebagainya adalah untuk kepentingan rakyat. Dengan mengambil kira perkara ini sudah memakan korban berjuta-juta orang daripada 5 juta penduduk dunia ini yang mati akibat COVID dan hal ini sebenarnya bukan hanya melanda negara kita, tapi juga negara-negara umat Islam, institusi-institusi ulama' mahupun mufti-mufti negara dan sebagainya telah diselaraskan mempunyai fatwa yang sama bahkan kepakaran kemahiran kedokteran kesihatan telah digemblengkan dimatlamatkan untuk mengekang perkembangan tetapi dari kalangan masyarakat kadang-kadang jauh, mereka masih lagi berfikiran dan juga berpandangan bukan hanya dari kalangan masyarakat biasa, sekadar kalangan mereka yang bijak pandai yang lebih arif daripada ulama' dan kadang-kadang lebih pandai dari doktor mereka jadi golongan yang bukan hanya mereka saja tapi mereka turut sama berkempen untuk menghalang usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan ini. Kita harap kita semua dapat memainkan peranan khususnya dari kalangan

Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memastikan rakyat di peringkat masing-masing dan juga institusi jabatan dan sebagainya untuk kita berusaha keras untuk mencapai matlamat yang disasarkan oleh pihak Kerajaan.

Pun begitu dalam suasana COVID ini kita melihat dalam isu pendidikan khususnya, walaupun tidak dibolehkan temu secara fizikal dan walaupun kita masih lagi tidak berasa puas hati dengan perkembangan perjalanan pendidikan khususnya melibatkan PdPR tapi daripada positifnya kita melihat bahawa dengan isu yang ada ini telah berlaku anjakan dalam masyarakat kita untuk menggunakan alam maya ataupun pendidikan secara *online* ini lebih cepat daripada masa dia memandangkan suasana persekitaran telah memaksa masyarakat kita ataupun jabatan yang melibatkan pendidikan untuk mengambil pendekatan ini sebagai usaha untuk melaksanakan tuntutan pendidikan dalam masyarakat kita. Walaupun kita dimaklumkan bahawa ada lebih kurang 4% di Terengganu yang berlakunya keciciran kerana berbagai-bagai faktor dan pelbagai usaha telah diambil perjalanan untuk mereka turut sama terlibat dalam usaha pendidikan secara PdPR ini dan mungkin tahun ini masih lagi ada sebahagian khususnya sekolah rendah tidak akan dibuka dan kita mengharapkan pada bulan Oktober ini nanti *insya-Allah* khususnya yang pelajar yang terlibat dengan peperiksaan SPM dan juga STPM, STAM dan sebagainya akan mendapat proses imunisasi untuk mereka mula hadir ke sekolah seperti biasa. Pihak Kerajaan Negeri juga berusaha untuk sama-sama membantu meringankan bebanan ini dan kita melihat ruang-ruang lompang jika sekiranya apa yang telah dianjurkan oleh, yang dikeluarkan bantuan di peringkat Kerajaan Pusat untuk kita membantu bagi meringankan bebanan ini. Khususnya dalam usaha PdPR ini pihak Kerajaan Pusat telah menyalurkan Pelan Jaringan Prihatin khususnya kepada B40 yang memberi percuma gajet dan juga data yang kita rasa banyak di peringkat golongan-golongan B40 dan pihak Kerajaan Negeri sebagaimana sedia maklum telah membantu lebih kurang 6000 lebih peranti kepada pelajar-pelajar dan juga saya ucap tahniah kepada beberapa agensi-agensi yang turut sama membantu bagi meringankan bebanan ini termasuk KETENGAH, Yayasan Pelajaran Mara, Bank Islam, Yayasan Petronas dan sebagainya turut membantu pelajar-pelajar di Negeri Terengganu untuk kemudahan bagi menghadapi PdPR dalam suasana Covid-19 yang seperti ini. Seingat saya pihak Kerajaan tidak mengurangkan bantuan pendidikan yang telah disalurkan sebelum pada ini sama ada melibatkan Program Anjung Ilmu dan sebagainya mengikut suasana semasa dan keperluan. Bahkan sebagaimana sedia maklum pihak Kerajaan telah pun menyalurkan Skim Pelajar Cemerlang

yang telah sehingga akhir tahun ini sebahagian dalam proses 600 orang pelajar telah mendapat nikmat hasil daripada pelancaran Skim Pelajar Cemerlang ini yang telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM15 juta. *Alhamdulillah* kita melihat sebagaimana yang disebut oleh Wakil Ajil kelmarin pelajar-pelajar kita terus melangkah ke arah kecemerlangan yang lebih baik daripada masa-masa yang lalu jadi tidak timbul kata kita mundur ke belakang dan sebagainya. Bahkan pihak Kerajaan juga menawarkan beberapa skim baru termasuklah yang terbaru adalah Skim al-Ghazali yang berjumlah RM5.3 juta amat membantu khususnya kepada guru-guru dan yang terlibat dengan institusi rakyat dalam menghadapi suasana Covid-19 seperti ini.

Yang terakhir yang ingin saya sentuh apabila Yang berhormat Seberang Takir menyebut tentang perihal hukum hudud dan kita dengan jelas menyatakan bahawa komitmen kita, kesungguhan kita dari Parti Islam SeMalaysia (PAS) adalah untuk menegak dan melaksanakan syariah Allah *Subhanahu Wa ta'ala* di atas muka bumi ini telah menjadi matlamat dan usaha serta dasar prinsip perjuangan kita dan ianya selari dengan apa yang difirmankan oleh Allah,

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ  
*tidak sewajarnya seorang mukmin lelaki dan mukminah seorang perempuan apabila ditentukan oleh Allah dan Rasulnya satu hukuman ketetapan dia mencari pilihan yang lain daripada perkara itu.*

Tidak sewajarnya persoalan ini sepatutnya tidak dipersoalkan bahkan ini merupakan ketentuan kewajiban yang kita tidak boleh elak yang kita terpaksa melaksanakannya kerana ini merupakan tuntutan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* bahkan Allah Ta'ala berfirman

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَىٰ الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنْكَ صُدُودًا  
*Apabila dikatakan kepada mereka marilah kita sama-sama melaksanakan usaha untuk menegakkan apa yang diperintahkan oleh Allah. Hukum Allah dan Rasul kamu akan dapati golongan-golongan munafik akan menentang sekeras-kerasnya.*

Jadi dalam hal ini kita telah mengadakan beberapa bengkel untuk memastikan persiapan dan persediaan kita ke arah pelaksanaan sepenuhnya hukum hudud itu dan kita hanya menunggu kelulusan daripada *insya-Allah* yang terdekat kita

harap kelulusan Rang Undang-Undang (RUU 355) yang *insya-Allah* akan memberi ruang seluasnya kepada pihak Kerajaan Negeri bagi melaksanakan apa yang menjadi tuntutan syara' ini dan sebelum pada itu kita mempersiapkan infrastruktur persiapan yang terbaik dan kita memanfaatkan peruntukan 356 ini. Tiga tahun penjara, RM5,000.00 dan enam kali sebatan ini semaksima mungkin dalam ruang bidang kuasa yang telah diberikan untuk kita memanfaatkan sebaik mungkin dan *insya-Allah* persiapan ke arah itu dan pihak Mahkamah Syariah bersedia bila-bila masa untuk membuat ataupun melaksanakan apa yang akan diperintahkan ataupun yang akan diluluskan berdasarkan bidang kuasa peruntukan undang-undang yang diberikan dan *insya-Allah* komitmen kita kesungguhan kita dalam menegakkan sebagai Amanah tanggungjawab yang akan pasti dipersoalkan di hadapan kita ini walau macam manapun apa yang kita tidak mampu untuk dilaksanakan kita tidak tinggalkan tapi kita berusaha mengikut ruang bidang kuasa yang sedia ada *insya-Allah* untuk memanfaatkan bagi mencapai matlamat ataupun motto kita Maju, Berkah dan Sejahtera. Sekadar itu, saya ucap terima kasih *jazakumullah*. Paka mohon menyokong titah Tuanku Sultan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Paka di atas penggulungan tadi. Akhir sekali saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bagi membuat penggulungan Perbahasan Titah Ucapan ataupun perbahasan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Dipersilakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, semua para pendengar dan hadirin sekalian. *Alhamdulillah* kita bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas kesempatan yang diberikan kepada kita untuk bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini setelah kali terakhir kita berada dalam Dewan ini pada bulan November tahun 2020 yang lalu. Pihak Kerajaan Menjunjung Kasih atas Titah Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Sultan sempena Pembukaan Penggal keempat Dewan Undangan Negeri yang keempat belas ini. Teirma kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Tepoh, Yang Berhormat Seberang Takir, Yang Berhormat ADUN Wanita, Yang Berhormat Kijal, Yang Berhormat Ajil dan Yang Berhormat Batu Rakit dan lain-lain semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Saya kira terdapat pandangan-pandangan yang wajar diteliti dan diambil kira oleh Kerajaan dalam membina sebuah Negeri yang Maju, Berkat dan Sejahtera secara bersama tanpa mengira warna politik kepartian. Walaupun begitu sudah tentu pihak Kerajaan mesti menentukan keutamaan pelaksanaan apa jua inisiatif yang ingin dibawa berdasarkan kepada prinsip *fiqh aulawiyatnya* atau *priority*. Rakyat Terengganu ada lebih 1.2 juta orang yang mendiami rumah ini dan ada yang perlu disantuni dengan kadar yang segera dan tentunya ada yang dikemudiankan. Umpamanya anak di rumah sendiri ada yang masih pra sekolah, ada yang berada di sekolah rendah dan menengah, ada yang belajar di universiti, ada yang sudah memasuki alam berkeluarga dan tidak lagi tinggal bersama. Maka tentunya nilai keperluan anak-anak ini tidak sama. Ada yang perlu disegerakan, ada yang sangat terdesak dan ada yang boleh dikemudiankan dan ada yang boleh mengusahakannya secara sendiri. Maka keutamaan kita sebagai sebuah Kerajaan membantu rakyat mengikut keperluan. Di mana yang terdesak didahulukan, yang dizalimi sekalian lama dibantu terlebih dahulu dalam memenuhi keperluan kehidupan mereka. Suatu ketika Khalifah Umar Abdul Aziz menerima surat daripada Fartunah al-Sawda' iaitu seorang hamba. Fartunah al-Sawda' telah menulis surat mengenai tembok tempat kediamannya yang rendah sehingga dengan mudah beliau diserang oleh orang jahat. Khalifah Umar Abdul Aziz segera membalas surat Fartunah al-Sawda' dan mengarahkan pegawainya di Mesir pada ketika itu iaitu Ayub bin Syurahbil supaya meninggikan tembok rumah Fartunah al-Sawda'. Ini adalah contoh bentuk bantuan bersasar kepada yang memerlukan bukan diberikan kepada setiap rakyat Mesir pada waktu itu. Inilah juga apa yang ditekankan dalam memahami kemaslahatan di mana para ulama' Islam membahagikannya kepada peringkat *ad-Dhoruriyat* iaitu jika sekiranya keperluan ini tidak ada nescaya hidup manusia di dunia ini akan menghadapi kesukaran baik di dunia mahupun akhirat.

Maka Kerajaan mengambil pendekatan kepada yang terlibat dengan *Dhoruriyat* ini diutamakan terlebih dahulu. Yang kedua ialah *al-Haajiyat* iaitu kepentingan

yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghilangkan kesempitan yang membawa kepada kesulitan dengan ketiadaannya. Manakala ketiadaannya pula tidaklah sehingga membawa kepincangan dalam kehidupan manusia dan ketiga ialah *at-Tahsiiniyat* iaitu perkara yang menjadi pelengkap dan hiasan tambahan untuk kesempurnaan manusia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Berkenaan isu ekonomi yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil positif cadangan dan pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat. Namun saya kira untuk melihat perkembangan ekonomi negeri adalah tidak wajar untuk merujuk pada data-data ekonomi dan sosial bagi tahun 2020 sahaja. Ini kerana semua negeri dan negara juga mengalami penguncupan susulan penutupan sektor-sektor ekonomi hampir sepanjang tahun tersebut untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Di sebalik penguncupan-penguncupan 5.7% itu, sepatutnya diakui juga bahawa Kerajaan Negeri telah melakukan yang terbaik untuk menyerap *impact* atau *cushion the impact*, dengan izin pandemik COVID-19 apabila berjaya menaikkan kedudukan Negeri Terengganu di kedudukan ke-9 bagi tahun 2020 berbanding kedudukan ke-13 bagi tahun 2018 dan kedudukan ke-11 pada tahun 2019.

Ini menunjukkan bahawa daya tahan ekonomi Negeri Terengganu semakin bertambah baik walaupun dalam suasana yang sangat mencabar. Penguatan ini juga dapat dilihat menerusi keupayaan Kerajaan Negeri bersama dengan pelbagai agensi di peringkat Negeri dan Persekutuan bagi membangunkan pelaburan apabila berjaya menambah jumlah pelaburan kepada RM2.95 billion bagi keseluruhan tahun 2020 berbanding RM863.66 juta pada tahun 2019. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha keras untuk mencapai sasaran pelaburan berjumlah RM3.75 billion bagi keseluruhan tahun 2021. Menerusi kesemua projek-projek pelaburan ini dijangkakan sebanyak hampir 3,000 peluang pekerjaan dapat diwujudkan di Negeri Terengganu dan *insya-Allah* prestasi KDNK Terengganu akan kembali tumbuh positif bagi keseluruhan tahun 2021 dan *insya-Allah* pada tahun 2022 nanti.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Suka juga untuk dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang berusaha keras untuk memastikan ruang fiskal tambahan dapat disediakan bagi Belanjawan 2022. Ini supaya agenda bagi melindungi isi rumah, membela peniaga dan memacu ekonomi Negeri sebagaimana yang ramai disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat ditangani bersempena dengan pasca pandemik yang kita hadapi sekarang ini. Justeru itu, saya senantiasa mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada blok Kerajaan dan Rakan Kerajaan untuk berkongsi pandangan dan cadangan demi masa hadapan yang lebih baik buat rakyat dan Negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas segala jasa dan pengorbanan dalam menyelesaikan krisis gangguan bekalan air yang melanda baru-baru ini. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau dan Syarikat Air Terengganu (SATU) yang tidak jemu turun padang bagi melihat sendiri perkembangan gerak kerja yang dijalankan. Tidak lupa juga kepada semua ADUN-ADUN, Penyelaras DUN, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, GLC Kerajaan Negeri dan Persekutuan, semua parti-parti politik, Jabatan Amal, pihak NGO dan para sukarelawan serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung berganding bahu demi kesejahteraan rakyat Terengganu yang terjejas. Terima kasih juga yang tidak terhingga pada seluruh rakyat Terengganu yang berhadapan dengan krisis ini kerana sentiasa sabar dan terus memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan Negeri dalam memastikan krisis ini dapat diselesaikan dengan jayanya. *Insyaa-Allah* bagi pihak Kerajaan kita akan memperkemaskan lagi sistem bekalan air negeri supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan ada bertitah untuk kita mengeneppikan perbezaan pendapat dan parti politik agar kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Suka juga untuk saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk meneliti suasana politik pada hari ini yang sudah berubah dan melalui berbagai fasa. Tiada lagi mana-mana parti politik yang boleh membentuk

Kerajaan secara bersendirian di peringkat Persekutuan, buktinya adalah dengan terbentuknya Kerajaan Persekutuan pada hari ini, yang disokong oleh pelbagai parti politik atas asas kerjasama. Suasana yang ada pada hari ini membawa kita untuk melihat kerjasama politik dan ianya merupakan pendekatan yang terbaik setakat ini bagi menjamin kestabilan politik peringkat Negeri dan Negara terutamanya kerjasama politik antara parti-parti Melayu Islam.

Semalam atau dalam bahasa kita di Negeri Terengganu ini, kelmarin pada 14 September 2021 merupakan ulangtahun kedua termeterainya Piagam Muafakat Nasional antara PAS dan UMNO yang menjadi pencetus kepada penyatuan umat Islam dan orang-orang Melayu. Penyatuan ini merupakan sesuatu yang dikehendaki oleh rakyat terutamanya mereka yang sudah bosan dengan politik konfrantasi dan politik berbalahan. Rakyat mahu politik yang matang dan memberikan kesejahteraan buat semua. Usia kita baru dua tahun. Namun usaha untuk mendekatkan dan merapatkan kedua buah parti ini sama ada di peringkat kepimpinan mahupun akar umbi tetap perlu kita gerakkan walaupun seinci demi seinci. Dalam usaha ini, pasti banyak yang perlu dipertimbangkan. Banyak kesukarannya dan menyentuh sedikit sebanyak kepentingan masing-masing. Namun sebarang perbezaan dan salah faham wajarlah kita uruskan dan luruskan di meja perundingan dan perbincangan.

Usaha ini tentunya bukan mudah, tambahan pula kita hidup dalam suasana politik yang sebegini selama puluhan tahun pastinya proses mendekatkan dan menyejukkan itu memakan masa. Namun saya optimis jika kita sebagai pemimpin memainkan peranan masing-masing pastinya rakyat akan dapat menikmati hasil penyatuan yang kita gerakkan ini. Bak kata orang tua-tua, yang pekak pelepas bedil, yang buta pengembus lesung, yang bisu penggerak ayam, yang lumpuh penghuni rumah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan juga pada hari ini mewakili seluruh Ahli Dewan mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua petugas *frontliners* yang terdiri dari berbagai agensi seperti Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa PDRM, Angkatan Tentera, APMM, semua kementerian dan jabatan-jabatan yang sama-sama berjuang di medan bagi mengawal dan memulihkan tahap kesihatan dan keselamatan rakyat dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini. Marilah kita sama-sama



dalam Dewan ini dengan izin Dato' Yang di-Pertua, untuk kita sama-sama berikan tepukan dan berdiri sebagai tanda sokongan kita bersama.

*[ADUN sama-sama berdiri dan memberi tepukan tanda sokongan]*

Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pencapaian suntikan dos pertama di Negeri Terengganu bagi populasi dewasa telah mencapai 90%, populasi dewasa 18 tahun ke atas. Manakala dos kedua, dua dos adalah 70% populasi dewasa. Dan juga 58.3% bagi keseluruhan populasi Negeri Terengganu. Berdasarkan data ini dan kadar penggunaan katil ICU harian yang terkawal serta kadar jangkitan kes yang mampu menurun *insya-Allah* kita di Negeri Terengganu mampu untuk keluar dari fasa dua ke fasa tiga, dalam tempoh yang terdekat, mungkin dalam sehari dua ini.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *dok* berapa jelas tadi jumlah yang divaksinasi. Yang pertama yang kedua, *total* berapa? 50?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang mendapat satu dos untuk populasi dewasa 18 tahun ke atas sebanyak 90% dan yang mendapat dua dos populasi dewasa sebanyak 70%.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Keseluruhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Untuk keseluruhan 58.3% berdasarkan 1.2 juta penduduk. Maknanya dalam tempoh tiga minggu lagi kerana selang masa dos pertama dan dos kedua ini ada tiga minggu, kita *insya-Allah* akan mencapai 90% kerana yang telah cucuk sekali itu ikut mana pun dia akan mari untuk kali yang kedua, jadi *insya-Allah* dalam masa tiga minggu lagi kita akan capai 90% populasi dewasa. Mengikut unjuran penduduk terdapat kira-kira 74,910 penduduk dewasa lagi yang belum mendapat suntikan, ada 74 hampir 75,000, sehubungan dengan itu, kita menyeru pada mana-mana penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas yang belum mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 agar segera mendapatkannya di mana-

mana PPV awam berdekatan, ianya boleh dilakukan secara *walk in* atau panggilan melalui *mysejahtera*. 75,000 yang kita kena cari, di waktu yang sama sebenarnya ada isu tertentu yang berlegar di waktu ini, di kalangan anggota Jawatankuasa Khas menangani pandemik di peringkat Negeri Terengganu, iaitu kadar vaksinasi yang agak rendah di beberapa daerah iaitu Daerah Dungun, Setiu dan Besut berbanding dengan daerah-daerah lain. Isunya ialah, sebenarnya semua pihak di daerah yang berkenaan dari Pejabat Kesihatan Daerah, Agensi-agensi, Pejabat Daerah, Pejabat ADUN dan penyelaras, JPKK sedang mencari seramai mungkin penerima vaksin kerana bilangan individu dalam data mungkin ada, tetapi gagal dikesan di mana mereka berada, dan ada kemungkinan mereka mendapatkan vaksin di daerah sebelah maka nama mereka, data mereka, bilangan mereka dimasukkan dalam data daerah yang sebelah atau di negeri lain tempat mereka bekerja dan tidak berada di kampung halaman mereka sendiri. Ini masalah yang kita hadapi sekarang ini, orang kata *puah* dah kita *dok* cari mana lagi orang tak vaksin sampai kita rasa macam tidak ada orang dah, jadi inilah menunjukkan kerjasama semua pihak untuk sama-sama kita cari, kita kejar, kita ajak 75,000 lagi rakyat negeri kita yang belum menerima vaksin. inilah juga kesan yang kita katakan sebagai *awkward migration* dengan izin di atas apa jua sebab yang munasabah, perkiraan diri mereka berada di negeri tetapi mungkin jasad mereka berada di negeri-negeri lain atas apa jua sebab. Walau bagaimanapun dalam masa yang sama, data dan statistik ini sedang diperhalusi dan dimurnikan bersama agensi berkaitan di peringkat Persekutuan. Tindakan mendapatkan vaksin ini amat penting untuk kita mencapai imuniti kelompok di Negeri Terengganu supaya semua dapat dilindungi daripada jangkitan COVID-19. Suntikan kepada golongan remaja juga akan dimulakan tidak lama lagi, diharapkan semua ibu bapa dan penjaga bersetuju untuk membenarkan anak-anak masing-masing menerima suntikan agar para pelajar kita akan dapat menghadiri persekolahan dalam suasana yang lebih selamat.

Sebelum saya akhiri penggulungan saya pada kali ini, saya mewakili semua Ahli-ahli Berhormat ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan, Bentara, Pejabat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri atas penambahbaikan sistem paparan dan cara pengendalian pada hari ini, pada sidang kali ini, *alhamdulillah*, terima kasih di atas penambahbaikan ini, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

persidangan kita pada kali ini, *insya-Allah* ianya akan dikira sebagai suatu amal kebajikan di sisi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, sekianlah sahaja.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Wakil Rhu Rendang, yang telah membuat pengulungan terakhir bagi pihak kerajaan. *Alhamdulillah*, pengulungan bagi pihak Kerajaan telah selesai, sekarang saya buka kepada undian-

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

## **USUL INI DITERIMA.**

### **PERLANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Pelantikan Ahli Dewan Negara

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah memaklumkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, bahawa terdapat satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu telah berlaku. Kekosongan ini adalah disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih seorang Ahli Dewan Negara yang baru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan supaya diadakan pemilihan seorang Ahli Dewan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu, Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh, maka saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mengemukakan cadangan, sila Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan mohon mencadangkan

“Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih semua Yang Berbahagia Dato' Haji Husain bin Awang sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan”.

Yang Berhormat Dato' di-Pertua, saya ingin juga menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara.

### **Biodata Calon**

Yang Berbahagia Dato' Haji Hussain Bin Awang adalah merupakan anak tempatan Daerah Besut, Terengganu dilahirkan pada tanggal 10 Ogos 1946 dan dikurniakan sepuluh orang cahaya mata bersama isteri, Toh Puan Hajjah Maliah Binti Mohamad.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Luas, Jertih dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Setelah mendapat keputusan yang cemerlang beliau ditawarkan untuk meyambung pengajian ke Universiti Islam Madinah, Arab Saudi dan mendapat Ijazah Pertama (BA).

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada Julai 2018 sehingga Julai 2021. Beliau juga berpengalaman luas sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, di mana beliau telah diberi kepercayaan untuk menerajui Dewan Undangan Negeri Terengganu dari tahun 1999 sehingga 2004. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan merupakan seorang mantan Pensyarah dari Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan juga Pensyarah Kolej Islam, Klang, Selangor.

Bergerak aktif dalam bidang politik di mana beliau merupakan seorang Ahli Majlis Syura Ulama, Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama' PAS Pusat yang dilantik sejak tahun 2013 hingga sekarang. Terkini beliau telah dilantik pada tahun 2017 sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu.

Yang Berbahagia Dato' Haji Hussain Bin Awang juga telah dikurniakan Anugerah Dato' Paduka Mahkota Terengganu (DPMT) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu pada tahun 2002 dan Pingkat Jasa Pendamai (JP) pada tahun 2001.

Saya kemukakan latar belakang ini, semoga dengan penyertaan beliau sebagai wakil Terengganu dalam Dewan Negera akan dapat memberikan suatu sumbangan kepada agama, negara, dan juga negeri. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):  
Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diterima dan mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan kepada undian.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

#### **USUL INI DITERIMA.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mengisytiharkan bahawa Yang Berbahagia Dato' Haji Husain bin Awang telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada. Saya ucapkan tahniah dan syabas. Selamat bertugas untuk kecemerlangan negeri dan rakyat Terengganu. Oleh kerana beliau berada bersama kita pada tengahari ini, saya jemput untuk berdiri sekejap.

*[Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang berdiri dan diikuti oleh tepukan sokongan dari Dewan].*

Terima kasih Yang Berhormat sekalian.

**RANG UNDANG-UNDANG**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan Bin Tengku Omar, Wakil Ladang mengemukakan Rang Undang-Undang yang pertama.

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU  
(PINDAAN) 2021**Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang Orang Melayu 1360 [En. Tr. 17/1360], dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon meyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG  
MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9 (iii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360 supaya **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD** menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindahmilik.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oleh kerana tiada perbincangan, kita teruskan pembentangan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360. Sekarang saya buka kepada undian -

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG  
MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG MELAYU 1360 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*



**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:**

**1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2021.**

**(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH PENYIARANNYA DALAM WARTA.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2021.**

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, Wakil Alur Limbat mengemukakan Rang Undang-Undang yang kedua.

**ENAKMEN TAMAN NEGERI TERENGGANU (PINDAAN) 2021**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TAMAN NEGERI TERENGGANU  
2017, DIBACA KALI YANG PERTAMA

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017 [Enakmen Bil. 2 Tahun 2017]

2. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
3. Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan tafsiran "Pihak Berkuasa Negeri" dan "tanah Negeri" di bawah seksyen 2 Enakmen ibu dengan menafsirkan Pihak Berkuasa Negeri dan jenis-jenis tanah Negeri.
4. Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan Seksyen 8 Enakmen ibu dengan memberikan kapasiti dan entiti perundangan kepada Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu
5. Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan Seksyen 8A dalam Enakmen ibu bagi memperuntukkan perincian meterai biasa Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu.
6. Fasal 5 bertujuan untuk menambah Seksyen 9A dalam Enakmen ibu bagi

- memperuntukkan tertib mesyuarat Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu.
7. Fasal 6 bertujuan untuk meminda perenggan 13(1)(a) Enakmen ibu bagi memperuntukkan keperluan pewartaan Pelan Pengurusan Taman Negeri.
  8. Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1) Enakmen ibu bagi memperuntukkan bahawa Pengarah Taman Negeri yang dilantik hendaklah daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Terengganu. Pindaan kepada subseksyen 15(2) adalah bagi memperuntukkan bahawa Timbalan Pengarah Taman Negeri dan Pegawai Taman Negeri boleh dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Terengganu.
  9. Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen 16A baru dalam Enakmen ibu untuk memperuntukkan kuasa kepada Majlis untuk melantik pakar, pegawai atau pekhidmat, untuk menentukan terma-terma dan syarat-syarat pelantikan mereka dan pemakaian Enakmen Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2002 [En.Tr.1/2002]. Seksyen 16B baru adalah untuk memperuntukkan butiran-butiran orang yang tidak boleh dilantik sebagai Ahli Majlis atau sebagai Pengarah, Timbalan Pengarah Taman Negeri, Pegawai Taman Negeri, pegawai atau pekhidmat Majlis atau sebagai ahli Jawatankuasa. Seksyen 16C baru adalah untuk memperuntukkan perwakilan kuasa oleh Pengarah di bawah Enakmen ibu. Seksyen 16D baru adalah untuk memperuntukkan butiran-butiran penentuan terma-terma perkhidmatan dan peraturan disiplin yang terpakai kepada Timbalan Pengarah Taman Negeri, Pegawai Taman Negeri, pegawai atau pekhidmat Majlis, kecuali mereka yang dilantik dalam kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Terengganu. Seksyen 16E baru adalah untuk memperuntukkan kuasa Majlis untuk melaksanakan penamatan perkhidmatan di atas kepentingan awam.
  10. Fasal 9 bertujuan untuk menggantikan seksyen 17 Enakmen ibu untuk memberikan perincian lanjut berkait penubuhan Kumpulan Wang Taman Negeri Terengganu dan sumber wangnya, perbelanjaannya dan penyalurannya kepada Kerajaan Negeri Terengganu dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

11. Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A dalam Enakmen ibu untuk memperuntukkan perincian berkait penubuhan Kumpulan Wang Pembangunan Taman Negeri, sumber wang dan perbelanjaannya. Seksyen 17B baru adalah untuk memperuntukkan perincian berkait penubuhan Kumpulan Wang Penajaan Taman Negeri, sumber wang dan perbelanjaannya. Seksyen 17C baru adalah untuk memperuntukkan pemberian kuasa kepada Majlis untuk membuat pinjaman bagi menjalankan obligasinya di bawah Enakmen ibu. Seksyen 17D baru adalah untuk memperuntukkan pemberian kuasa kepada Majlis untuk membuat pelaburan bagi wang yang tidak dibelanjakan di dalam Kumpulan Wang Taman Negeri Terengganu. Seksyen 17E baru adalah untuk memperuntukkan tatacara bagi pengurusan perintah atau cek yang ditanggungkan ke atas akaun Majlis. Seksyen 17F baru adalah untuk memperuntukkan tatacara berkait akaun dan penguaditan akaun-akaun Majlis. Seksyen 17G baru adalah untuk memperuntukkan tahun kewangan Majlis dan perbelanjaan amaun yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi setiap tahun daripada Kumpulan Wang Taman Negeri Terengganu.
12. Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 31 Enakmen ibu untuk memberi perlindungan kepada pegawai dan pekhidmat yang dilantik di bawah seksyen 16A.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oleh kerana tiada perbincangan, kita teruskan pembentangan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen

untuk meminda Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017. Sekarang saya buka kepada undian -

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TAMAN NEGERI TERENGGANU  
2017, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TAMAN NEGERI TERENGGANU  
2017 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU  
FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN  
DENGAN SEBULAT SUARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TAMAN NEGERI TERENGGANU 2017**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:**

**1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN TAMAN NEGERI TERENGGANU (PINDAAN) 2021**

**(2) ENAKMEN INI MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH YANG DITETAPKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI MELALUI PEMBERITAHUAN DALAM WARTA DAN PIHAK BERKUASA NEGERI BOLEH MENETAPKAN TARIKH-TARIKH YANG BERLAINAN BAGI PERMULAAN KUAT KUASA PERUNTUKAN YANG BERLAINAN DALAM ENAKMEN INI**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2021.**

## TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Sidang Dewan ini, saya ingin mengambil kesempatan, yang pertamanya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian selama 3 hari persidangan kita termasuklah kita telah menghabiskan persidangan hari yang terakhir pada masa yang telah diperuntukkan SOPnya oleh Majlis Keselamatan Negara dan Majlis Keselamatan Negeri. Yang keduanya, oleh kerana kekangan SOP saya juga memohon maaf kepada ketua-ketua jabatan yang pada kelazimannya sentiasa bersama di dalam persidangan sebegini tetapi tidak boleh bersama dan mereka mengikutinya secara atas talian. Begitu juga saya memohon maaf kepada pihak media, yang tidak dapat bertugas seperti biasa termasuklah berada di bilik yang dikhaskan tetapi saya nampak mereka juga gigih, berita tetap keluar pada setiap hari. Tidak lupa juga saya mengucapkan berbanyak terima kasih khususnya kepada Jabatan Kesihatan Negeri yang bekerjasama menguruskan pengesanan COVID-19 sepanjang kita berada dalam persidangan pada kali ini dan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan persidangan pada kali ini. Mudah-mudahan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* akan sentiasa memberkati setiap kali persidangan kita.

Dengan ini saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita tangguhkan dengan sama-sama membaca tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN ADA JAM 12.50 TENGAHARI.